

**7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2019**

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT KETIGA (BAJET)**

---

**SHAH ALAM, 7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tuan Amirudin bin Shari (Sungai Tua)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Datuk Abdul Rashid bin Asari, P.S.D., S.M.S., J.P.  
(Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi, P.J.K. (Sementa)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman (Sabak)

Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar, D.P.N. (Batang Kali)

Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli (Bukit Melawati)

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Sallehudin bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan (Taman Templer)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman bin Idham (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Mazwan bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri (Taman Medan)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Puan Jamaliah binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Tuan Borhan bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

**7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni (Sungai Kandis)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar (Seri Setia)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., JSM., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Zakaria bin Hj Hanafi (Semenyih)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

**7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali  
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Adhif Syan bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar, DMSM., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Rizam bin Ismail (Sungai Air Tawar)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Masri bin Mohd Daud, D.S.A.P., P.C.M.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

**7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Encik Muhajirih bin Ahmad  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
**Bentara**

Encik Mohamad Izad Shafiq bin Ahmad Mashudi  
Puan Nur Syahira Shazrin binti Mat Rohani  
**Pelapor Perbahasan**

\

**7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**(TUAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT)**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Selamat pagi dan salam sejahtera. Aturan Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Keempat Belas pada 7 November 2019 dimulakan dengan bacaan doa.

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN :** Bacaan doa.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan Mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER :** Salam sejahtera, selamat pagi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya mempersilakan Yang Berhormat Morib.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN :** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya yang ke 50.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN  
(N53 MORIB)**

**TAJUK : MPKK KAMPUNG TRADISI**

50. Bertanya Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) MPKK setiap kampung tradisi mempunyai pendapatan yang berbeza-beza tertakluk kepada prasarana dan kemudahan yang ada, persoalannya bagaimana dengan MPPK kampung tradisi yang kurang prasarana dan kemudahan untuk menambah pendapatan bagi mengadakan program kemasyarakatan. Adakah EXCO merancang untuk menambah peruntukan?

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Morib. Morib bertanya tentang MPPK setiap kampung tradisi mempunyai pendapatan yang berbeza dan apakah sebenarnya kaedah untuk menambahkan pendapatan dan seterusnya.

Tuan Speaker, majlis pembangunan komuniti kampung merupakan jentera pentadbiran di peringkat akar umbi yang dilantik oleh Kerajaan Negeri untuk membantu serta memudah cara pengurusan pentadbiran di peringkat negeri dan daerah secara dua hala, kepada semua penduduk-penduduk kampung. Ia juga merupakan membantu melaksanakan agenda dan dasar-dasar kerajaan untuk melahirkan komuniti yang berdaya maju, berdaya saing dan juga cemerlang. Perlu ditekan bahawa MPKK yang di wujudkan di setiap kampung tradisi ini adalah satu organisasi bukan entiti syarikat ataupun dengan izin, non profit organization, untuk menjana pendapatan sendiri. Untuk makluman kepada Yang Berhormat, pada masa ini peruntukan yang diberikan kepada setiap pengurusan komuniti kampung atau MPKK, adalah dari dua sumber. Pertama, adalah sebanyak RM20,000.00

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

yang mana ia merupakan dari keputusan kerajaan MMKN Ke-18/2018 yang bersidang pada 27 Jun 2018. Yang mana bersetuju mencadangkan kenaikan daripada RM10,000.00 kepada RM20,000.00 untuk tahun uni dan seterusnya. Dan juga sumber kedua, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 27 Jun 2018 juga, telah bersetuju untuk memperkenalkan insentif baharu kepada MPKK iaitu geran pembangunan berskala kecil dengan jumlah tidak melebihi RM10,000.00 setahun. Peruntukan ini dijangka akan memberikan manfaat kepada 10,000 MPKK di seluruh Malaysia, dan Alhamdulillah, di Negeri Selangor, 371 MPKK yang telah wujud telah pun mendapatkan manfaat yang dinyatakan. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri berpandangan, bahawa jumlah peruntukan yang diterima oleh MPKK, pada ketika ini, iaitu RM20,000.00 daripada Kerajaan Negeri, dan juga RM10,000.00 melalui permohonan geran Majlis Pengurusan Kampung, adalah memadai dan bersesuaian dengan situasi dan keadaan semula. Jika satu MPKK ingin terlibat di dalam perniagaan, buat masa ini, keputusan yang ada, adalah mereka perlulah digalakkan membuka koperasi terlebih dahulu, supaya pertama, bimbingan daripada SKM ataupun daripada syarikat, daripada suruhanjaya koperasi Malaysia, dan manfaat kepada semua serta lebih telus daripada sudut urusan. Jadi itu perkara yang saya nak nyatakan, bahawa sebenarnya kita tidak menggalakkan MPKK membuat perniagaan, apa ni, tetapi jika mananya MPKK ingin melaksanakan perniagaan, sebaiknya mereka dibimbing ataupun membuka koperasi kampung supaya manfaatnya kepada semua. Itu saja Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Taman Templer.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO, cuma nak tanya Yang Berhormat EXCO la, kalau MPKK yang besar, macam di kawasan saya tu ada MPK, Selayang Baru. Selayang Baru ni, dia makan dua tokey. Dia makan tokey Taman Templer astu, dia makan tokey Sg. Tua satu. Dan kawasan jajahannya agak luas. Kawasan agak padat. Masalahnya pun terlalu banyak. Jadi adakah berhasrat untuk memecahkan pentadbiran MPKK ni daripada satu kepada dua. Terima kasih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih Taman Templer. Memang kita sedang meneliti semua MPKK yang ada yang besar sangat. Yang masuk dua sempadan. Ada yang terlalu kecil sangat, ada 20 unit rumah sahaja. Jadi sebenarnya urusan untuk, apa ni, untuk mensempadankan semula ataupun untuk memecahkan ataupun mengecilkan ataupun mentiadakan atau menambahkan, apa ni, MPKK ni, sentiasa di buat. Tetapi permohonan itu mestilah, saya rasa saya dah sebut dalam sidang yang lepas, iaitu kita ada proses, iaitu kita akan bawa kepada JPBD, Jabatan Perancang Bandar dan Desa ataupun sekarang dikenali sebagai Plan Malaysia untuk mereka teliti terlebih dahulu dan akhirnya kita angkat untuk MMKN pertimbangkan.

**TUAN SPEAKER :** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 51.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN (N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : PENGUNJUNG DOMESTIK**

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Berapakah pengunjung domestik ke tempat pelancongan di Negeri Selangor?
  - Apakah usaha kerajaan untuk menarik lebih pelancong ke Negeri Selangor daripada mereka ke luar negara?

**Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI :** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gasing. Tuan Speaker, jumlah kedatangan pelancong domestik ke Negeri Selangor bagi tahun 2018, adalah sebanyak 4.1 juta pelancong, di mana ia menyumbang sebanyak 55% daripada jumlah keseluruhan pelancong ke Negeri Selangor bagi tahun tersebut. Manakala bagi tempoh Januari – Jun 2019, jumlah kedatangan pelancong domestik ke Negeri Selangor, adalah dianggarkan sebanyak 1.96 juta orang. Prestasi kedatangan pelancong domestik tersebut meningkat sebanyak 4% jika berbanding dengan kedatangan pelancong domestik bagi tempoh yang sama bagi tahun 2018. Tourism Selangor giat menjalankan aktiviti mempromosi destinasi pelancongan untuk produk pelancongan pada fasa domestik melalui berbagai-bagai cara, iaitu dengan menghadiri ataupun mengambil bahagian di dalam promosi dalam negara, seperti MATTA Fair, Mitta Fair, Jelajah negeri-negeri di luar Selangor dan juga melalui skuad kembara sekolah, yang mensasarkan pasaran pelancong domestik di dalam Malaysia ini. Skuad kembara sekolah kita lakukan oleh pasukan daripada team daripada Tourism Selangor yang mensasarkan ataupun mempromosikan produk-produk pelancongan Negeri Selangor kepada murid-murid, guru-guru dan ibu bapa di sekolah-sekolah Negeri Selangor dan juga sekolah-sekolah di luar Negeri Selangor. Dan kami mengucapkan setinggi terima kasih kepada pihak jabatan pendidikan Negeri Selangor, yang telah memberikan pengiktirafan melalui siri-siri penyertaan yang telah dikeluarkan pada pelajar yang mengambil bahagian.

Selain daripada itu, kerjasama Tourism Malaysia dan juga syarikat-syarikat penerbangan seperti Malindo Air, Air Asia di dalam menganjurkan Program Air Fan Tree kepada agensi-agensi pelancong dari negeri-negeri di seluruh Malaysia. Untuk melawat dan merasakan sendiri tentang keunikan produk-produk pelancongan di Negeri Selangor. Dan kemudiannya agensi-agensi berkenaan, akan menghasilkan pakej-pakej pelancongan Negeri Selangor untuk ditawarkan kepada pasaran pelancong domestik di Negeri Selangor.

Selain daripada itu Yang Berhormat, kita juga menerima pelancong-pelancong yang saya kategorikan, saya kategorikan sebagai *seasonal tourist*. Iaitu contohnya seperti jemaah-jemaah haji yang berkumpul di kompleks jemaah haji di Putrajaya seperti yang kita tahu, jumlah yang dibenarkan untuk jemaah haji mengerjakan haji tiap-tiap tahun ke Mekah ialah sebanyak 28,000 jemaah. Dan bayangkan sekiranya jemaah haji ini datang bersama-sama dengan keluarga mereka, dah tentu akan menambahkan lagi pelancongan ke Negeri Selangor. Begitu juga dengan majlis-majlis konvokesyen universiti-universiti di Negeri

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

Selangor yang agak banyak jumlahnya, dan bila penuntut-penuntut atau pelajar-pelajar ini menerima ijazah mereka, sudah keluarga mereka akan datang ke Negeri Selangor dan tinggal di kawasan yang berhampiran dengan universiti-universiti tersebut.

Dan untuk makluman Yang Berhormat juga, satu laporan telah dikeluarkan oleh Jabatan Statistik Negara, yang dilaporkan pada 27 September yang lalu, dan telah dilaporkan di dalam majalah The Edge, sebuah magazine ataupun yang terbesar di Malaysia tentang cara-cara ataupun pengendalian perniagaan di seluruh negeri, di seluruh negara. Dan majalah ini menyebut bahawa tourist receipt yang diterima oleh Negeri Selangor pada tahun 2018 ialah sebanyak 13.2 billion. Ini menunjukkan bahawa jumlah pelancongan yang datang ke Negeri Selangor, di Selangor, adalah lebih daripada 4.1 juta, yang saya sebutkan tadi, kerana kita tidak mempunyai satu data yang spesifik tentang kehadiran pelancong-pelancong. Insya-Allah kita sekarang dalam proses membangunkan satu sistem yang lebih sistematik, yang lebih baik dan kita anggarkan sistem ini boleh dilaksanakan pada awal tahun depan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER :** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat bagi jawapan tersebut yang saya perhatikan banyak usaha tu menjurus ke arah sekolah dan juga fair. Bagaimana pula dengan media sosial, sebab selama ini saya di face book, instagram, youtube, saya tidak pernah melihat apa-apa produk pelancongan kita. Ada tak tourism Selangor atau Kerajaan Negeri Selangor menggunakan media sosial untuk mengiklan tourism, produk kita, seperti di Sekinchan, cukup banyak produk yang mungkin orang di petaling jaya tak tahu dan tak pergi. Bagi menggalakkan industri pelancongan.

**Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI :** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita telah pun melancarkan website, apa nama tu, pelancongan Selangor, yang dikenali sebagai Take Me Anyware, di dalam instagram, facebook, wee hat, whai boo ... dan sebagainya. Dan untuk makluman yang berhormat, kita telah melancarkan website ini dalam lima bahasa, iaitu Bahasa Cina, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Jepun dan Bahasa Arab. Jadi kalau Yang Berhormat check dalam instagram, semua ada, produk pelancongan Selangor, Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER :** Jeram.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Terima kasih Tuan Speaker. Yang berhormat, memandangkan pusat khidmat masyarakat ataupun BKM ini dikunjungi oleh orang-orang tempatan, boleh dikatakan jadi tumpuan. Jadi adakah kerajaan berhasrat untuk meletakkan apa ni, brochure, apa nama dipanggil, flyers, yang berkenaan tempat-tempat tertentu, contohnya kalau di kuala Selangor, tempat-tempat menarik. Jadi kalau letak di semua DUN, jadi maka orang datang tu, dia akan nampak tempat untuk nak lawat. Itu satu cadangan, saya rasa yang nampak berkesannya sekarang ini, macam yang berhormat kata tak nampak. Jadi yang ini nampak dan jelas, benda tu ada di semua ADUN, dekat kerajaan.

**7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI :** Terima kasih Yang Berhormat Jeram. Satu cadangan yang amat baik, Yang Berhormat Jeram memang banyak mengeluarkan ataupun mengadakan berbagai-bagai cadangan tapi ini satu cadangan yang baik, insya-Allah, kita akan edarkan brochure-brochure tentang produk-produk pelancongan negeri Selangor ke seluruh pusat khidmat di seluruh negeri Selangor, Insya-Allah. Terima kasih Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER :** Bukit Melawati.

**Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI :** Tuan Speaker, soalan saya, 52.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI**  
**(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : PRODUKTIVITI PERTANIAN**

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk menggalakkan peningkatan produktiviti dan hasil pertanian serta pendapatan para petani dan pekebun kecil?
  
- b) Apakah tanaman dan produk pertanian utama yang menjadi fokus pembangunan pertanian di Daerah Kuala Selangor serta jumlah pengeluaran dan pendapatannya?

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Melawati. Tuan Speaker, Bukti Melawati bertanya soalan berhubung dengan inisiatif Kerajaan Negeri untuk menggalakkan peningkatan produktiviti dan hasil pertanian serta pendapatan para petani pekebun kecil terutama di Daerah Kuala Selangor, dan juga jumlah pengeluaran dan pendapatannya.

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian sentiasa berterusan membantu keperluan para petani dan pekebun kecil berhubung dengan keperluan input mereka iaitu baja dan juga benih, peralatan dan juga khidmat nasihat kepada golongan petani bagi meningkatkan pendapatan mereka. Pelbagai program dilaksanakan termasuk pembangunan dalam industri padi, kelapa, sayur, buah-buahan, cendawan, herba, madu kelulut dan juga tanaman hiasan. Kerajaan Negeri turut mengenal pasti produk-produk baru yang bernilai tinggi, HVAP, dengan izin, yang boleh memberikan pulangan tinggi seperti tanaman rossel, lemon mata, nenas MD2, halia bentong dan juga melon, yang bernilai tinggi. Untuk setakat ini bagi pembangunan pertanian di daerah Kuala Selangor, beberapa jenis tanaman kontan ini dan juga padi, telah berjaya buat pengeluaran yang agak tinggi. Contohnya rock melon, dalam tanaman fertigasi. Setakat ini pengeluarannya ialah di 305 tan, dengan pendapatan purata, pendapatan petani RM9,559.00 sebulan. Cendawan tiram, 223 tan dengan pendapatan RM15,762.00 sebulan. Cili fertigasi, pengeluarannya adalah 106 tan, dengan pendapatan kasar, RM2,257.00 sebulan. Dan untuk padi, di kawasan Sawah Sempadan, pengeluarannya ialah 21 tan, 21,831 tan, dengan hasil pendapatannya RM1,110 sebulan.

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

Dan padi di kawasan Sungai Burong, 36,932 tan, dengan pendapatan RM1,461 sebulan setiap petani. Ini, setakat ini, yang, setakat ini apa yang telah diusahakan di kawasan Daerah Kuala Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih, soalan tambahan. Adakah kerajaan Selangor berminat untuk menerokai satu bidang perniagaan yang baik iaitu tentang penanaman pokok-pokok bunga warna warni, yang sedang berjalan dengan baik, telah dimajukan oleh sebuah syarikat di Malaysia. Mendapat kontrak penanaman landscaping di Palm Island Dubai. Ini merupakan satu industri yang baik, adakah berminat melakukannya.....

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang, itu yang saya sebutkan tadi, tanaman hiasan. Itu di bawah tanaman hiasan. Merupakan salah satu lagi sumber yang kita sedang teliti, termasuk juga kita akan beri penilaian khusus terutamanya tanaman orkid untuk eksport. Ini kita yang telah, sedang dalam perbincangan dengan pihak yang pakar dalam bidang tanaman orkid eksport ini. Dan juga tanaman-tanaman hiasan lain juga ada permohonan, ada permintaan untuk ita wujudkan. Tetapi kita perlu menilai sebagaimana kita buat penilaian kepada tanaman-tanaman lain. Kita memulakan dengan memberi kepada pasaran dahulu. Pasaran merupakan kita punya langkah awal sebelum kita mengambil tindakan susulan untuk pelaksanaan ataupun untuk penanamannya. Kita akan lihat besarnya pasarannya. Adakah mempunyai potensi yang besar, barulah kita mengambil langkah-langkah untuk penanaman. Dan juga satu lagi yang kita buat di negeri Selangor, ialah supaya tidak ada pergantungan pada satu jenis produk saja. Kerana pengalaman kita dalam kelapa sawit mengajar kita supaya tidak memberi tumpuan pada satu jenis tanaman saja. Kerana bila berlaku, kemelut atau ekonomi ataupun kegagalan dalam pasaran, kita akan menghadapi masalah yang besar. Jadi ini yang sedang kita buat di negeri Selangor. Terima kasih.

**Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB :** Tambahan sikit.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB :** Tambahannya, bagi saya pasarannya ada, pasarannya adalah rakyat Selangor yang perlu dihadiahkan dengan hiasan yang cantik. Kalau di PBT PBT kita, kita tanam, bagikan di antara landscaping biasa dengan landscaping yang berwarna warni. Ia merupakan satu pasaran yang baik.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Itu yang saya sebutkan tadi. Kita akan menilai dan mengkaji pasaran. Biar kita buat secara sistematik dan kita bila ada kepastian begitu, baru kita ambil langkah-langkah susulan yang lain, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Panjang.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan saya nombor 53.

**7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : RUMAH IDAMAN RAKYAT SELANGOR**

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini Program Rumah Idaman Rakyat Selangor?
- b) Apakah kelayakan dan kriteria pemilikan Rumah Idaman Rakyat Selangor?

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Terima kasih Tuan Speaker dan juga Sungai Panjang yang membangkitkan perkara berkaitan dengan Rumah Idaman.

Untuk makluman Sungai Panjang sebanyak dua projek perintis Rumah Idaman Rakyat Selangor yang diterajui oleh Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) telah pun diluluskan oleh Kerajaan Negeri dalam usaha mempelbagaikan penyediaan dan pilihan Rumah Mampu Milik di Negeri Selangor selain projek Rumah Selangorku bagi golongan sasaran B40 & M40. Kedua-dua projek ini kini dalam proses memperoleh kelulusan Kebenaran Pendirian Bangunan (KMB) dan juga Pelan Bangunan (BP) daripada Pihak Berkusa Tempatan (PBT) berkaitan. Dan seterusnya mendapatkan Permit Menjual dan Pengiklanan (APDL) daripada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sebelum ianya dapat ditawarkan kepada golongan sasaran. Saya juga difahamkan ramai yang telah bertanya tentang rumah idaman ini. Hanya dia belum lagi dibuka untuk pendaftaran kerana menunggu Lesen Permit Menjual dan juga Pengiklanan.

Jadi, dua projek tersebut adalah, pemaju yang akan membangunkannya adalah Konsortium PNSB Construction di dalam Kawasan seliaan MPKj. Dan ini melibatkan sebanyak 2,059 unit. Dan satu lagi, projek yang kedua ialah dibawah pemaju Trans Loyal Development, di dalam Kawasan MPKj juga. Yang ini juga dalam proses untuk memperoleh kelulusan kebenaran merancang. Jadi Rumah Idaman Rakyat Selangor ini sebenarnya adalah salah satu produk untuk dibawah dasar Rumah Selangorku 2.0 yang telah di naik taraf dan spesifikasi dengan kelengkapan dalaman kediaman tersebut seperti kabinet dapur, peti sejuk, perabot dan juga alat penghawa dingin. Dan juga kekemasan lantainya dengan jubin. Kediaman ini adalah ditawarkan kepada golongan B40 dan juga M40.

Dan syarat-syarat kelayakannya seperti, sama seperti RSKU yang lain, Rumah Selangorku yang lain, laitu :-

- i. Perlulah warga Malaysia, berumur 18 tahun dan ke atas.
- ii. Pendapatan isi rumah tidak melebihi RM10,000.00 sebulan. Warganegara Malaysia;
- iii. Berumur 18 tahun dan ke atas;
- iv. Pendapatan isi rumah tidak melebihi sehingga RM10,000 sebulan.

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

- v. Pemohon dan pasangan tidak mempunyai sebarang jenis rumah kediaman di Selangor.
- vi. Pemohon atau pasangan yang telah memiliki rumah kos rendah (Jenis A) selama lima (5) tahun ke atas boleh memohon Rumah Selangorku ini. Jenis B, C dan D dengan syarat mengemukakan surat permohonan bersekali dengan salinan Perjanjian Jual-Beli.
- vii. Permohonan pindah milik hanya dibenarkan selepas 5 tahun dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri;
- viii. Pemohon boleh berdaftar di atas talian laman sesawang Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS).

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Terima kasih. Adakah pemilik rumah idaman ini dibenarkan untuk menyewa rumah ini dalam tahun pertama, tahun kedua selepas mendapat kunci. Dan jika tidak, apakah mekanisme Kerajaan Negeri untuk menghalang ataupun untuk mengambil tindakan penguatkuasaan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Sepertimana rumah-rumah Selangorku yang lain, pemilik adalah pemilik yang, maknanya rumah pertama yang dimiliki. Oleh itu ia hanya dibenarkan untuk tinggal di dalamnya dan bukan untuk disewakan. Sekiranya berlaku perlanggaran syarat tersebut, maka tindakan akan diambil ke atas mereka yang telah, kita panggil melanggar syarat, yang kita letakkan lah. Di mana pendaftaran hanya dibuka kepada mereka yang belum memiliki rumah, kerana itu mereka tidak layak untuk menyewakannya. Selain daripada itu, sekiranya mereka juga menyewakan kepada pihak warga asing juga membuat pengubahsuaian kepada unit-unit tersebut, maka ini juga tindakan boleh diambil dibawah Akta Pengurusan Strata dan juga bangunan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Walau bagaimanapun, kita dengan kerjasama COB dan juga JMB, mereka disarankan mengadakan House Rules, maknanya unit-unit yang ada ini hanya untuk didiami bukan untuk disewakan. Selain daripada itu, kita sentiasa memantau, ataupun sekiranya ada aduan-aduan berkaitan dengan unit-unit yang disewakan itu, kita akan membuat siasatan dan terus mengambil tindakanlah. Dan sebagai contoh, kita ada unit Azaria, di Kelang, yang telah disewakan, juga kita telah ambil tindakan dan penyewa telah keluar daripada unit tersebut. Tetapi dikecualikan ataupun bagi mereka yang sekiranya telah berpindah tempat bekerja, dan tidak lagi sesuai untuk mereka tinggal di unit tersebut, pemilik boleh sebenarnya meminta untuk dikecualikanlah. Dengan kebenaran. Terima kasih.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Soalan tambahan..

**TUAN SPEAKER :** Sungai Panjang.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Terima kasih Yang Berhormat Speaker dan juga terima kasih Yang Berhormat Lembah Jaya di atas penerangan ataupun pencerahan Rumah Idaman. Namun kita sedia maklum, antara cabaran pelaksanaan rumah Selangorku adalah daripada segi enforcement, terutama moratorium, yang lima tahun itu. Apakah pendekatan untuk Rumah Idaman. Adakah ianya akan dimasukkan

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

dalam sekatan syarat dalam geran ataupun hanya, apa nama ni, ada satu memo perjanjian, supaya ianya tidak boleh dipindah milik ataupun disewakan. Dan satu lagi bagaimana enforcement dalam tempoh lima tahun tu. Adakah ada lawatan dan sebagainya daripada pihak LPHS dan sebagainya. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Terima kasih kepada Sungai Panjang. Memang, sebenarnya terdapat moratorium berkaitan dengan tempoh lima tahun yang tidak dibenarkan untuk menjual unit tersebut. Jadi mereka tidak dapatlah untuk berbuat demikian. Berkenaan dengan unit-unit RSKU itu, kita sentiasa memantau seperti yang saya telah jawab kepada soalan ataupun yang dibangkit oleh Bukit Gasing sebentar tadi. Namun, kita meminta kerjasama daripada semua kerana kawalan terhadap rumah-rumah ini adalah untuk mengelakkan spekulasi oleh pasaran dan yang akan menyebabkan harga rumah akan melambung dan juga mungkin ada pihak yang membeli rumah ini untuk tujuan pelaburan. Jadi itu kita sentiasa memantau. Terima kasih.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Yang Berhormat, maksud saya, moratorium tu adalah satu dokumen yang perlu dipersetujui ditandatangani. Cuma kadang-kadang saya lihat, rumah Selangorku, rumah-rumah pertama ini, dia tidak ada sekatan yang nyata dalam geran. Jadi ia tidak boleh menyekat pemilik ataupun yang telah diberikan untuk pindah milik. Jadi dia boleh pindah milik tanpa ada sebarang sekatan. Walaupun ada moratorium, tapi enforce moratorium tu pun, kita tak tau macam mana, daripada segi legal instrumen tersebut.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Kita sebenarnya dalam perbincangan juga. Sebab sebelum ini, title kepada rumah ini, ada menyebut rumah kos rendah ataupun rumah kos sederhana. Itu sebelum ini. Jadi kita juga dalam usaha untuk menukarnya kepada rumah harga kawalan. Supaya mereka tidak boleh menjual rumah harga kawalan ini dalam tempoh lima tahun daripada tarikh mereka menandatangani S&P.

**TUAN SPEAKER :** Dengkil, tak hadir. Pelabuhan Klang,

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan Pelabuhan Kelang nombor 55.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI (N46 PELABUHAN KLANG)**

#### **TAJUK : PROJEK PENCAHAYAAN KAMPUNG TRADISI**

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status projek pencahayaan di kampung tradisi Negeri Selangor?
- b) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi projek pencahayaan di Kampung Tradisi Negeri Selangor dari tahun 2015 sehingga kini?

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Pelabuhan Kelang. Pelabuhan Kelang bertanya tentang status projek pencahayaan di kampung tradisi Negeri Selangor. Pada awal suku tahun ini, Stanco kampung tradisi mendapati bahawa sebenarnya tiada inventori khas selain daripada jalan-jalan kampung untuk yang ataupun status yang telah didapat dibawah infra di Kampung Tradisi iaitu selain isu pencahayaan isu balai raya dan sebagainya semua belum ada inventori yang betul-betul mantap. Jadi suku tahun yang awal ini, kita telah pun membuat satu pendekatan iaitu Kampung Tradisi telah pun bekerjasama dengan KPLB yang mewajibkan semua 371 Kampung-kampung Tradisi mula mendaftarkan semua perkara ini dengan menggunakan Sistem Profil Kampung yang saya selalu sebut dalam jawapan saya yang lepas. Dan sehingga hujung tahun ini, bagi memastikan kekurangan kerosakkan boleh dirancang dengan baik dalam tempoh tiga tahun ini jadi semuanya perlu diserahkan dan alhamdulillah sebahagian besar dari kampung-kampung ini telah menyerahkan dan jadi dengan adanya Sistem Profil Kampung ini kita telah pun boleh merancang dalam tempoh tiga tahun ini bagi melengkapkan infrastruktur Kampung Tradisi termasuklah Projek Pencahayaan atau pun lampu jalan kampung kalau istilah kelak yang diguna pakai baik di peringkat negeri dan kita mungkin juga akan bekerjasama dengan KPLB untuk mendapatkan dana-dana khas untuk perkara ini.

Jadi kalau kita lihat peruntukan yang telah dibelanjakan untuk projek ini daripada 2015 hingga ke saat ini ia amatlah sedikit sangat iaitu agihan perkara ini telah pun diuruskan oleh Seksyen Agihan dan Pembangunan yang mana disalurkan kepada Pejabat Daerah. Jumlah keseluruhan adalah sebanyak RM342,528.50 sahaja daripada 2015 hingga 2019 yang saluran ini diperuntukan adalah berdasarkan permohonan yang kita berolehi berdasarkan Pejabat Daerah.

Jadi kalau kita lihat pecahannya hanya dua Pejabat Daerah Tanah yang telah pun disalurkan iaitu kepada 2017 Pejabat Daerah Tanah dan Gombak sebanyak RM41,287.00, Pejabat Daerah Tanah Kuala Selangor memohon pada 2018 iaitu sebanyak RM tiga ratus satu ringgit dua ratus empat puluh satu ribu lima puluh ringgit sahaja. Jadi, disinilah bila kita lihat sebenarnya amat kurang permintaan saya tak pasti kenapa tahun-tahun terdahulu permintaan ini tidak difokuskan kepada jalan-jalan kampung. Tapi sedikit makluman kepada Yang Berhormat, kita lihat alhamdulillah baru-baru ini pada permulaan Ogos tahun ini, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah pun membawa kenyataan Menteri akan memasang 10,000 unit lampu jalan kampung tetapi seluruh Malaysia, seluruh Malaysia.

InsyaAllah inisiatif JK ini merupakan kerjasama antara KPLB dengan Kementerian Tenaga Sains Teknologi Alam Sekitar dan Perubahan Iklim iaitu MESTECC yang mana unit-unit pemasangan lampu ini akan digerakkan oleh kumpulan TNB atau pun Tenaga Nasional Berhad selain usaha ini untuk menerangi jalan-jalan kampung adalah untuk mengharapkan penjimatan sebanyak 30%.

Untuk makluman Yang Berhormat semua, program ini telah pun dimulakan di Selangor iaitu pada 19 Ogos yang lalu, Kampung Rinching Hilir, Semenyih telah pun dimulakan usaha ini jadi insyaAllah, saya rasa selepas ini bila Sistem Profil Kampung telah pun lengkap saya yakin dalam tiga tahun ini Negeri Selangor dapat manfaat lampu LED ini dan juga lampu jalan kampung yang belum ada. Itu sahaja terima kasih.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Soalan tambahan.

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**TUAN SPEAKER :** Pelabuhan Klang.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Terima kasih Yang Berhormat Batu Tiga kerana menjelaskan tentang Program Pencahayaan Kampung-kampung Tradisi di Negeri Selangor. Cuma saya nak bertanya soalan yang memang pada bulan Ogos ini memang akan diumumkan ada 10,000 lampu yang akan dipasang di kampung-kampung. Dan apakah mekanisma untuk Negeri Selangor kita nak pilih berapa banyak kampung yang akan dapat. Cuma saya nak cadangkan di sini kalau boleh kita utamakan kampung-kampung yang dalam bandar dan kemudian baru kampung di luar bandar. Sebab macam tak kena bila kampung dalam bandar ni gelap, bandar sekelilingnya terang. Jadi sebab dia tak mungkin kita dapat semua 10,000. Ini cadangan. Ini cadangan dan saya harap keutamaan diberikan supaya nanti tidaklah nampak jauh ketinggalan antara cahaya di Kampung Tradisi dalam bandar ni dengan kawasan-kawasan perbandaran.

Jadi itu yang kedua, siapa yang akan bayar bil-bil elektrik lampu-lampu cahaya ini.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih Pelabuhan Klang. Saya jawab yang pertama dahulu. Kalau diikutkan daripada projek yang telah diumumkan oleh Menteri ianya akan dimulakan di Majlis-majlis Daerah terlebih dahulu. Jadinya, Klang tak dapatlah sebab Majlis Perbandaran. Ia akan dimulakan oleh Majlis Daerah Kuala Langat, Hulu Selangor, Hulu Langat tidak kepada dalam-dalam kampung. Tetapi ada satu mekanisma yang kita ambil pakai iaitu permohonan perlu masuk terlebih dahulu. Sebab tu saya selalu menegaskan bahawa kalau boleh Yang Berhormat semua bekerjasama dengan Ketua-ketua Kampung (MPKK) untuk pastikan semua senarai itu dimasukkan di dalam Sistem Profil Kampung. Sebab perkara ini akses terus kepada ICU dan KPLB dan mereka kita akan pastikan ianya dapat dilaksanakan dengan baik.

Dan untuk memastikan, dan untuk pertanyaan siapakah mengendalikan ye dan kita ingat kalau kita tengok lampu jalan kampung ini kalau ianya dibuat oleh kerajaan selalu dibiayai oleh Tenaga Nasional. Jadi sebab itu saya mengharapkan untuk menerangkan kampung-kampung dalam bandar mungkin kerjasama perbicangan boleh dibuat dengan Majlis Perbandaran masing-masing untuk pastikan ianya dapat dilaksanakan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Di Ijok itu banyak kampung-kampung yang gelap. Kita sudah, duduk lima tahun sudah buat inisiatif solar *lighting* tetapi masa tu Menteri Besar tak minat jadi Ijok sekali lagi mencadangkan kenapa kita tak pakai solar *lighting*, kos *electricity* tak di bayar dan juga dari segi alam sekitar *less carbon* dan juga senang dijaga. Itu sebab bagaimana saya nak tanya EXCO adakah rancangan untuk menerangkan kampung-kampung lagi-lagi kampung-kampung di hulu bekalan elektrik tak sampai kita buat solar *lighting*.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih Yang Berhormat Ijok. Cadangan yang baik cadangan yang kita ambik pakai tetapi solar ini tak semualah boleh dapat tenaga semaksima mungkin. Kena tengok juga kan tetapi tempat-tempat yang

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

memang kita rasakan pencahayaan cahaya ini cukup dan solar itu boleh dilaksanakan kita insyaAllah tidak akan menolak dan sebenarnya dah ada dimulakan perbincangan dengan beberapa agensi untuk memastikan ianya dapat dilaksanakan tetapi usaha ini saya nak umumkan untuk jalan untuk Majlis Perbandaran. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Kampung Tunku tak hadir. Taman Templer.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 57.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

#### **TAJUK : GERAN TAHUNAN**

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kerajaan berhasrat untuk memberikan geran tahunan kepada persatuan belia dan sukan yang terdapat dalam Negeri Selangor?

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Terima kasih Taman Templer. Saya jawab soalan 57.

Bertanya kepada kerajaan apakah kerajaan berhasrat untuk memberikan geran tahunan pada Persatuan Belia dan Sukan yang terdapat dalam Negeri Selangor. Jadi di sini ada dua konteks iaitu Persatuan Belia dan Persatuan Sukan. Betul Yang Berhormat? Ataupun soalan ini tidak sengaja bertanya begini. Untuk menjawab soalan ini saya ingin maklum pada Dewan bahawa ada tiga konteks jawapan yang akan diberikan.

Yang pertama, Persatuan Belia. Yang kedua, Persatuan Sukan dan yang ketiga Persatuan-persatuan Persendirian yang tidak ada dalam kedua-dua ini. Untuk Persatuan Belia dia dibawah Akta Pertubuhan Pembangunan Belia 2007 dimana Selangor mempunyai 1369 Pertubuhan Belia yang aktif. Manakala 321 pertubuhan adalah terbatas. Sebagaimana yang saya sebut dalam pergulungan semalam, hanya 1000 sahaja belia yang duduk dalam Pertubuhan Belia ini. Persatuan ini kebanyakannya di jaga oleh Kementerian Belia Dan Sukan ataupun melalui Jabatan Belia Dan Sukan Negeri Selangor.

Manakala Persatuan Sukan pula yang berdaftar di bawah Majlis Sukan Negeri Selangor kita mempunyai 41 Ahli Gabungan di bawah Majlis Sukan Negeri Selangor dan kita ada 6 Persatuan Ahli Bersekutu. Daripada 41 ini kita mempunyai peruntukan sebanyak 1.79 juta yang mana 1.67 juta diberikan kepada 41 Ahli Gabungan manakala 150,000 diberikan kepada 6 Ahli Bersekutu kita. Bermakna. Ya jawapannya ya. Kalau dia berada di bawah Persatuan Gabungan atau pun Bersekutu, mereka mempunyai peruntukan yang diberikan oleh Majlis Sukan Negeri Selangor.

7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

Manakala yang ketiga kategori tu yang saya sebut tadi sebagai persatuan yang tidak ada dalam kedua-dua persatuan ini. Persatuan Bola Sepak Kampung Ia, Persatuan Bola Sepak Taman atau pun persatuan-persatuan yang mereka tubuhkan untuk aktiviti mereka sendiri.

Disini, ada dua ada tiga peranan yang mereka beri. Yang pertama, mereka ada juga yang datang pada kita dan kita proses di bawah peruntukan NGO yang ada pada setiap EXCO. Kita berikan bantuan sebuah apa yang kita mampu kepada mereka ini di atas permohonan dan tidak secara automatik.

Yang kedua, persatuan ini jugak boleh pergi kepada Yang Berhormat Taman Templer sendiri untuk mintak..

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Tak cukup..

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Tak cukup? Jadi boleh kalau

Yang Berhormat rasa persatuan ini membantu Yang Berhormat di kawasan, persatuan ini boleh pergi kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat di DUN.

Dan yang ketiga, kita kena tahu juga persatuan-persatuan ini juga boleh pergi kepada Ahli-ahli Parlimen kita untuk minta bantuan untuk kita buat aktiviti. Jadi ruangan yang ada di balik Persatuan Persendirian saya sebut Persatuan Persendirian ini adalah besar. Jadi secara makluman Yang Berhormat Taman Templer, JPS ada peruntukan mereka di bawah KPS dan kita juga membantu mereka macam baru-baru ini kita mengadakan kerjasama dengan Persatuan-persatuan Sukan Orang Pekak Negeri Selangor (SelSDeaf). Mereka mengadakan persatuan badminton pertandingan badminton dan kita juga membantu Kejohanan Global Malaysia bagi Skuad Orang-orang Buta yang kita adakan baru-baru ini. Jadi inilah kerjasama yang kita adakan dan peruntukan yang kita berikan adalah berdasarkan kepada program-program yang mereka jalankan.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Soalan tambahan. Kena bagilah Yang Berhormat Speaker. Banyak kali bangun dah ni. Soalan penting ni.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Hulu Bernam tidak hadir.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Saya nak ambil soalan. Ikut Peraturan 24 (2).

## **TUAN SPEAKER :** Untuk?

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Untuk Hulu Bernam. Jadi dah tak bagi cakap dah.

**TUAN SPEAKER :** Saya benarkan. Saya benarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

### **TAJUK : KEMPEN BEBAS PLASTIK**

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kos Kerajaan Negeri dalam program bebas plastik #Bebasstrawplastik bagi tujuan memelihara alam sekitar?
  
- b) Senaraikan aktiviti dan program yang dianjurkan Kerajaan Negeri dalam usaha memelihara alam sekitar untuk tahun 2019 dan kos operasi?

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Terima kasih Tuan Speaker membenarkan soalan ini diutarakan di Dewan yang mulia ini. Dimana saya harap Ahli Dewan boleh memainkan peranan yang penting dalam menghadiri Mesyuarat Dewan dimana EXCO kita selalu menunggu jawapan tapi akhirnya Ahli Dewan tidak hadir juga. So, tadi saya yang sudah miss satu dah. So, ini kali yang kedua kalau saya miss kalau yang ketiga lagi Sungai Burong miss lagi, hari ni saya tak payah jawab soalah la.

Okay Tuan Speaker, Kerajaan Negeri telah pun menganjurkan pelbagai program berkaitan Kempen Bebas Plastik dan juga kesedaran alam sekitar melalui pelbagai agensi kerajaan termasuk persatuan dan NGO dan 12 Pihak Tempatan PBT bagi pelaksanaan di seluruh Negeri Selangor. Antara program yang dilaksanakan oleh setiap PBT termasuklah Karnival Jelajah Kepenggunaan dan juga Program Bazar Ramadhan Mampan yang fokus utamanya adalah bagi mempromosi dan mempergiatkan Kempen Bebas Plastik serta Kempen-kempen Kepenggunaan dan Kempen berkaitan alam sekitar yang lain.

Pihak PBT juga giat menjalankan promosi secara berterusan melalui hebahan kempen melalui siaran digital, papan iklan atau pun *bill board*, kain rentang, kain gantung di sekitar kawasan pentadbiran PBT. Jumlah pelaksanaan program-program dengan kerjasama adalah sebanyak RM456 ribu yang disalurkan kepada 12 PBT di seluruh Negeri Selangor.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui PBT turut melaksanakan program-program berkaitan alam sekitar di peringkat PBT masing-masing seperti Program Hari Pembersihan Kawasan Pantai, Karnival Alam Sekitar Sambutan Hari Sungai Sedunia dan Gotong-Royong Pembersihan Sungai. Program Bank Kitar Semula di sekolah, Program Eco brade Jalur Gemilang, Program Kesedaran dan Taklimat 3R, Kempen Kutipan Pengumpulan Minyak Masak Terpakai.

Pada masa yang sama Kerajaan ini juga telah menjalin kerjasama strategik dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna Di Negeri Selangor iaitu KPDNHEP. Pihak sekolah, persatuan atau pun NGO menggerakkan pengguna daerah di Negeri Selangor bagi pelaksanaan program-program berkaitan hal ehwal pengguna alam sekitar termasuk Program Karnival Kepenggunaan Siswa Selangor 2019 dan Program Kesedaran Kepenggunaan dan Nostro dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM20,000.00. Sekian.

**7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**TUAN SPEAKER :** Seri Setia.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya nak tanya Yang Berhormat EXCO. Dalam program atau Kempen Bebas Plastik atau pun bebas penggunaan straw plastik, adakah ditetapkan pada semua restoran makan minum di setiap tempat atau pun restoran segera makanan segera sahaja dan adakah kompaun yang dikenakan kalau tidak melaksanakan program ini?

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Terima kasih pertanyaan daripada Seri Setia. Buat masa ini kita masih menjalankan saya nak beri penerangan di sini. Kempen No Straw ini kita melaksanakan di semua tempat restoran di Selangor. Tidak hanya khas di tempat-tempat tertentu. Semua restoran kena mengikuti kempen ini dan buat masa ini kita tidak mengenakan apa-apa kompaun. Kita hanya bagi sedikit soft pengajaran kepada mereka. Kita juga nak mendidik mereka, bukan memberi kompaun buat masa sekarang. Kalau tiba masanya pada masa akan datang, kita akan mengeluarkan kompaun pada masa akan datang.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Ijok.

**TUAN SPEAKER :** Bandar Utama.

**Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN :** Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO saya ingin juga bertanya berkaitan dengan Kempen Bebas Plastik ini. Adakah terdapat apa-apa rancangan yang akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri berkaitan dengan ‘Bubble’, kedai-kedai ‘Bubble Tea’ dengan izin yang semakin pesat berkembang di bawah Kerajaan Negeri Selangor. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Iyalah, dalam Kempen Bebas Plastik ini mengalami masalah terutama dengan restoran yang menjualkan minuman ‘Bubble Tea’ ya. Di mana buat masa kini memang satu, satu apa, orang ramai ya. Mereka menerima dan juga mengunjung ‘Bubble Tea’ kedai ‘Bubble Tea’ ini. Dan terutama ‘Bubble Tea’ ini, di mana bilangannya kian bertambah terutama di Subang Jaya, Petaling Jaya, Kajang dan buat masa ini kita tak ada perancangan nak menghentikan bisness ini dan pada masa yang sama kita akan mengadakan satu dialog dengan kumpulan ini supaya mereka boleh ubah konsep mereka ataupun ubah cara, bentuk plastik yang mereka guna sekarang ini kerana mereka menghasilkan banyak plastik dan untuk dia menyusahkan PBT. Dan kita haraplah pengusaha ini pada masa yang sama untuk menguntung, mereka juga fikir bagaimana untuk membantu kerajaan untuk mengurangkan penggunaan beg, penggunaan plastik ini. Supaya pada masa akan datang kita akan menyusun dialog dengan pengusaha-pengusaha ini supaya cari alternatif, bahan alternatif mengganti bahan plastik ini.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Terima kasih. Soalan saya pendek sahaja. Bilakah komitmen Kerajaan Negeri untuk dalam premis Kerajaan, dalam prosiding Kerajaan kita bebas plastik. Sebagai contoh hari ini di depan masih ada botol plastik di atas meja kita.

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Untuk makluman Yang Berhormat. Terima kasih.

(Dewan riuh)

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Sebenarnya Mesyuarat MMKN EXCO telah pun meluluskan, meluluskan Kertas Kerja di mana mulai 1hb Julai 2019, Di bangunan SUK ini, bangunan SUK dan semua bangunan Kerajaan sehingga plastik ini dilarang digunakan. So, saya tak pasti mengapa Speaker masih guna botol.

(Dewan riuh)

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat EXCO, kita ambil maklum perkara ini, InshaAllah ada, ada, ada penambah baik akan datang.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Pekeliling telah dikeluarkan. So, saya haraplah semua Pegawai Kerajaan dan juga jabatan bekerjasama dengan Kerajaan supaya kita ialah usaha untuk mengurangkan penggunaan beg plastik dan juga plastik sekali guna. So, saya harap kita sebagai Wakil Rakyat, perlu menjadi satu teladan kepada orang ramai, terutama kita mula di bangunan Kerajaan untuk kita larang menggunakan 'single plastic' termasuk botol.

**TUAN SPEAKER :** Terima. Terima kasih atas nasihat daripada Yang Berhormat EXCO Kajang. Sebelum saya teruskan, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Dewan Negeri Selangor pagi ini mengalu-alukan kedatangan penduduk DUN Bukit Gasing seramai 21 orang yang diketuai oleh Puan Nurul Aria Ashikin. Selamat datang ke Dewan Negeri Selangor. Seterusnya, saya persilakan Yang Berhormat Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan Ijok nombor 59.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD (N11 IJOK)**

#### **TAJUK : YAYASAN SELANGOR**

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Sila jelaskan pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Yayasan Selangor. Adakah pelantikan tersebut mengikut perlembagaan syarikat?
- b) Sila jelaskan pendapatan yang diperuntukkan kepada CEO Yayasan Selangor.
- c) Sila jelaskan status kewangan Yayasan Selangor dan status peruntukan yang diberi untuk tujuan pendidikan.

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Speaker dan Ahli-ahli Dewan sekalian. Saya mohon izin menjawab soalan ini bersekali dengan soalan 94 dan soalan 126 sebab merujuk kepada Agensi dan Institusi yang sama.

Yang pertama saya ingin menyebutkan bahawa pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif ataupun CEO Yayasan Selangor adalah mengikut perlembagaan syarikat. Ia diluluskan pada Mesyuarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor yang bersidang pada 4 Julai 2019.

B) berdasarkan para 24, Memorandum And Articles of Association of Yayasan Selangor, 26th June 2003, memberi kuasa kepada Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor untuk melantik dan menentukan emolumen pegawai ke perkhidmatan di Yayasan Selangor dan ia telah ditetapkan pada angka RM30,000.00 sebulan sebagai gaji pokok.

Status kewangan Yayasan Selangor berada dalam keadaan boleh terus beroperasi ‘going concern’. Peruntukan pendidikan mencatatkan 51.24% daripada keseluruhan jumlah pendapatan yang dikumpulkan oleh Yayasan Selangor. Manakala untuk soalan Pelabuhan Klang dan juga soalan Tanjung Sepat.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI (N46 PELABUHAN KLANG)**

#### **TAJUK : YAYASAN SELANGOR**

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Sila nyatakan pendapatan Yayasan Selangor untuk tempoh 5 tahun sejak 2014 sehingga kini.
- b) Apakah punca permasalahan tersebut, dan apakah cadangan pihak pengurusan Yayasan untuk meningkatkan pendapatan Yayasan Selangor?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Saya ingin menyebutkan di sini, pendapatan-pendapatan Yayasan Selangor pada tahun 2014 adalah berjumlah 18.84 juta, 2015, 23.8 juta, 2016, 16.14 juta, 2017, 29.83 juta dan 2018 berjumlah 24.89 juta.

Untuk soalan b) Pendapatan utama Yayasan Selangor adalah hasil daripada penyewaan bangunan, premis, sewa pajak dan pendapatan usaha sama perladangan. Pada tahun 2019, Yayasan Selangor telah menandatangani beberapa perjanjian pembangunan usaha sama. Di samping itu, pengurusan Yayasan Selangor sedang mengkaji dan menyediakan perancangan terbaru untuk meningkatkan pendapatan yang akan dibentangkan pada Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor November ini ataupun selepas Dewan ini dan saya boleh maklumkan kita telah ‘move on’ dengan agak pantas ke hadapan dengan beberapa aset kita dan pelan-pelan pembangunan telah diluluskan. Hanya sedang menunggu proses akhir untuk menandatangani perjanjian-perjanjian tertentu. Di samping

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

meneliti projek-projek pembangunan yang sedang berlangsung termasuk di Bukit Bintang, Kampung Pandan dan juga Shah Alam. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih. Saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana mengikut capaian yang dibekalkan dalam sidang yang lepas bahawa Encik Eddie Adrianto bin Ahmad Khodzali telah pun dilantik di bawah skim pinjaman perkhidmatan dan dari Menteri Besar Selangor perbadanan sebagai CEO bermula 15 Julai selama dua tahun. Soalan saya ialah apakah KPI atau pun yang ditetapkan untuk pelantikan Encik Eddie ini selama sepanjang dua tahun yang akan datang berkenaan dengan beberapa isu-isu yang pernah dibangkitkan oleh JP-ABBAS dalam penyata berkenaan dengan Yayasan Selangor. Tadi Menteri Besar ada menyebut tentang beberapa isu dan juga projek yang perlu dilaksanakan oleh Yayasan Selangor dan apakah KPI yang tetap yang akan ditetapkan terhadap pelantikan Encik Eddie ini supaya selepas dua tahun atau pun adakah terdapat satu pemeriksaan secara berkala dari sekarang hingga ke tahun depan dan sebagainya secara berkala, secara tetap. Jadi soalan saya.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Sudah pasti sebagai Ketua Pegawai Eksekutif atau pun CEO kepada sebuah Yayasan, beliau bertanggungjawab untuk melihat kedua aspek. Yayasan berfungsi dalam aspek pendidikan. Yayasan Selangor memang terkenal selain daripada asrama-asrama, kita juga memberikan pembiayaan, pinjaman kepada anak-anak Selangor. Tapi dalam masa yang sama, kita juga mempunyai aset-aset sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh J.P. Abbas. Dan aspek-aspek itu lah yang sudah pasti akan diberikan perhatian supaya dapat dilengkapkan dan dapat disempurnakan. Dengan izin, kita telah minta supaya pengurusan sementara sebelum ini, telah meluluskan beberapa aspek-aspek yang ditegur dan ditunjukkan. Saudara Eddie Khodzali merupakan bekas Ketua Pegawai Eksekutif di CCSB. Memang ada laporan-laporan tertentu sebagai laporan audit yang merujuk kepada CCSB dan sebagainya. Tetapi semua laporan audit itu, adalah dari zaman sebelum kehadiran Tuan Eddie Ahmad Khodzali dan semasa pentadbiran beliaulah kita telah melengkapkan beberapa permohonan penelitian-penelitian audit. Antaranya ialah melantik, melantik, melantik 'Board-Board' atau pun Ahli-ahli Lembaga Pengarah Bebas yang baru kita lantik sekarang. Dan kita juga meneruskan beberapa urusan-urusan 'good goverment' dengan izin dan tugas dan kesesuaian kemahiran ikhtisas beliau yang sebelum ini banyak terlibat dalam kerja-kerja atau pun urusan-urusan 'tream' atau pun 'turn around' kepada syarikat-syarikat yang bermasalah semasa beliau terlibat di dalam bidang apa, bidang korporat sebelum ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan nombor 60.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

### **TAJUK : PROJEK LOJI RAWATAN AIR LANGAT 2**

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-
- a) Apakah status terkini projek pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 dan projek-projek paip dan tangki air yang berkaitan?

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Bukit Gasing. Yang Berhormat Tuan Speaker. Bukit Gasing bertanyakan mengenai soalan status terkini berhubung dengan pembinaan loji rawatan air Langat 2 dan projek-projek paip dan tangki air berkaitan. Projek Langat 2 ini dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Air Tanah dan Sumber Asli (KATS) dan yang dahulunya Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air. Melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Status pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 Fasa 1 setakat 30 September 2019 adalah seperti berikut :-

<b>Jadual</b>	<b>Sebenar</b>	<b>Perbezaan</b>
83.76%	78.61%	-5.16%

Iaitu 'behind schedule' sekitar 5.16%. Bagi pembinaan loji, kerja-kerja pembinaan telah mencapai 99% berbanding jadual 100%. Dalam melaksanakan pembinaan loji, ia telah dipecahkan kepada dua stream iaitu Stream A dan Stream B. Setiap stream dipecahkan kepada Seksyen 1 dan Seksyen 2. Stream A dengan kapasiti 565 JLH sehari telah siap dan sedang menjalani kerja-kerja pengujian dan petaulahan (T&C) mulai 9 Julai 2019 dan dijadualkan tamat pada 31 Disember 2019. Asalnya Oktober tapi telah dilanjutkan atas sebab-sebab teknikal. Telah dilanjutkan sehingga akhir 31 Disember 2019.

Setelah T&C ini tamat dan sempurna mencapai parameter yang ditetapkan di dalam kontrak pembinaan, bekalan air terawat yang dianggarkan sebanyak 565 JLH boleh disalurkan kepada Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) untuk dibekalkan kepada pengguna di kawasan KL Selatan dan Pusat Bandar Kuala Lumpur.

Kerajaan Negeri telah dimaklumkan bahawa kerja-kerja akan siap hingga tahun 2022 adalah melibatkan tapak pelupusan enap cemar, terowong koridor utara dan kolam air Ampang berkapasiti 36 JL. Bagi kerja-kerja pembinaan kolam yang lain, ia akan siap secara berperingkat-peringkat sebelum akhir tahun 2020. Terima kasih.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Bagi Fasa 1 yang sedang proses Testing and Commissioning ini, semua kelengkapan paip dan sambungan kepada agihan air Selangor sedia ada, adakah itu semua sudah siap cuma tunggu Testing and

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

Commissioning siap ‘As Well As Flush Treatment Facilities temporary’ saya kira adakah yang itu juga sudah sedia untuk beroperasi.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Untuk Stream A ini, saya rasa Seksyen 1 ini yang saya sebutkan tadi, Stream A ini kapasiti ini memang siap dan kita menunggu kelulusan T & C sahaja untuk kita. Sebab kita pun memang agak terdesak dengan keperluan air kerana margin kita agak rendah dan ini memang akan siap untuk Stream A yang Seksyen 1 dan 2. Ini akan siap apabila T & C lulus. Ya.

**TUAN SPEAKER :** Tanjong Sepat.

**Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan saya nombor 61.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH (N54 TANJUNG SEPAT)**

#### **TAJUK : PROJEK PEMBANGUNAN RUMAH SELANGORKU DI KAWASAN DUN TANJONG SEPAT**

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-
  - a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan merancang untuk membangunkan projek rumah mampu milik Rumah Selangorku di kawasan DUN Tanjung Sepat?
  - b) Sekiranya perancangan telah bermula, apakah maklumat berkenaan projek Rumah Selangorku dan anggaran bila projek tersebut akan siap?

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Terima kasih kepada Tanjung Sepat yang bertanyakan tentang projek pembangunan Rumah Selangorku di kawasan Tanjung Sepat. Setakat ini Kerajaan Negeri masih tiada perancangan untuk membina rumah Selangorku di Tanjung Sepat. Tetapi ada berita baik kerana kawasan disekitar atau bersebelahan di Tanjung Sepat sudah ada beberapa projek rumah Selangorku yang telah dalam pembinaan dan juga ada yang sudah siap. Ya, terdapat 22 projek rumah Selangorku yang mengandungi sebanyak 9745-unit kesemuanya di dalam Daerah Sepang tidak jauh dari Tanjung Sepat. Jadi, kalau ada, kita akan beri maklum. Saya juga ingin menyatakan di sini, sebelum ini kita juga ada permintaan daripada Yang Berhormat untuk mengetahui mana-mana projek RSKU yang dibina di kawasan yang mereka jaga. Oleh itu, daripada itu, Lembaga Perumahan Hartanah Selangor telah pun menghantar senarai projek-projek rumah Selangorku di kawasan Adun-adun berkaitan untuk pengetahuan mereka dan juga untuk mereka memanjangkan maklumat ini kepada penduduk yang di bawah jagaan mereka. Jadi, janganlah melihatnya sebab ada yang melihatnya ini, mendakwa ini kononnya meminta Adun-adun menjual ataupun mengiklankan rumah-rumah Selangorku ini. Sebenarnya tidak. Ini adalah hanya untuk pengetahuan Yang Berhormat supaya Yang Berhormat tahu yang di dalam kawasan Yang Berhormat ada Projek-projek Rumah Selangorku yang dibina. Terima Kasih.

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH :** Soalan Tambahan

**TUAN SPEAKER :** Tanjung Sepat

**Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Untuk pengetahuan Y.B. Lembah Jaya. Kawasan saya ini agak unik kerana dari segi politiknya terletak di dalam Parlimen Sepang tetapi daerah pentadbirannya di dalam Daerah Kuala Langat. Jadi saya nak fokus adakah Lembaga Perumahan ada fokus di kawasan Daerah Kuala Langat kerana berhampiran dengan DUN Tanjung Sepat. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Sebenarnya Projek-projek Rumah Selangorku ini memang diletakkan di bawah mengikut daerah sebenarnya. Jadi, kalau mengikut pandangan kami, Tanjung Sepat ini mungkin banyak juga atau berdekatan dengan Sepang, jadi ada 22 mungkin ada boleh bacakan beberapa projek mungkin Yang Berhormat kenal. Ada PKNS atau Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor juga ada membina unit di dalam kawasan Sepang melibatkan 1392 unit. Metraland Puchong Sdn. Bhd. mempunyai 273 unit juga di Mukim Dengkil di Daerah Sepang dan Usaha sama Utama Sdn. Bhd. di Mukim Dengkil juga, Taman Putra Impiana 380 unit. Itu antaranya. Ada 22 projek semuanya.

**TUAN SPEAKER :** Subang Jaya

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan Subang Jaya No. 62.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Tuan Speaker, bagi mengatasi dan mengawal aktiviti pengubahsuaian rumah teres kepada asrama, beberapa langkah pengawalan dan penguatkuasaan dilakukan oleh PBT berdasarkan maklumat awam dan tindakan di ambil di bawah seksyen 86A Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Akta 133 juga boleh diambil sekiranya aktiviti atau keadaan sesuatu premis itu mewujudkan kacau ganggu, mendatangkan bencana atau mendatangkan bencana atau bahaya kepada kesihatan awam. Dan seksyen 78, rumah yang diduduki dengan penuh sesak, Akta Kerajaan tempatan 1976, Akta 171, seseorang yang membenarkan sesebuah rumah diduduki dengan sebegitu penuh sesak sehingga mendatangkan bencana atau bahaya kepada kesihatan penduduk-penduduknya adalah bersalah atau satu kesalahan dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi RM2000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya dan di denda tambahan tidak melebihi RM100.00 bagi setiap satu hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan. Tindakan penguatkuasaan akan diambil ke atas sebarang binaan yang tidak mengikut garis panduan kediaman. Dalam erti kata lain pengubahsuaian rumah teres kepada asrama yang tidak bercirikan rumah kediaman, sekiranya didapati tidak mendapatkan kelulusan daripada pihak Majlis terlebih dahulu. Ini termaktub dalam Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1976, Akta 133 seksyen di bawah seksyen 72(12) iaitu bina tanpa kebenaran yang ada perubahan kegunaan boleh didenda tidak melebihi RM25,000.00 dan juga denda tambahan tidak melebihi daripada RM500.00 bagi tiap-tiap kesalahan selepas notis disampaikan. Selain itu, Kerajaan Negeri melalui PBT sedang merangka untuk menyediakan satu garis panduan yang lebih komprehensif berhubung perkara ini. Terima kasih.

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan Tambahan

**TUAN SPEAKER :** Subang Jaya

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE :** Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Cuma saya nak tanya, bilakah garis panduan ini akan dilaksanakan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Secepat mungkin kerana buat masa ini PBT-PBT masih mengumpul data daripada PBT yang berlainan khususnya di kawasan MPSJ, MPPJ dan Shah Alam di mana tiga PBT ini mempunyai bilangan asrama yang lebih.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Tuan Speaker.

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE :** Tuan Speaker. Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Subang Jaya.

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE :** Terima kasih Tuan Speaker. Cuma saya nak sebut di sini di MPSJ sebenarnya sebelum 2016 sudah ada satu garis panduan, cuma selepas 2016 ia sudah tidak diguna pakai, so garis panduan itu sudah ada, saya rasa dengan mengguna pakai garis panduan itu, ia sudah boleh dilaksanakan di sebuah PBT. So boleh Yang Berhormat EXCO terangkan mengapa masa yang sangat panjang masih diperlukan.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Garis panduan Subang Jaya memang menjadi satu rujukan kepada garis panduan baru yang akan disediakan. Oleh kerana ada kemungkinan disediakan oleh MPSJ hanya sesuai di kawasan MPSJ dan kita perlu ambil pandangan daripada PJ, juga Shah Alam dan PBT-PBT lain semasa kita menggariskan satu garis panduan yang sesuai untuk seluruh Negeri Selangor. Maka ia mengambil sedikit masa untuk menyediakan satu garis panduan yang lebih komprehensif bagi perkara ini.

**TUAN SPEAKER :** Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ada soalan tambahan untuk Yang Berhormat EXCO. Selepas garis panduan baru ini diluluskan dan diguna pakai oleh PBT, apa akan terjadi kepada kes-kes yang mereka sudah buat pengubahsuaian. Adakah tindakan boleh diambil ke atas mereka atau pun kita bagi mereka amnesty. Dengan Izin.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Sekiranya asrama yang sedia ada tidak dapat mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam garis panduan yang baru, maka tindakan penguatkuasaan harus diadakan supaya dia dipulihkan kepada kediaman.

**TUAN SPEAKER :** Sabak.

**Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN :** Soalan saya nombor 63.

**7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN  
(N02 SABAK)**

**TAJUK : MASALAH PERTANIAN**

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah dibenarkan kepada pesawah menukar status tanah sawah kepada tanaman lain di kawasan sawah yang mengalami penurunan hasil pendapatan?

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Yang Berhormat Sabak, Tuan Speaker. Saya ingin merakamkan pujian kepada Sabak kerana sering kali tidak putus-putus keprihatinannya kepada masalah petani dan pesawah, dari luar dewan sehingga ke dalam dewan soalan-soalannya. Jadi, ini berhubung dengan isu pesawah ingin menukar status tanah sawah kepada tanaman lain di kawasan-kawasan yang mengalami penurunan hasil pendapatan. Pihak kerajaan tidak bercadang untuk membenarkan kawasan-kawasan sawah menukar syarat nyata tanaman padi kepada tanaman yang lain kerana kita walaupun Negeri Selangor adalah negeri yang maju, tapi kita mengambil kira daripada segi keselamatan makanan iaitu *food security* dan dengan itu mengambil berat mengenai kawasan-kawasan yang kita telah kenal pasti sebagai kawasan pertanian terutamanya kawasan padi. Dan malah kita sebenarnya dalam perancangan untuk mewartakan kawasan-kawasan pertanian yang telah pun mendapat kelulusan daripada Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri untuk dimulakan proses pewartaan kawasan-kawasan pertanian di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, kita memahami masalah yang dihadapi oleh para pesawah dan juga pekebun kecil dan mengambil langkah-langkah untuk membantu meningkatkan hasil mereka. Dan ini telah pun saya sebut dalam ucapan penggulungan dan juga jawapan mulut sebelum ini dengan memberikan pilihan membuat *crop rotation* ataupun dipanggil Bahasa Melayunya pusingan pertanian/tanaman atau kitaran tanaman bagi meningkatkan kesuburan tanah dan dalam masa yang sama membantu memberikan pulangan yang lebih baik di kawasan-kawasan yang dikenal pasti sama ada subur ataupun di kawasan-kawasan yang kekurangan air terutama di kawasan Sabak di Dun Sabak. Jadi, Ini merupakan pendekatan yang telah kita buat dan telah kita mulakan dan kita akan terus memberikan sokongan dan bantuan bagi meningkatkan hasil kepada para pesawah dan para petani kita. Terima kasih.

**Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN :** Soalan Tambahan

**TUAN SPEAKER :** Silakan Sabak

**Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN :** Apakah tindakan yang telah diambil kepada pesawah yang telah menukar tanaman padi ke tanaman lain terutamanya di kawasan Y.B. Tuan Speaker kerana ia menjadi contoh kepada pesawah Dun Sabak yang telah mula menukar tanaman sawah dia kepada tanaman lain. Terima kasih.

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Sebagaimana cerita botol plastik tadi, kita perlu mengambil menjadikan contoh kepada perkara yang menjadi dasar kerajaan. Jadi saya berharap Tuan Speaker pun akan mengambil usaha yang sama untuk membantu dalam masa kita membantu menaikkan industri pertanian, dan juga Agro Tourism kita juga kena memastikan bahawa Kawasan-kawasan ini ditanam mengikut syarat nyata yang tertakluk di bawah kawasan pertanian ini. Dan kita memang kalau nak mengambil tindakan memang agak significant tapi tidaklah begitu besar kawasannya. Kita mempunyai 18,000 hektar kawasan sawah ini dan peratus yang terlibat menanam tanaman lain ini tidak tinggi kerana masih lagi di bawah angka terkawal. Walau bagaimanapun kita tidak mbenarkan lagi menukar syarat nyata dan saya belum mengambil langkah-langkah penguatkuasaan terhadap aspek ini. Cuma saya dapat mengikut statistik yang diberikan, sebenarnya terdapat penurunan daripada segi tanaman-tanaman lain di kawasan sawah ini. Tiada peningkatan ketara kecuali pada tahun 2015, 2016 dulu ada tinggi peratusnya tapi sekarang agak rendah dan masih terkawal dan saya berkeyakinan kalau kita mampu melaksanakan program-program yang saya sebutkan tadi, tidak akan timbul lagi isu pertukaran atau penggunaan tanah yang tidak mengikut syarat nyata itu. Terima kasih.

**Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN :** Tuan Speaker, soalan tambahan

**TUAN SPEAKER :** Sungai Burong

**Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN :** Terima kasih, Tuan Speaker. Oleh kerana khususnya pesawah-pesawah ini tidak boleh lagi menukarkan tanamannya daripada tanaman asas padi kepada tanaman lain dan kita dapat sebagaimana penjelasan Yang Berhormat EXCO tadi memang terdapat penurunan hasil walaupun usaha-usaha telah dibuat untuk meningkatkan produktiviti di kawasan ini, contohnya di kawasan saya di Kawasan Sawah Sempadan pada musim ini, musim baru lepas ini hasil telah menurun, jadi selain daripada strategi dan langkah-langkah yang telah digariskan oleh Yang Berhormat EXCO tadi, adakah perancangan untuk menggunakan alternatif input-input yang lebih hari ini telah termasyhur seperti penggunaan input organik, baja organik dengan izin pertiside organik yang dapat mesra alam.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat, terus kepada soalan-soalan

**Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN :** Soalan nya itu lah.

**TUAN SPEAKER :** Soalan dulu, kalau pusing lagi, saya boleh duduk.

**Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN :** Adakah rancangan. Jadi nak kena jelaskan juga. Sebab. Jelaskan sekarang. Ya ok terima kasih

**TUAN SPEAKER :** Lampu, lampu merah

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Saya faham soalan nya

**Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN :** Rancangan sama ada untuk menggalakkan penggunaan baja dan juga input organik.

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**TUAN SPEAKER :** Lain kali tanya soalan begini ye Yang Berhormat Sungai Burong. Adakah Kerajaan menggalakkan langkah-langkah menggunakan. Yang lain pusing-pusing tu tak payah lah.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Kena ada penjelasan Tuan Speaker. Orang lain boleh bagi penjelasan Tuan Speaker. Kenapa Sungai Burong tak boleh?

**TUAN SPEAKER :** Tak perlu, tak perlu. Yang Berhormat EXCO Pertanian dia faham, dia arif dengan perkara ini. Tak perlu kalau orang yang tak berapa faham, dia bagi faham. Ini kita faham, sama-sama faham. Sila duduk.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Nak bagi jelas.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Tak apa kalau Sungai Burong ini cakap sikit, sekilas dia air saya sudah tahun jantan betina. Inn Shaa Allah. Tapi masalahnya burong dia terbang. Saya sebenarnya tulah saya minta kalau boleh Yang Berhormat Sungai Burong dapat hadir berterusan dalam dewan ini, sebab saya dah jawab perkara ini. Berhubung dengan dah dua kali saya cakap mengenai aspek berhubung dengan penaiktarafan ataupun menambah produktiviti saya dah sebut bahawa untuk tahun kita telah pun melaksanakan program rawatan tanah menggunakan input-input yang bukan sahaja moden, bukan sahaja subur bagus dan juga tapi mesra alam. Iaitu penggunaan bahan-bahan organik dan juga mikro. EM dia panggil, *effective micro* yang telah kita mula buat di sawah di Sabak. Itu di 10 lot kita telah menggunakan 10 syarikat yang berbeza yang semuanya menggunakan bahan organik input. Kita telah membuat dan kita akan perhatikan pemantauan kejayaannya itu kita akan memperluaskan di sawah-sawah yang lain termasuk di Sungai Burong sendiri. Jadi itu yang kita telah saya rasa telah saya sebutkan kerana dasar Kerajaan Negeri sendiri ini, kita memang pulangan tinggi hasil yang tinggi dalam masa yang sama kita ingin memelihara alam sekitar kerana penggunaan racun atau input *chemical* kimia ini, bukan sahaja membahayakan alam sekitar juga mencemar air yang akan sampai ke sungai-sungai dan juga ke laut kita. Ini yang kita sedang buat di Negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Tuan Speaker. Sungai Burong soalan no. 64.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS (N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PENCEMARAN BAU DI SUMBER AIR MENTAH SUNGAI SEMENYIH**

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah sebab-sebab berlaku pencemaran bau di tempat sumber air mentah di sungai Semenyih?
- b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memulihkan pencemaran tersebut?
- c) Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengelakkan pencemaran berulang-ulang kali berlaku?

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Burong. Yang membangkitkan isu pencemaran bau di sumber air mentah Sungai Semenyih. Sebenarnya saya telah menjawab soalan ini di sesi penggulungan bajet semalam. Tapi malangnya Sungai Burong tak ada, so saya terpaksa untuk mengulangi di dewan ini. So saya harap Sungai Burong Yang Berhormat Sungai Burong bolehlah jawab datang dewan dengan kelab sekali. So saya nak ulangi di mana, satu topik yang penting pencemaran air ini. Di mana saya nak menjawab bersekali dengan soalan 68 daripada Yang Berhormat Seri Kembangan. Sebab-sebab berlaku pencemaran bau ini disebabkan oleh ada pihak-pihak tidak bertanggungjawab membuangkan pelarut atau *solvent* ke saluran pembetungan awam milik air IWK dan pihak bertanggungjawab seterusnya masukkan di mana air yang pelarut ini masuk ke loji air IWK. IWK pun memproses air ini akhirnya efluen yang masuk ke Sungai Beranang seterusnya ke Sungai Semenyih mengandungi bau, berbau. So langkah-langkah yang telah diambil oleh LUAS di mana selepas pada 28 September 2019 pada 2 jam petang 2.30 petang selepas LUAS menerima laporan daripada Pengurusan Air Selangor. So LUAS telah mengaktifkan jana kuasa kecemasan, pencemaran sumber air dan mengerakkan pasukan kecemasan dengan segera. Siasatan segera dilakukan di sekitar Sungai Semenyih, Sungai Beranang, kawasan perumahan bandar Bukit Mahkota dan loji IWK Bukit Mahkota. Ini termasuklah pensampelan yang dilakukan secara *in situ* di tapak. Selain itu, pihak LUAS juga telah menjalankan pemantauan statik dan juga pensampelan turut dilakukan di efluen loji IWK Bandar Bukit Mahkota. Bagi mengurangkan bau pelarut tersebut, pihak LUAS melalui kontraktor pembersihan yang dilantik telah menjalankan pendosan *activated carbon (AC)* di bahagian *chamber* dan takat pelepasan akhir loji IWK. Sebanyak 81 beg *activated carbon* telah digunakan bagi tujuan *pendosan* tersebut sehingga 1 Oktober 2019. Setelah bacaan di loji menunjukkan bacaan zero ton 0 ton, Loji Semenyih telah diaktifkan semula pada jam 4.30 pagi 29 September 2019. Iaitu selepas 14 jam selepas kita kesan ada bau kesan bau daripada IWK. Pihak LUAS juga telah mengambil inisiatif menjalankan pemantauan statik dan pensampelan di Sungai Beranang dan Sungai Semenyih bagi memastikan sumber air bebas daripada sebarang pencemaran bau. Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri bagi memastikan sumber air di Selangor sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan. Pelbagai usaha telah diambil untuk mengimbangkan pembangunan yang pesat dan penjagaan sumber air. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah pun mewartakan semua 7 empangan di Negeri Selangor di bawah Seksyen 48, Enakmen LUAS 1999. Selain itu, sejumlah 413 ataupun 40% daripada jumlah keseluruhan 1026 batang sungai kini turut telah melalui proses pewartaan di bawah peruntukan yang sama. Tujuan pewartaan ini adalah untuk melindungi sungai dan rizab sungai daripada gangguan kepada kuantiti,

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

kualiti dan persekitarannya. Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui LUAS dan Pengurusan Air Selangor juga telah membangunkan beberapa stesen telemetri kualiti air di hulu dari muka sauk sebagai sistem amaran awal iaitu *early warning system* kepada muka sauk bekalan air jika berlakunya pencemaran di hulu. Kerajaan Negeri melalui LUAS telah menubuhkan Jawatankuasa Pemuliharaan Sungai-sungai Negeri Selangor yang dipengerusikan Yang Berhormat EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam bagi mempergiatkan usaha dan menggalakkan penglibatan agensi, komuniti, NGO dan pihak berkepentingan dalam aktiviti pemuliharaan sungai-sungai di Negeri Selangor. Pemantauan berkala dilaksanakan oleh Lembaga bersama agensi berkaitan bagi memastikan sumber air dan kawasan tadahannya terpelihara daripada aspek kualiti dan kuantitinya. Penguatkuasaan bersepada dan tindakan perundangan tegas turut sentiasa dilaksanakan antaranya siasatan, notis dan pengeluaran kompaun termasuk pendakwaan di mahkamah. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Soalan.

**Y.B. HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Tuan Dipertua, bagi saya sikit bertanya.

**TUAN SPEAKER :** Ya, silakan.

**Y.B. HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Alhamdulillah terima kasih. Tuan Dipertua. Yang Berhormat Tuan Dipertua. DUN Batang Kali

**TUAN SPEAKER :** Tuan Speaker, Tuan Speaker.

**Y.B. HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Tuan Speaker, maaf. DUN Batang Kali juga sumber bekalan air untuk Negeri Selangor. Kita sedia maklum berapa kejadian yang lepas sungai juga terlibat dengan pencemaran. Soalan saya ialah beberapa kali kah kekerapan *sample-sample* air ini diambil? Adakah sebulan sekali, sebulan dua kali dan sebagainya untuk kita memastikan sumber air ini terpelihara. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Kita bukan ambil *sample* air sebulan, setiap hari setiap jam. So mastikan kualiti air itu mengalir ke loji pembersihan air itu dia bersih dan juga tidak kandungan kimia atau mencemarkan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Soalan 66 daripada Yang Berhormat sudah dijawab pada hari Isnin yang lalu. Teruskan kepada Yang Berhormat Balakong. Tak hadir. Sentosa.

**Y.B. GUNARAJAH A/L R GEORGE :** Soalan saya 67. Tuan Speaker.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE (N48 SENTOSA)**

**TAJUK : PASAR AWAM DUN SENTOSA**

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk membina pasar awam di DUN Sentosa

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Tuan Speaker sebenarnya perkara ini telah saya sebutkan dalam penggulungan semalam bahawa Kerajaan Negeri mengambil maklum cadangan Yang Berhormat dan akan meneliti perkara ini dengan lebih lanjut. Perkara ini akan disemak berdasarkan kemampuan kewangan PBT serta kesesuaian tapak cadangan bagi membina pasar awam.

**Y.B. GUNARAJAH A/L R GEORGE :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Ya Sentosa.

**Y.B. GUNARAJAH A/L R GEORGE :** Memandangkan DUN Sentosa memang satu kawasan yang besar. Tidak ada satu pun pasar awam di DUN Sentosa. Bolehkah Yang Berhormat EXCO menyegerakan permintaan ini, memandangkan banyak juga pasar raya-pasar raya besar walaupun pasar raya ada di kawasan DUN Sentosa tetapi permintaan untuk peniaga-peniaga kecil yang buka pasar pagi di tepi-tepi jalan itu perlu diberi peluang?

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Isunya bukan boleh ke tidak boleh disegerakan. Isu utamanya adalah. Adakah tapak di sana tapak yang sesuai di kawasan sana. Sekiranya Yang Berhormat ada cadangan di mana tapaknya yang sesuai bole bina pasar awam. Saya mengalu-alukan cadangan daripada Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER :** Silakan Yang Berhormat Seri Kembangan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH :** Tuan Speaker. Soalan 68.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH (N28 SERI KEMBANGAN)**

#### **TAJUK : PENGURUSAN KRISIS AIR**

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memandangkan sebahagian besar insiden krisis air berlaku disebabkan oleh pencemaran sungai seperti pembuangan minyak terbiar, bahan kimia dan air pembuangan loji rawatan kumbahan yang tidak menepati piawaian. Apakah langkah yang akan diambil ?

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Jika tadi saya telah menjawab sekali dengan Yang Berhormat daripada Yang Berhormat Sungai Burong, tapi ada satu perkara menjawab di sini di mana soalan berkaitan dengan piawaian. Adakah minyak terbiar bahan kimia air pembuangan loji rawatan kumbahan tidak menepati piawaian. Untuk makluman Yang Berhormat Seri Kembangan memang kalau ikut kriteria air ok. Selepas ada kes, membuangkan efluen ke sungai mereka tidak mengikut kriteria berbau. Kalau ada bau mereka melepas ke sungai. So mereka hanya mengikut piawaian kimia terkandung dalam pada air itu. Sebab itulah di mana pihak saya telah pun menulis surat kepada Kementerian MESTEC untuk memasuki kriteria berbau. Di mana pada masa akan datang semua efluen yang dikeluarkan oleh IWK perlu diberi kriteria berbau masuk dalam kandungan itu. Di mana ada pihak piawaian berbau untuk IWL melepaskan air ke dalam sungai. Saya harap pihak pusat MESTEC boleh tengok balik kriteria ini kerana penting. Apa yang berlaku Sungai Batang Kali di Semenyih berkaitan dengan berbau. Di mana melibatkan IWK, IWK di bawah pusat tapi malangnya ada di antara kita yang menyalahkan IWK, IWK ini ia pun menjadi mangsa kerana IWK ini menerima semua kumbahan-kumbahan daripada saluran pembentangan mereka. Mereka tak tahu siapa yang masukkan buangan *sorvent* ini ataupun minyak ini ke dalam saluran IWK. So mereka boleh proses apa sahaja bahan yang masuk di IWK selepas itu mereka akan menyalurkan air efluen ke dalam sungai. Sebab itulah kriteria bau itu sangat penting. Kita harap pusat boleh main peranan boleh masuk kriteria ini dalam kandungan air buangan supaya ia kriteria kita boleh pantau untuk IWK ini. Sekian terima kasih.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH :** Soalan tambahan. Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Ia Seri Kembangan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH :** Tuan Speaker, saya nak tanya. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan secara holistik supaya kita menyalurkan saluran longkang tidak masuk ke sungai secara terus dan disalurkan kepada satu loji, loji untuk membersihkan atau pun supaya air yang keluar daripada keluar masuk ke sungai itu adalah bersih dan menepati keperluan yang kita tetapkan?

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Terima kasih. Soalan daripada Seri Kembangan. Saya rasa ini bukan di bawah portfolio saya. Sebenarnya IWK dan Sungai ini di bawah portfolio sahabat saya Yang Berhormat Pandan Indah. Kita *actually* IWK ini sering berlaku masalah pada kita dan kita telah pun mengkaji masalah yang kita hadapi sekarang ini. Dan di mana ada yang kata, kalau boleh IWK ini jangan buat di sebelah hulu buat di hilir so macam menghadapi masalah di Batang Kali. Batang Kali di sebelah hulu. So kita tidak ada pusat IWK di sana. Sebab itulah kriteria berbau itu sangat-sangat penting. Sekarang ini IWK boleh lepaskan kalau ada 2 tan, 4 tan mereka boleh lepaskan. Tapi masalah sungai kita, di mana sungai itu sumber air minum untuk kita. Sebab itu kita akan bincang dengan pusat untuk mendapat nasihat supaya kriteria bau itu dimasukkan dalam dia punya Akta. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan 11.30 pagi. Dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan mesyuarat seterusnya. Sambungan Rang Undang-undang Pembekalan 2020 semua peringkat.

**TUAN SPEAKER :** Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Sungai Tua untuk memberikan penjelasan perkara-perkara yang berbangkit.

**Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Terima kasih Speaker dan semua Ahli-ahli Dewan yang saya kira telah membangkitkan beberapa keprihatinan terhadap pembentangan belanjawan yang telah kita kemukakan pada 1 November yang lalu. Saya meneliti dan melihat setiap butir perbahasan khususnya yang menjurus terhadap bidang dan juga portfolio di bawah kawal selia selaku Menteri Besar dan khususnya berkenaan dengan terma, kaedah, pandangan serta sudut belanjawan yang dibentangkan pada kali ini iaitu untuk Belanjawan Tahun 2020.

Sebagaimana yang saya kemukakan dalam mukadimah Belanjawan Tahun 2020 bahawa belanjawan ini merupakan belanjawan yang begitu strategik iaitu satu belanjawan yang akan melihat adakah dalam tempoh lima tahun ke hadapan kita akan mampu untuk mencapai *Premier Smart States* sebagaimana yang telah digagaskan pada tahun 2015 dan 2016 dan ia juga sebagai satu permulaan langkah kepada negeri Selangor dan kerajaan Malaysia untuk menjengah Rancangan Malaysia Ke-12 yang akan dibentangkan pada bulan 8 ataupun bulan 7 pada tahun hadapan mahupun Rancangan Wawasan Kemakmuran Bersama yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri di samping sebagai satu titik noktah kepada Dasar Pembangunan Nasional ataupun Wawasan 2020.

Justeru, konsep belanjawan ini yang mengambil semangat *wasail wa mukammilat* iaitu satu wadah, satu kaedah untuk melengkapkan setiap perancangan-perancangan dan setiap butir perkara yang telah digagaskan oleh para pemimpin-pemimpin sebelum ini untuk kita mencapai kepada sasaran yang telah digariskan oleh pihak kerajaan. Justeru, apabila pihak seperti pembangkang seperti Sungai Burong mengandaikan bahawa tidak ada pembaharuan. Memang kita tidak boleh menukar dasar dalam tempoh lima tahun lagi untuk menuju sebagai *Premier Smart States*. Saya (kita) tidak boleh pula ingin menggubal dan lari langsung daripada setiap rancangan-rancangan Malaysia yang telah digagaskan. Tetapi kalau kita lihat secara butiran, kita telah meletakkan beberapa asas-asas penting untuk kita mencapai kepada sasaran-sasaran yang telah kita tetapkan tadi.

Justeru, saya telah mengungkap *Nozomi* ataupun kereta api laju itu sebagai satu andaian bahawa kita ingin melompat dan juga melakukan satu lonjakan terhadap usaha-usaha yang telah diusahakan ataupun yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Kita tidak boleh berpuas hati saja dengan apa yang telah kita capai dan kita telah duduki pada ketika ini. Sebab itu peruntukan untuk *Smart States* (dengan izin) yang diperuntukkan kepada SSDU telah melonjak daripada angkanya RM10juta pada tahun-tahun sebelum ini kepada RM50juta. Malahan kita telah menganggarkan dalam tempoh enam tahun ke hadapan Kerajaan Negeri akan berbelanja hampir RM300juta (ataupun 300 juta Ringgit Malaysia) untuk melengkapkan usaha-usaha serta niat murni ke arah *Premier Smart States* ataupun Negeri Pintar Serantau yang telah digagaskan oleh Pentadbiran sebelum ini.

Justeru, pihak Kerajaan Negeri juga berbelanja dan meneliti persoalan keadaan belanjawan kita dengan beberapa disiplin tersebut selain daripada melihat kepada kepentingan untuk perbelanjaan yang menyeluruh, kita juga akan meneruskan usaha-

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

usaha sebagai kerajaan yang peduli rakyat tapi dalam masa yang sama kita tidak melupakan apa yang kita panggil sebagai disiplin fiskal ataupun *fiscal discipline* untuk memastikan rizab dan keadaan kedudukan kewangan negeri sentiasa *sustainable* ataupun berdaya saing. Bukan pada hari ini, tetapi pada masa-masa hadapan.

Justeru, sebagaimana yang telah disebutkan oleh Sungai Burong. Bila dia sebutkan tentang pencapaian Kerajaan Negeri sebagai penyumbang kepada KDNK. Kalau Sungai Burong membaca muka surat 9 dalam Pembentangan Belanjawan yang telah saya bekalkan, kita dapat lihat dalam tempoh lima tahun peningkatan yang sangat konsisten oleh pihak Kerajaan Negeri. Kalau dalam tempoh lima tahun yang lepas, bermula 2014 daripada 22.4% sekarang kita telah mencecah 23.7%. Tapi kalau tidak mahu puas hati lagi, kita boleh sudut dan kita boleh *throwback* ke belakang daripada tahun 2005. Pada tahun 2005 semasa zaman Barisan Nasional, sumbangan negeri Selangor ialah 21.4% dan pada akhir pemerintahan Barisan Nasional di negeri Selangor ialah pada kadar 21.4%. Maknanya tidak ada perkembangan yang positif dalam tiga akhir terakhir ketika Barisan Nasional memerintah dan mentadbir negeri Selangor.

Baik. Disebutkan nama Tan Sri Khalid Ibrahim. Pada tahun 2009 kita telah berjaya meningkatkan 1% daripada pencapaian sebelum itu daripada 21.4% kepada 22.1%. Dan pada akhir pemerintahan Khalid Ibrahim (2014), pencapaiannya ialah 22.4%. Jadi saya boleh betulkan faktanya di sini. Memang kita (Kerajaan Negeri) sentiasa merancakkan dan membangunkan ekonomi dan buktinya fakta yang ada di tangan kita menunjukkan bahawa 23% ini adalah angka terbaik yang pernah dicatatkan oleh Kerajaan Negeri termasuk pelaburan kita pada tahun lepas yang mencecah hampir RM19billion ataupun RM18.9billion yang merupakan pencapaian terbaik dalam tempoh 30 tahun. Dan sebab itu saya beberapa kali dan berulang kali menyebutkan bahawa Kerajaan Negeri ini seperti batu ladung yang penting terhadap pentadbiran dan juga keadaan ekonomi negeri Selangor.

Bila kita sorot ke belakang, rupa-rupanya apabila negeri Selangor berdepan dengan kemerosotan yang besar misalkan pada tahun 2009. Kita telah mencatatkan pertumbuhan negatif 0.5%. Pada ketika itu saya masih ingat pertumbuhan dalam negara juga mencatatkan keputusan yang negatif iaitu lebih daripada 5% ataupun 4% (lebih daripada 2% atau 3%) pada tahun-tahun tersebut dan daripada tahun ke tahun membuktikan bahawa setiap kadar pertumbuhan negeri Selangor sentiasa melangkaui kadar pertumbuhan nasional. Misalkan pada tahun 2017, kadar pertumbuhan nasional ialah 5.9% tetapi negeri Selangor mencatatkan 7.1% dan tahun 2018 sebagaimana yang saya sebutkan dalam belanjawan ataupun dalam Pembentangan Belanjawan kadar nasional ialah pada kadar 4.6.7% dan kita adalah pada kadar 6.8% (lebih tinggi).

Sebab itu Negeri Selangor adalah sebagai *Prime Mover* (sebagai *Private Groove*), sebagai nadi dan teras kepada pembangunan dalam negara dan harus dikekalkan dengan kaedah-kaedah dan juga perancangan-perancangan baru Kerajaan Negeri dan pada ketika ini usaha dan penelitian Kerajaan Negeri ialah bagaimana ingin melihat aspek-aspek baru seperti yang saya sebutkan tadi adalah *Smart States* boleh menjadi paksi kepada pembangunan dan juga asas kepada pertumbuhan dalam negeri berbanding dengan *manufacturing industries* sahaja ataupun industri pertanian dan beberapa aspek-aspek konvensional yang telah berlaku dalam negara kita. Malahan pesaing-pesaing kita ataupun negeri-negeri yang lain (saya boleh catatkan di sini), mereka juga mula berbelanja untuk *Smart States* tapi angkanya agak rendah. Satu negeri di utara hanya berbelanja tahun

## 7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

depan RM2.5 juta untuk *Smart States* berbanding kita yang telah mencecah lebih ataupun mencecah RM50 juta yang kita angarkan pada tahun hadapan.

Jadi kalau nak lihat adakah ekonomi itu bergerak rancak, kita tak boleh tengok pada *billboard* sahaja. Itu kaedah lama. Sekarang orang menggunakan kaedah sosial media ataupun *e-Marketing* untuk mempamerkan kaedah-kaedah serta *marketing* ataupun perniagaan dan sebagainya termasuk yang disebut oleh Sungai Burong berkenaan *e-Hailing*. Dan ini merupakan kaedah-kaedah baru dan cara-cara baru bagaimana *millennial* terlibat dalam bidang perniagaan ataupun usaha-usaha mereka untuk mencari rezeki bukan hanya untuk bekerja, bukan hanya untuk berusaha mendapatkan pendapatan tetapi dengan kaedah-kaedah baru. Sebab itu Kerajaan Negeri menceburji beberapa bidang sebagai contoh penubuhan Cytec menjadi satu unit untuk *accelerator* ataupun *accelerate* (dengan izin) mempertingkatkan beberapa penemuan-penemuan baru ataupun kaedah-kaedah baru yang kita panggil sebagai *incubator* ataupun *disruptor* dan untuk pertumbuhan ekonomi yang berasaskan budaya pintar ataupun budaya *smart*. Dan sebagaimana saya selalu sebutkan bahawa kerajaan pintar ataupun *Smart States* ini bukan berdiri di atas teknologinya sahaja, bukan bersifat *top down* sahaja, ia harus menjadi satu budaya dan ia digunakan oleh masyarakat dan penduduk-penduduk serantau.

Justeru, saya ingin menyambut baik cadangan yang telah dikemukakan oleh Subang Jaya apabila Subang Jaya menyebutkan bahawa untuk *smart states* ini kita tidak boleh *works in silo's* (dengan izin) sebagaimana teguran Perdana Menteri dalam beberapa ucapan yang lepas dan itulah usaha Kerajaan Negeri sebab itu (angka RM50 juta itu) bukan hanya daripada kedudukan kewangan Kerajaan Negeri saja, malahan kita juga minta setiap PBT menyatakan komitmen mereka untuk Program *Smart States* dan juga MBI sebagai peneraju dan juga *parents* kepada SSDU untuk menyumbangkan ke arah menggerakkan usaha-usaha ke arah *Smart States*. Dan saya menyambut baik memang itu inisiatif kerajaan.

Kalau lihat daripada ucapan saya, salah satu daripada fokus RM50 juta itu ialah bagaimana kita ingin menyeragamkan dan menyusun setiap usaha-usaha dan ikhtiar terhadap *smart states* sama ada melibatkan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri, PBT dan juga pihak Pejabat Tanah Dan Daerah mahupun pihak pentadbiran Kerajaan Negeri. Sebagai contoh, *parking* kita ataupun *smart parking* kita. Sekarang telah dilaksanakan di enam PBT. Sebahagiannya adalah kerana kita cuba menyelesaikan beberapa kontrak dan juga beberapa konsesi semasa zaman Barisan Nasional dulu melibatkan beberapa buah syarikat yang masih belum berjalan dan masih tertanggung di atas kita. Tetapi paling tidak kita dah laksanakan enam. Tapi beberapa Pihak Berkuasa Tempatan seperti Petaling Jaya mereka agak *advance*. Mereka sudah ada *Command Centre* mereka dan sebagainya. Dan *Command Centre* inilah yang kita ingin seragamkan sebab itu usaha pertama kita ialah melalui CCTV dan dengan CCTV ini saja, bukan hanya kita boleh memantau trafik tetapi kita juga boleh mengumpul data, melihat trend dan boleh mengekalkan dan juga melihat bagaimana perancangan-perancangan Kerajaan Negeri termasuk di masa depan menggabungkan dengan CCTV-CCTV yang sedia ada di bangunan seperti di stesen minyak ataupun di sekolah dan sebagainya kepada satu unit *Command Centre* kita yang akan dihubungkan kepada agensi-agensi dan di situlah yang akan berlaku sebagai penganalisisan data raya ataupun *big data analysis* yang sekarang ini sangat penting untuk perancangan masa depan dan kehidupan sebagai sebuah negeri pintar.

## 7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Sebab itu Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin sebutkan dulu tentang kaedah dan rupa bentuk belanjawan kita dan disiplin fiskal dalam belanjawan kali ini masih menumpukan kepada pembangunan infrastruktur, pendidikan, pembangunan sosio ekonomi seperti keusahawanan, anak muda, wanita dan termasuk orang kurang upaya. Apabila kita membicarakan polisi fiskal, sekurang-kurangnya ada tiga disiplin fiskal yang selalu dibahaskan dan dilaksanakan. Ianya adalah polisi fiskal neutral, yang kedua *expansionary budget* (ataupun polisi belanjawan pengembangan) dan ketiganya belanjawan penguncupan ataupun *contractionary budget*. Untuk itu, kita akan menegaskan bahawa kita tidak akan mengambil posisi bajet penguncupan ataupun bajet-bajet mengikat perut sebagaimana teguran Ketua Pembangkang dan beberapa Ahli Dewan yang lain.

Rakan saya (Gombak Setia) telah memetik Paul Krupment yang menukilkan artikel pada tahun 2001 yang menyebut tentang *delusions or prosperity*. Artikel yang disiarkan ini merujuk kepada usaha-usaha pihak kerajaan berdepan dengan krisis dan keadaan *depression* ataupun keadaan kemelesetan ekonomi yang berlaku pada ketika itu. Dan saya boleh sebutkan artikel Krupment itu tidak salah daripada segi teori-teori dan pandangan-pandangannya. Tetapi untuk melihat latar belakang Krupment pada masa sekarang, saya anggap ia tidak boleh diandaikan sebagai satu keadaan yang kurang tepat kerana Krupment menulis tentang keadaan *recession* dan saya boleh sebutkan bahawa ekonomi Malaysia apatah lagi ekonomi Selangor masih jauh daripada *recession* apatah lagi dalam keadaan *depression*.

Sebab itu memang kita tidak langsung ingin menekan butang panik untuk berbelanja dengan melampau-lampau dan sebagainya. Sebab itu kita masih lagi menekankan kepada fiskal disiplin supaya memastikan rizab yang sentiasa ada itu dapat digunakan di masa depan tetapi kita dapat juga terus berbelanja daripada masa ke semasa untuk memastikan keadaan dan kedudukan ekonomi kita berada dalam keadaan baik. Krupment yang digolongkan dalam Mazhab *Neokinsien* sudah pastinya menuruti pandangan guru-guru madrasah tersebut seperti Fallsamanson dan John Manackins. Tokoh-tokoh tersebut berpendirian apabila berdepan dengan kemelesetan ataupun ekonomi menguncup, kerajaan seharusnya merangsang ekonomi dengan suntikan perbelanjaan antaranya menerusi belanjawan. Kerana itu, saya menganjurkan kepada seluruh Ahli-ahli Dewan supaya kita dapat melihat secara keseluruhan artikel *groupmen* tersebut supaya kita dapat membandingkan dengan jelas tentang kedudukan dan situasi negara dan pada masa ini.

Ahli-ahli Dewan yang saya kasih sekalian, sebagaimana Belanjawan 2019 yang lepas, saya telah menukilkan Mariana Marzukato yang merumuskan *entrapranistik and the value of everything*. Peranan kerajaan amatlah mustahak bukan saja merangsang ekonomi atau pun memacu pertumbuhan akan tetapi juga merancakkan perkembangan teknologi terbaru seperti inovasi. Kerana itu peruntukan sejumlah RM50 juta yang saya detailkan tadi dalam Smart Selangor, pembangunan infrastruktur dan frasa rana berjumlah RM262 juta. Keusahawanan satu peningkatan yang agak baik kepada RM36.8 juta. Manakala kebijakan mengkhususkan program-program membasmi kemiskinan antaranya Kasih Ibu Smart Selangor atau pun KISS, sejumlah RM62 juta. Roda Darul Ehsan atau pun RIDE berjumlah RM1 juta, Food Bank untuk Miskin Bandar RM5 juta, Blue Print Kemiskinan berjumlah RM2.5 juta peningkatan RM500 ribu. Peningkatan manfaat skim IPR seperti

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

KISS dan Peduli Sihat, malah bertambah 25 ribu kepada 85 ribu orang secara keseluruhan. Kita juga prihatin dengan cabaran *time might change* dan dengan izin, maka sejumlah RM1.5 juta untuk sukarelawan pengurusan sisa pepejal sebanyak RM6.8 juta dan juga Sahabat Sungai sebanyak RM500 ribu, kita telah belanjakan atau pun kita telah usahakan.

Sebab itu, Ahli-ahli Dewan sekalian, sebab itu secara keseluruhannya kalau ingin mengulas tentang kaedah dan pandangan belanjawan sama ada yang disebutkan oleh Ketua Pembangkang atau pun Sungai Burong yang boleh saya tafsirkan sebagai Ketua Pembangkang yang disakiti sebab itu dia jadi Sungai Burong. Dan juga oleh itu rujuk *skill of joker*, iaitu juga rakan saya Gombak Setia. Kita berada dalam landasan yang sebenar dengan melihat fakta, data dan urusan yang sebenar dengan mengunjur ke depan di samping cuba mengekalkan beberapa disiplin dan fiskal yang kita uruskan dan juga melihat potensi-potensi dan inovasi baru supaya kerajaan terus kekal stabil, aman, baik, pembangunan dapat dilaksanakan. Kebajikan dapat kita tadbir dan uruskan dengan sebaiknya.

Ahli-ahli Dewan yang saya kasih sekalian, sebab itu saya percaya dengan konteks pendekatan yang sebegini dan saya beberapa kali sebutkan di dalam Belanjawan, titik keseimbangan, titik keseimbangan inilah yang cuba saya gambarkan. Sebab itu saya cuba memberikan definisi dan takrifan berkenaan keadilan. Sebab itu saya menguraikan beberapa prinsip Kerajaan yang dilindungi oleh Allah s.w.t. Kalau kita lihat kepada ayat pertama yang saya kutip di dalam Al-Quran dan ayat terakhir itu masih lagi menjurus kepada Kerajaan yang cuba untuk memperbaiki, merubah, membetulkan serta meluruskan setiap satu.

Menjawab persoalan Sungai Burong yang masih lagi mengatakan oh rizab yang baik, kalau rizab yang tinggi itulah yang baik, inilah yang disebut *flip flop*. Sebelum ini mereka katakan kalau tidak belanja *reserved* tak boleh. Sekarang Kerajaan belanja, saya sebutkan we spend 700 milion untuk betulkan urus tadbir dan penggantian paip dan air. Bila kita sudah belanja dia kata oh *reserved* pula tak betul, zaman Khalid baik pula. Mentang-mentang Khalid dah tak ada dalam Parti Keadilan, dah menjadi rakan kepada rakan mereka. Ini masalah, kalau saya hendak *detailkan* kelemahan-kelemahan yang berlaku saya boleh sebutkan. Tetapi ini bukan mediumnya bagi saya adalah untuk memperbetulkan apa yang berlaku, sebab itu usaha *reform* ini kita akan teruskan daripada masa ke semasa. Usaha pembetulan ini kita akan betulkan dari masa ke semasa.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Tuan Speaker boleh minta penjelasan? Ok, apa yang saya maksudkan dari segi kebolehan, sebab saya membandingkan itu daripada pergerakan kereta api ialah kebolehan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan *reserve* sebab melalui penemuan-penemuan baru, kaedah-kaedah baru, sebenarnya *reserve* boleh ditingkatkan. Saya melihat *reserve* yang di tingkatkan di Selangor ini masih lagi bergantung banyak kepada hasil-hasil premium. Yang saya rasa ini kalau masa panjang ia tidak dapat memberikan jaminan untuk *sustainability*. Itu sebab untuk bergerak laju mesti *reservenya* besar, jadi apa penjelasan Yang Berhormat perkara ini.

**Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Terima kasih, kalau begitu jelaslah. Kalau saya hendak sebutkan sambung, saya hendak sambung sedikit pada ketika ini Kerajaan Negeri terpaksa menanggung beban. Beberapa *expose* dengan izin atau pun hutang atau pun

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

bebanan oleh pihak Kerajaan Negeri kerana beberapa kesilapan lepas. Perampasan tanah dan sebagainya dan nilainya bukan sedikit, ratusan juta. Kalau saya hendak jelaskan boleh tapi Kerajaan Negeri bukan hendak jelaskan keadaan panik, kita bertanggungjawab, kita akan tunaikan. Baru-baru ini Kerajaan Negeri *have to commit 100 million this year because* rampasan tanah yang tidak mengikut prosedur yang gagal diuruskan dengan baik masa zaman 2008, 2009 yang lepas.

Tapi itulah yang kita betulkan sekarang supaya perampasan tanah dibuat dengan cara berhemah, pengurusan dengan baik dan kita perbetulkan. Sebab itu, (bacaan potongan ayat Al-Quran) melengkapkan yang tidak betul. Mungkin niatnya betul, 2008 2009 tapi kaedahnya tak betul. Tapi kalau hendak menjurus kepada ucapan atau pun jawapan kepada Sungai Burong memang kita lakukan. Antaranya 58 juta yang berjaya dikutip pada tahun ini, *inshaAllah* daripada Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri. Dan ini adalah kali pertama kita dapat kutip dan tahun hadapan saya percaya selepas kita lengkapkan keseluruhan penstrukturran Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri terutamanya di bawah MBI, tidak ada lagi kekangan-kekangan dividen yang berlaku sebagaimana syarikat Perangsang yang gagal untuk memberikan sumbangan yang besar kerana tidak duduk secara terus dengan MBI. Masih duduk di bawah KDEB dan kita telah struktur dan susunkan balik sekarang, tahun depan kita boleh dapat sebahagian daripada Kumpulan Perangsang.

Dan untuk menyahut atau pun menyambut cadangan dan saranan daripada Gombak Setia memang pada ketika ini, Anak-anak Syarikat kita bukan berlegar di Negeri Selangor. SELCARE dengan izin, Anak Syarikat kepada SELGATE yang menguruskan untuk Skim Peduli Sihat. Pada ketika ini ada 2 negeri lagi yang menguruskan program yang hampir sama dengan Kasih Ibu Smart Selangor iaitu Kasih Ibu Darul Ehsan dan satu lagi di Negeri Perak. Sedang diuruskan oleh Anak Syarikat kita iaitu SELCARE dan kita berbangga kaedah kita, cara kita menjadi model kepada negeri-negeri lain dan Selangor adalah model yang ada di Malaysia.

Semalam Kumpulan Perangsang baru menandatangani satu MOU dan persetujuan dengan Negeri Kedah Darul Aman. Untuk apa, untuk menggantikan paip-paip usang di Negeri Kedah untuk memastikan saluran dan penyampaian paip-paip dan saliran air di Negeri Kedah berada dalam keadaan baik. Dan saya juga sedia untuk meneroka cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh pihak Gombak Setia, di mana Anak-anak Syarikat kita bergerak ke rantau sebagai pemain serantau. Dan ini antara butir saya bincangkan dengan Gabenor Jakarta, Saudara Hanis Baswidan dalam beberapa pertemuan. Dan mereka cukup tertarik dengan 3 elemen yang ada di dalam kita iaitu Smart State dan rupanya Smart State ini juga sedang di tuju dan dirancang oleh pihak Jakarta dan beberapa daerah yang lain. Dan juga tidak ketinggalan bagaimana pembangunan perumahan kita oleh Anak Syarikat kita seperti PKNS yang sudah pengalamannya 55 tahun.

Dan juga bagaimana perancangan air kita dan juga pengurusan air yang diuruskan di Negeri Selangor. Walaupun ada kelemahan tetapi kalau kita compare dengan Jakarta sebagaimana yang disebut oleh Gombak Setia yang mana bekalan airnya hanya pada sekitar bawah 60% daripada keseluruhan *at large* Jakarta. Dan mungkin kita boleh terlibat di sana, mungkin boleh dan ini masih lagi di peringkat awal, kita sedia berbincang, kita sedia merencana tapi masih lagi di peringkat idea dan perancangan serta perbandingan.

## 7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, sebab itu kalau kita cakap hasil tambahan ya, kita kemukakan hasil itu. Di samping tahun lepas kita juga baru mendapat tambahan atau pun nilai RM10 juta daripada cukai pelancongan yang diserahkan pada pihak Kerajaan Negeri. Dengan sebab itu tahun ini hampir RM10 juta kita boleh *allocate* atau boleh kita sediakan kepada pihak STANDCO atau Jawatankuasa Tetap Pelancongan untuk merancakkan aktiviti pelancongan dalam Negeri Selangor.

Ahli Yang Berhormat sekalian, sebab itu dalam beberapa fokus kita sebagai contoh penjajaran. Saya ingin merujuk kepada Sijangkang dan beberapa rakan-rakan yang membangkitkan tentang kenapa Kerajaan seolah-olah tidak konsisten dalam mengetengahkan cadangan-cadangan untuk suatu penjajaran. Tahun 2019 Kerajaan Negeri mengambil sikap langkah berani dan kita mengambil sikap ini bukan untuk ikat perut ya, saya hendak izinkan. Ini adalah berdasarkan prinsip *sustainable development golds* yang telah dikemukakan oleh UMBP. Dan *sustainable development golds* ini memang digariskan untuk membantu, kita harus melihat *the lowest* dengan izin, mereka yang paling rendah dan mereka yang paling tua. Ini 2 perkara yang harus diberikan fokus terlebih dahulu. Dan sebab itu kita melihat fokus-fokus ini dan kita ingin memberikan memastikan bahawa kelompok ini dapat ditentukan. Tetapi malangnya dalam tempoh 10 tahun lepas, kita tidak mendapat sokongan daripada jabatan yang sewajarnya.

Hanyalah pada tahun 2018 dan 2019 kita dapat merancang dan membina untuk membina pari meter pari meter tertentu. Misalkan kalau kita *tap* satu batuk sokongan itu pada RM2 ribu kita cuba meletakkan pada RM2 ribu, kalau kita berikan air pada RM2 ribu hanya 13 ke 14 ribu sahaja akan menerima dan ini tidak *represent* niat yang asal Kerajaan Negeri. Sebab itu kita tingkatkan kepada RM4 ribu. Kalau RM2 ribu kita merujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat iaitu e-Kasih. Kalau kita hendak rujuk kepada RM4 ribu kita merujuk kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri iaitu pemberian kepada BSH. Jadi Kerajaan Negeri meletakkan RM4 ribu sebagai *camp* dan dengan RM4 ribu itu kita menilai balik dengan kos dan urusan kerajaan. Sebab itu saya tekankan fiskal disiplin tadi melihat *reseved* kita, oh lebih baik kita kembali kepada 20 meter padu dan kita tidak teruskan 25 meter padu kerana kalau kita buat 25 meter padu ia hanya dapat menampung sebahagian dan gagal untuk memberikan air dengan percuma kepada yang lebih ramai. Sebab itu, dengan meletakkan kepada RM4 ribu itu tadi kita dapat memberi hampir lebih 600 ribu penerima-penerima atau pun 66% daripada akaun-akaun air yang ada sekarang.

Bukan kita tidak rancang, kita rancang tapi perancangan itu bermula dengan melihat dan melihat kajian-kajian tertentu dan meletakkan beberapa andaian awal. Kita Kerajaan, kita tidak bolehlah hendak tunggu sampai habis, kita perlu meletakkan jangkaan, kita kena meletakkan berapa hipotesis. Hipotesis-hipotesis itu tidaklah lari jauh mana, cuma bagaimana ia dapat dilaksanakan dan dapat memastikan ia dapat sampai kepada mereka yang sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat saya juga hendak rujuk kepada rakan saya, Sungai Air Tawar yang membangkitkan tentang cukai karbon. Ternyata cukai karbon ini adalah berkaitan dengan di bawah Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar dan perubahan iklim kerana dasar-dasar berkaitan dengan perdagangan karbon dan tenaga yang boleh diperbaharui, masih lagi di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan. Cadangannya baik tetapi bagaimana untuk kita laksanakan, ia masih lagi tertakluk di bawah Kerajaan Persekutuan.

## 7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

Begitu juga tentang 10% daripada cukai pendapatan di kembalikan kepada Kerajaan Negeri. Ini memang satu cadangan tapi cadangan itu belum lagi dapat di laksanakan sebab ia terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Berdasarkan rekod Kerajaan Negeri telah menerima trend peningkatan sebenarnya. Kalau ikut ucapan saya dalam Belanjawan, ucapan jawapan saya tentang sumbangan Persekutuan, soalan daripada Bukit Lanjan. Mari saya sebutkan daripada tahun 2015 hingga 2019, Kerajaan Negeri telah menerima sebanyak RM34 juta dan tahun 2018. Ini menunjukkan kita telah menerima, kita telah RM34,199,000.00 dan pada tahun 2018 kita telah menerima RM34,708,000.00 iaitu satu peningkatan RM500 ribu atau pun 1.4% daripada pemberian Persekutuan.

Sungai Air Tawar juga membangkitkan bahawa dengan Belanjawan-belanjawan Tambahan ini menunjukkan Kerajaan Negeri gagal untuk meneruskan atau pun membuat satu perancangan yang rapi. Dan sudah pasti ini bagi saya satu pandangan yang silap. Sebab itu Belanjawan Tambahan dibenarkan, kalau belanjawan itu tidak dibenarkan itu adalah suatu perkara yang salah. Kita cuma hendak kena lihat apakah dia *degree* belanjawan tambahan itu, apakah nilai tambahan belanjawan itu. Kenapa belanjawan tambahan dibuat, ia sudah pasti sebab pada tahun 2019 kita belum lagi mempunyai angka-angka untuk mengira di awalnya. Dan selepas bulan 5, bulan 6 barulah kita dapat angka-angka yang sah dan sebab itu pada tahun ini kita tingkatkan daripada 65 ribu kepada 85 ribu.

Yang sebelum ini kalau kita ikut pada belanjawan yang awal 2019, kita hanya dapat bagi 40 ribu orang. Sebab itulah, Kerajaan Negeri sentiasa cuba melihat daripada masa ke semasa dan saya rasa ia tidak salah, cuma janganlah terlalu besar dan tahun ini kita belanja tambahan pun tidaklah begitu besar. Dan saya rasa masih lagi dalam kawalan Kerajaan Negeri di samping potensi-potensi yang kita ada. Sebab kalau saya sebutkan ya, pada tahun 2019 pendapatan kita sehingga Oktober telah mencecah 84% berbanding dengan Oktober tahun 2018 pendapatan kita hanya mencecah 69% ataupun 67%. Ini menunjukkan bahawa cara dan juga sasaran yang kita telah sampaikan atau yang kita gagaskan itu akan sampai ataupun akan tiba pada destinasi ataupun sasaran yang telah dikemukakan.

Yang Berhormat Sungai Air Tawar, Yang Berhormat Sungai Burong, Jeram dan Meru membangkitkan mengenai anggaran Belanjawan 2020 yang menurun berbanding tahun 2019. Kerajaan Negeri mempunyai tanggungjawab untuk memastikan hasil negeri dibelanjakan dengan penuh tanggungjawab tanpa mengabaikan peranan kerajaan dalam membangunkan ekonomi negeri dan negara. Dalam hal ini unjuran hasil yang dibuat oleh Kerajaan Negeri adalah berdasarkan realiti ekonomi semasa. Kerajaan Negeri akan terus menguruskan kewangan negeri dengan berhemah di samping usaha berterusan dalam usaha berterusan mengukuhkan rizab negeri.

Yang Berhormat Sijangkang pula membangkitkan perlunya Kerajaan Negeri membina atau membangunkan E-Wallet kebetulan dengan perkembangan Kerajaan Pintar atau Smart State dan kehidupan pintar yang ada pada hari ini. Sebenarnya dipihak Kerajaan Negeri kita telah membina satu platform yang dipanggil sebagai Citizen E-Payment Platform ataupun CEPAT pada Oktober 2019. Platform CEPAT pada masa ini telah melakukan integrasi dengan produk-produk E-Wallet sedia ada. Dengan izin pada ketika ini kita sudah mempunyai 46 E-Wallet di pasaran. 46 E-Wallet ini kebanyakannya bertapak di Lembah Klang. Dan antaranya adalah Boost, Touch n Go, Ali Pay, Grap Pay dan beberapa E-Wallet yang lain. Jadi di pihak SSDU kita melihat kepada 2 paradigma. Sama ada kita ingin

## 7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

menambah angka 47 ataupun kita mencipta diserap sesuatu yang baru. Jadi Kerajaan Negeri dalam mesyuarat Tindakan Ekonomi mencadangkan kita buat dua-dua. Justeru kita akan membina satu sistem E-Wallet juga dalam masa yang sama kita bina satu yang kita panggil sebagai briefcase kerana E-Wallet ini itulah yang dinamakan CEPAT. Jadi kita boleh membina satu sistem E-Wallet yang baru sama ada yang telah digunakan dan dilaksanakan oleh beberapa anak syarikat kita yang lain ataupun kita membina satu sistem yang kita panggil briefcase ini yang mana CEPAT. Di mana dengan CEPAT ini kita boleh menggunakan semua sistem E-Wallet dan antara sistem E-Wallet boleh melantuni antara satu sama lain. Ataupun merentasi sempadan antara satu sama lain. Hampir semua bank-bank utama telah mempunyai sistem E-Wallet mereka. Hong Leong, Maybank, CIMB sudah membina sistem-sistem E-Wallet mereka. Kalau kita nak tambah satu lagi boleh kita terpaksa bersaing tapi dalam masa yang sama kita buat juga briefcase. Jadi Kerajaan Negeri mencadangkan kita buat dua-dua. Kita akan buat satu sistem E-Wallet dan satu lagi yang kita panggil sebagai briefcase. Dengan izin satu negeri yang telah mencipta sistem E-Wallet mereka adalah negeri Sarawak. Dia panggil sebagai Sarawak Pay kalau tidak silap saya dan masih lagi baru dan sebagainya. Pada ketika ini semua sistem-sistem E-Wallet masih lagi menggunakan di peringkat promosi yang belum lagi mendapat kitaran kewangan yang sustainable dengan izin tapi mempunyai potensi yang sangat luar biasa. Ada cadangan daripada seorang Ahli Dewan yang mencadangkan agar pungutan derma kita menggunakan QR Code ataupun Sungai Kandis ataupun menggunakan sistem pintar ini. Dah ada Yang Berhormat dan saya berbangga dia bukan ada dekat PJ, dia bukan berada di Subang, bukan berada di Shah Alam, ia telah ada di Batang Kali ataupun di Hulu Selangor. Di Kuala Kubu Baru. Di mana bahagian yang paling hujung negeri Selangor pun sudah mula mempraktikkan sistem pintar dalam hidupan dan saya percaya ia boleh sampai kepada tujuan kita pada masanya.

Ahli Yang Berhormat sekalian, seterusnya Banting membangkitkan cadangan artifisial intelligent untuk memperluas sistem E-Tanah di negeri Selangor di mana pemantauan premium dan unjuran kutipan premium dan cukai tanah termasuk dalam skop sistem tersebut. Kerajaan Negeri juga bersedia untuk memperluaskan penggunaan AI kepada perkhidmatan lain seperti sistem IPR yang merupakan gerbang informasi perkhidmatan Kerajaan Negeri secara atas talian bagi memudahkan urusan permohonan bantuan carian informasi yang meliputi 6 kluster pendidikan, pekerjaan, perumahan dan kesihatan. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, pada ketika ini melalui pengemaskinian data dalam tanah kita dengan sistem E-Tanah yang kita bangunkan kita telah mampu mengutip lebih 90% cukai-cukai tanah semasa. Maknanya tidak ada cukai-cukai tanah tunggakan dalam tempoh 2 atau 3 tahun atau sangat berkurangan. Cukai-cukai tertungggak saja yang kurang. Jadi *projection* yang disebutkan oleh Banting itu memang telah ada. Khususnya dalam skim tanah ataupun sistem E-Tanah dan dengan penyelarasaran sistem E-Tanah kita dengan syarikat federal dan beberapa buah negeri lain saya percaya ia akan membantu serta menyelesaikan isu-isu tanah contohnya isu kutipan-kutipan cukai tanah. Ahli Yang Berhormat sekalian, saya telah menjawab tentang dividen anak-anak syarikat Kerajaan Negeri sebentar tadi dan saya percaya dalam soalan tempoh hari dan sebahagiannya adalah pengulangan dan saya rasa tidak perlu saya ulang. Mengenai Hulu Kelang pula membangkitkan tentang defisit belanjawan. Sememangnya Kerajaan Negeri harus berbelanja dalam keadaan defisit pada ketika ini untuk menggerakkan ekonomi. Tetapi fokus kita tidak hanya memastikan duit di poket rakyat tetapi juga meletakkan dalam infrastruktur. Sebab itu bila Bukit Lanjan membangkitkan tentang kedudukan kewangan dalam poket rakyat yang kita tambah antaranya program KISS, yang kita tambah

## 7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

kemudahan rakyat dalam program Peduli Sihat, kita tambah baru Food Bank. Kita tambah juga inisiatif dalam Hijrah RM30 juta. Maknanya kita tambah. Tetapi untuk infrastruktur kita pertingkatkan juga termasuk inisiatif Smart Selangor apatah lagi kita tinggal hanya 5 tahun untuk sampai kepada Smart Selangor. Tetapi kalau kita lihat sebenarnya bukan terlalu asing defisit. Malahan sejak daripada 2005 kita mencatatkan beberapa kali pertumbuhan ataupun belanjawan yang akhirnya defisit. Zaman Tan Sri Khalid 2009 kita mula berimbang tetapi akhirnya kita berdefisit sebanyak 84 juta di akhir akaun Kerajaan Negeri. Tahun 2013 kita menyatakan bajet kita adalah bajet seimbang tapi akhirnya defisit kita ialah 122 juta. Zaman Dato' Sri Mohamed Azmin Ali, kita pernah mencadangkan defisit sehingga RM900 juta pada tahun 2017. Tapi akhirnya kita hanya defisit sebanyak RM407 juta. Dan di situlah yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri di mana kita cuba untuk mengurangkan defisit tahun lepas RM306 juta, tahun ini RM133 juta dan saya percaya kalau kita dapat menggiatkan momentum kutipan hasil dan juga saya rasa baru Kerajaan Negeri nilai RM133 juta itu dapat kita kurangkan di masa hadapan.

Ahli Yang Berhormat sekalian, Hulu Klang juga membangkitkan isu ketelusan dalam penyediaan belanjawan cadangan Yang Berhormat supaya bajet GLC dan PBT dibentangkan kepada Dewan. Kerajaan Pakatan Harapan telah berjuang untuk memastikan ketelusan dan tadbir urus dilaksanakan dalam pentadbiran negeri dan negara dalam hal yang dibangkitkan oleh Hulu Kelang saya percaya bahawa kita harus melihat ketiga-tiga entiti ini dalam situasi yang berbeza khususnya di peringkat PBT. Di PBT walaupun kita tidak lagi mengamalkan pemilihan kepada PBT pengasingan kuasa di antara PBT dan Kerajaan Negeri harus ada kejelasannya. Dan salah satunya adalah kekuatan dan keupayaan untuk membelanjakan wang dan hasil yang dibelanjakan. Dan ini harus kita lihat dan kita ada wakil kita di pihak Majlis Tempatan dan saya kira tidak begitu adil untuk kita *centralized everything* dalam dewan ini sebab mereka juga ada kerajaan mereka masing-masing. Di peringkat anak-anak syarikat Kerajaan Negeri sebab itu saya bangkitkan tentang jawatankuasa tetap. Saya rasa Bandar Baru Klang bangkitkan tentang Jawatankuasa Tetap Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri. Di situlah medium terbaik yang saya kira di mana kita nak pastikan setiap Ahli Dewan kita bukan hanya bertugas tiga kali dalam setahun dalam Dewan tetapi mempunyai mesyuarat-mesyuarat yang tarafnya Mesyuarat Dewan. Sebab itu kita dah naikkan eluan mesyuarat daripada RM75 kepada RM350 dalam mesyuarat-mesyuarat dalam Ahli-ahli Dewan termasuk pembangkang. Tidak ada perbezaan dan diskriminasi. Ahli Yang Berhormat sekalian, tentang pelantikan *independent director* GLC ini memang urus tadbir yang telah ditetapkan dan kita sedang bergerak satu persatu dan mungkin yang dibangkitkan oleh Sungai Air Tawar itu adalah berkaitan dengan laporan audit mengenai CCSB dan itu adalah laporan yang telah *obsolete* bukan tak betul tapi telah dibetulkan. Dan kita telah melantik pun Ahli Lembaga Pengarah di kalangan di luar atau pun Ahli Pengarah Bebas untuk memastikan tadbir urus dan *good governance* dapat di tadbir dan diurus dengan baik. Ahli Yang Berhormat sekalian, saya juga ingin membangkitkan ataupun menjawab beberapa teguran berkenaan dengan peruntukan untuk Unisel yang telah dibangkitkan oleh Sungai Kandis, Meru dan ada beberapa Ahli Dewan yang lain. Untuk makluman pada tahun 2020 sejumlah 32,400 telah diperuntukkan dalam belanjawan negeri bagi tujuan pembayaran hutang Pendidikan Industri YS Sdn Bhd (PIYSB) yang merupakan syarikat yang memegang Unisel. Untuk makluman PIYSB merupakan syarikat yang didaftarkan di bawah syarikat 2016 yang mentadbir urus Unisel sampai sekarang dan sebenarnya kita nak tukar nama dia supaya tak confuse. Sebab ramai yang ingat dia Yayasan Selangor. Ini PIYSB adalah Unisel.

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

Perincian kepada peruntukan belanjawan tahun 2020 adalah seperti berikut. Di mana RM22,400 juta penyelesaian hutan PIYSB melalui terbitan BalDS atau pinjaman Bithaman Ajil Islamic Debts Security dan pinjaman BalDS ini adalah bertujuan membayangkan tanggungan hutang ke atas projek pembangunan Kampus Unisel dan menyelesaikan pembayaran kepada konsultan dan kontraktor. Sehingga kini sejumlah pemberian geran yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Yayasan Selangor melalui sistem BalDS ini adalah berjumlah RM165,585,500 peruntukan tahunan akan disediakan mengikut jadual pembayaran BalDS seperti mana keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Kedua, penyelesaian pertikaian ke atas penamatan perjanjian konsesi *build operate transfer* (BOT) di antara PIYSB dan Jana Niaga Sdn. Bhd berjumlah RM10 juta. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri 2017 yang di adakan 7 Jun dan setelah disahkan pada 14 Jun telah meluluskan cadangan penyelesaian ke atas penamatan konsesi. *Build operate and transfer* di antara PIYSB dan syarikat Jana Niaga Sdn Bhd dan penyelarasannya melibatkan implikasi kewangan pembayaran secara berjadual sebanyak RM71,700,361.08. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM53,700,361.08 dibiayai oleh Kerajaan Negeri dan RM18 juta lagi dibiayai oleh MBI atau pun Menteri Besar Diperbadankan. Peruntukan sebanyak RM10 juta akan digunakan oleh PIYSB untuk membuat pembayaran pinjaman kepada bank pembangunan Malaysia pada tahun 2020 dan bayaran ini merupakan bayaran berjadual kepada BPMB yang dijangka selesai pada tahun 2021. Sehingga kini Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM32 juta untuk menyelesaikan pertikaian di antara Unisel dan Jana Niaga. Kalau nak tahu Jana Niaga semak dengan detail hansard kita sebelum ini tahulah siapa pemilik dia sebelum ini dan kenapa dia jadi macam ni. Tidak terhad bagi bantuan 2020 Kerajaan Negeri sentiasa komited menyokong pembangunan Unisel di mana pelbagai bantuan sejak 2007. Selain daripada bantuan berbentuk pinjaman dan dana pusingan Kerajaan Negeri turut memberi bantuan kewangan dalam bentuk geran. Sehingga kita jumlah pinjaman yang telah disalurkan kepada Unisel adalah sebanyak RM148,990,986.48 yang mana detailnya saya boleh kemukakan termasuk program baik pulih dan sebagainya. Pada ketika ini Kerajaan Negeri selain daripada menyelesaikan masalah hutang dan sebagainya kita dapat melihat bahawa beberapa usaha-usaha pembangunan di unisel telah berjalan. Penggantian menara masjid sebagai contoh. Pintu gerbang dan beberapa usaha-usaha yang telah diusahakan oleh pihak Unisel. Dengan usaha yang mereka lakukan itu Alhamdulillah sekarang pelajar-pelajar dan mahasiswa Unisel telah meningkat di Kampus Bestari Jaya saja saya anggarkan lebih kurang 4000 hingga 5000 mahasiswa yang kita ada di sana dan di kampus Shah Alam hampir 3000. Keseluruhan hampir 7000 dan keseluruhan yang aktif hampir 14,000 dan daripada segi operasi memang sebenarnya Unisel boleh berdiri dengan kaki sendiri untuk membiayai perniagaan ataupun kehidupan dan perjalanan UNISEL. Jadi memang tiada dana khas untuk satu syarikat sebab *care packs* kita dah bantu, hutang kita dah selesaikan termasuk hutang bersama Jana Niaga tadi yang 10 juta, dan kita juga dapat melihat prestasi kewangan UNISEL pada masa ini mampu untuk membiayai operasi mereka sendiri.

Ahli Yang Berhormat sekalian, juga dibangkitkan tentang apakah mekanisme kita untuk, BKK kepada penjawat-penjawat awam. Ini adalah satu inovasi yang cuba kita terapkan. Saya ucap terima kasih kepada pihak Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai Pengurusan Sumber Kerajaan Negeri yang bekerja keras sejak daripada Januari melakukan beberapa mesyuarat *retreat* dan perbincangan. Untuk melihat apakah mekanisme terbaik terhadap pemberian berdasarkan prestasi ini. Dan Alhamdulillah, ini adalah kali pertama kita buat. *Ins Shaa Allah* kalau sistem ini berjaya, saya percaya ia akan menjadi ikutan kepada negeri-

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

negeri lain. Tiada lagi saya rasa, negeri-negeri yang berani membuat berdasarkan prestasi semasa.

Dan BKK ini akan melihat penilaian melalui 43 Jabatan. Di mana kita pecahkan kepada dua (2) kategori, bagaimana prestasi Jabatan dan prestasi Individu. Dan di jabatan kita melihat, adakah jabatan-jabatan itu cemerlang, melebihi ekspektasi, sampai kepada ekspektasi atau pun *lower than expectation*. Dan setiap rumah itu, ada beberapa angka yang kita berikan dan begitulah juga dengan pegawai-pegawai atau secara individu di mana kita akan melihat kepada beberapa aspek termasuk disiplin, pencapaian KPI dan sasaran yang telah ditetapkan dan sebagainya untuk melihat secara keseluruhan. Adakah mereka dapat mencapai sesuatu saranan-saranan yang dikemukakan. Ada beberapa STANCO meletakkan beberapa syarat tambahan. STANCO Luar Bandar sebagai contoh menetapkan; pengurus-pengurus MPKK harus melengkapkan Jawatankuasa mereka. Kalau tidak lengkap, kita letakkan di bawah kategori tidak mencapai ekspektasi ataupun hanya mencapai ekspektasi tertentu.

Dan ini adalah satu proses pembaharuan dan kita sedang lihat. Saya tidak jamin ia sempurna. Saya tahu, masih ada rasa kurang senang hati tetapi ini saya rasa satu lonjakan baru dan perubahan paradigma yang penting kepada Negeri Selangor. Saya berulang kali ketika bertemu dengan penjawat awam, kita perlu merubah paradigma pemikiran serta cara kita berfikir dan cara kita bergerak. Kita nak bergerak sebagai Negeri Pintar Serantau. Nak jadi sebagai Negeri Pintar, sudah pasti kita perlu melakukan perubahan. Nak jadi Pesaing Serantau, kita kena melakukan perubahan. Dan perubahan ini tidak boleh hanya diukur dengan kata-kata tetapi harus diukur dengan tindakan dan salah satunya adalah mengenalkan BKK atau yang kita kenali “Tanda Kutip Bonus”, kita tak boleh sangat sebut “Bonus” kepada anak pegawai-pegawai penjawat-penjawat awam ini berdasarkan prestasi-prestasi semasa. Walaupun agak kurang selesa, tetapi saya percaya ia boleh dapat dilakukan dengan baik.

Ahli Yang Berhormat sekalian, saya juga ingin menyebut tentang kluster-kluster. Ada Ahli Dewan juga sebagai contoh Sungai Air Tawar...

**TUAN SPEAKER :** Mcelah sedikit, Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Tuan Speaker, Terima Kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Isu yang berkaitan dengan BKK. Pada pandangan saya, saya melihat julatnya sangat besar. RM500 atau pun sehingga dua (2) bulan gaji. Yang saya kira, saya khuatir ia akan menimbulkan satu persepsi yang tidak berapa baik di kalangan penjawat-penjawat awam, bukan saya nak bandingkan dengan Kerajaan Pusat yang mana menerima juga RM500, mungkin RM500 yang diterima oleh pegawai penjawat awam tiap pusat tu yang mempunyai prestasi yang sangat baik dan saya khuatir kalau RM500 diterima oleh pegawai kita, makna pegawai yang terlalu bermasalah. Nak bandingkan dengan dua (2) bulan gaji yang diterima oleh pegawai penjawat awam juga yang mana kalau, pada pandangan saya RM500 selepas ini, dia terpaksalah keluar kalau dia sebagai pekerja kontrak dengan mungkin prestasi yang sangat teruk. Itu satu perkara.

Yang ke-2, kalau dapat saya nak melihat juga apakah garis panduan kepada kita sebagai Ahli Dewan Negeri. Penilaian yang mungkin boleh, kita sama-sama tahu apa yang dinilai kan kerana saya kira di luar sana melihat pimpinan daripada sudut kepimpinan melalui

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

tauladan. Kalau tadi disebutkan *single used bottle plastic* tadi. Kita akui kesilapan kita dan kita perlu perbaiki. Di hadapan Menteri Besar pun masih ada lagi *single used bottle*. Daripada sudut penilaian prestasi kepada Ahli Dewan Negeri, saya khuatir ia juga memberikan satu kesan yang tidak baik dari sudut *assessment*.

Ini sebagai contoh la, kalau kita katakan Jeram, bila..."contoh sahaja Jeram ya..", bila kata dia nak lompat nak tukar tempat duduk dia. Kita berikan dia prestasi yang tidak baik, dapat RM5000 sahaja. Sudah tentu MB mempunyai satu prestasi yang baik. Kita berikan dua (2) bulan gaji. Contoh dia RM50,000 atau pun...

**TUAN SPEAKER :** Mohd pendekkan ya, sebab ini mintak penjelasan sahaja bukan perbahasan. Tolong. Sila sila.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** ...jadi bermakna satu julat yang sangat besar. Jadi, saya minta lah kalau ada satu julat yang agak selesa disediakan untuk yang akan datang. Dan juga prestasi terutamanya kepada Ahli Dewan itu sendiri. Terima kasih.

**Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Yang Berhormat sekalian, kalau saya boleh sebutkan , kita menggunakan pandangan kita *Bell Curve Theory*. Di dalam *Bell Curve Theory* yang terlalu baik tidak begitu banyak, yang terlalu buruk pun tidak begitu banyak .

Itu secara pandangan asas atau hipotesis awal. Tetapi sebab itu kita bahagikan kepada beberapa kategori. Ada yang terima dua (2) bulan, ada yang terima sebulan setengah, ada yang terima satu (1) bulan, ada yang terima  $\frac{3}{4}$  bulan dan ada yang terima RM500. Jadi, walaupun saya cakap julatnya antara RM500 sehingga dua (2) bulan itu, jangan lihat dua (2) kategori sahajalah. Dia ada beberapa kategori-kategori yang lebih terperinci di buat dan saya yang pernah bekerja dengan Institusi Jerman ini, melihat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan nya. Cara dia buat *calculation* sama *complicated* nya dengan orang-orang Jerman. Jadi siapa nak kahwin dengan orang Jerman itu, fikir lapan (8) kali lah.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Minta Penjelasan

**TUAN SPEAKER :** Ya ya ringkas.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Dalam perbahasan saya ada membangkitkan tentang peranan yang boleh dimainkan oleh ADUN dan juga Ahli Majlis dalam memberi markah dan juga diberi sedikit pemberat dalam pemarkahan itu. Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sama ada cadangan itu boleh dipertimbangkan dan sekiranya ia boleh dipertimbangkan, apakah ia nya juga membuktikan apa yang dilontarkan oleh Yang Berhormat Sijangkang tadi itu sebenarnya sesuatu yang tidak konsisten dengan apa yang ditanya ataupun, di bahas dua (2) tiga (3) hari yang lepas apabila beliau tidak setuju dengan cadangan saya itu. Di mana Kerajaan atau Ahli Dewan Negeri dan juga Ahli Majlis diberi satu (1) peluang untuk memberi pemarkahan, mungkin pemberat yang tidak sepenuhnya mungkin 10% atau pun 5%.

Tuan Speaker saya ingin memperjelaskan kerana terdapat perbezaan pendapat. Apabila saya melontarkan cadangan itu, saya juga mengatakan saya sendiri rela untuk dinilai. Bagi saya tidak ada masalah bagi ADUN yang mana prestasinya juga perlu dinilai. Jadi saya mohon penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Kita akan lihat keseluruhan, tetapi susah juga nanti kita nak lihat bagaimana ADUN melihat penjawat awam, penjawat awam pun nak lihat ADUN juga (ketawa), jadi penjawat awam boleh markah ADUN, ADUN tak boleh. Kita lihat, biarlah saya rasa Pejabat Speaker yang tentukan para ADUN ini. Jadi nak baik-baik, baik-baik dengan Speaker (ketawa). Tidak, kita ada sistem dia. Nanti saya akan *explain* kan ya. Memang Ini baru dan agak *complicated* saya mengambil masa beberapa hari untuk melihat dan membacanya dan boleh saya anggapkan bahawa kita akan dapat satu kepuasan secara objektif. Kalau nak puas hati semua, saya.. okey nampak ..(ketawa)

**TUAN SPEAKER :** Sedikit ya. Taman Templer. *Straight to the point.*

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN:** Jiran jiran. Jiran tetapi mesra. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Cuma nak tanya sedikit, nak mintak penjelasan sedikit. Bonus dua (2) bulan yang akan kita berikan ini, Cuma *percent* 1%, tidakkan 1% ini terlalu sedikit yang nak kita berikan bonus dua (2) bulan kepada penjawat dan juga kakitangan kerajaan. Mintak penjelasan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Yang Berhormat sekalian, sebab itu saya cakap tadi kalau tengok *Bell Curve Theory*. *Bell curve theory*, dia begitu, menaik nampak bentuk loceng. So, di loceng itu nampak ini kehidupan dan hipotesis biasa manusia. Mereka yang terlalu jahat zalim dan kejam sedikit, mereka yang terlalu baik itu pun sedikit, yang tahap-tahap wali. Jadi yang kebanyakannya berkongsi dosa dan pahala. Dalam masa yang sama, kita cuba lihat dan bandingkan mereka. Jadi itu hipotesis dan kajian manusia di dalam *bell curve*, dan kita cuba terapkan dalam melihat keseluruhan. Tetapi pemarkahan ini kita akan lihat secara keseluruhan. Kalau lebih mungkin, lebih lagi itu pandangan saya dia tidak akan lebih. Terlalu banyak daripada angka yang kita tetapkan. Cumanya, ialah *objectivity* itu kita cuba sebaik mungkin meletakkan *objectivity*. Apa hal pun sebenarnya Yang Berhormat Sekalian, semua dah dapat sebulan gaji. Ketika hari raya Aidilfitri dan sekarang ini kita nak tambah.

Adakah tambahan itu RM500, adakah tambahan itu  $\frac{3}{4}$  bulan, adakah tambahan itu sebulan setengah, adakah tambahan itu dua (2) bulan. Itu sahaja. Jadi ini tambahan yang kita berikan. Semua telah dapat sebulan. Kebajikannya selesai di peringkat sebulan. Tambahan nya bergantung kepada prestasi kedudukan semasa. Panjang cerita bonus. Sejak ada umum bonus dua (2) bulan ini, rajin Templer bercakap. Ahli Yang Berhormat sekalian.. (ketawa)

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Penjelasan.

**TUAN SPEAKER :** Yang terakhir, terakhir ya. Saya tak nak bagi *chance* dah

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Ada bertanya, kalau ada yang dapat RM500 itu, kalau pekerja kontrak dia perlu dikeluarkan tahun-tahun yang akan datang. Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat, adakah itu benar sebenarnya. Kalau seseorang itu dapat RM500, bukan bermaksud dia akan dikeluarkan kalau dia pekerja kontrak. Tetapi itu adalah satu petunjuk kepada dia, supaya pada masa-masa yang akan datang, dia perlu mempertingkatkan prestasinya.

## 7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Tidak pernah ada hasrat untuk kita menggugurkan kontrak seseorang penjawat-penjawat kita berdasarkan bonus yang mereka dapat. Tidak pernah ada. Sebab itu kita bagi sebulan semua. Tetapi yang ini adalah berdasarkan prestasi semasa dan kita kena lihat prestasi itu ada sebab-sebab yang tertentu. Ada kekangan-kekangan tertentu. Sebab itu kita akan cuba melihat seobjektif mungkin, kita ada beberapa saringan-saringan tertentu, kita percaya kita akan dapat mencipta satu sistem yang baik. Ini percubaan kali pertama. Saya percaya niatnya baik, belum tentu lagi kita dapat laksanakan dengan sebaik mungkin.

Baik saya nak sebut tentang klusterisasi sedikit, sebenarnya kalau kita sebut klusterisasi ini sekarang sedang bergerak dan pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri sedang mencipta jangka masa atau pun *time line* (dengan izin) terhadap pencapaian-pencapaian prestasi kluster-kluster yang kita tetapkan. Memang kalau disebut kita seolah-olah kita tumpu Aerongkasa, dengan izin Yang Berhormat sekalian. Aeroangkasa ini telah bertapak 62%, tetapi setelah kita tubuhkan jawatankuasa tetap, setelah kita tubuhkan *council* ataupun *Council Of Aerospace* dan setelah kita buat satu *Blue Print*, kita telah buat *Plan Of Action*, sekarang kita dapat lihat Aeroangkasa daripada 62%, tercokoh sejak tahun 80 an, 90 an yang telah bertapak di Negeri Selangor, sekarang telah berkembang menjadi 65% *and by end of this year* (dengan izin ) *by akhir tahun ini*, *Ins Shaa Allah* Aeroangkasa di Negeri Selangor akan mencecah 70% daripada keseluruhan Aeroangkasa di dalam negara kita.

Sebab apa, sebab ekosistemnya dah hampir lengkap dan juga jaringan-jaringan kerjanya sudah sampai ke tahap untuk *expansion*. Itu saya sebutkan. Tetapi, kita juga dapat melihat perkembangan yang positif antaranya industri pelancongan yang saya sebutkan tadi. Dia dapat hasil yang baik, kutipan yang baik. Kita tengok juga yang saya umumkan dalam belanjawan selain daripada pengumuman tanah 2000 ekar untuk *Aerospace Industry* kita juga ada mengesan tanah seluas 600 ekar untuk *ENE Industry* atau pun *manufacturing industry*. Ini adalah satu usaha yang berterusan di samping usaha-usaha dalam bidang pendidikan dan sebagainya yang kita jawab dan kita selaraskan, pertanian di kawasan Sabak dan sebagainya.

Malahan pihak EXCO telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas yang diketuai oleh Yang Berhormat Pandan Indah untuk melihat apakah, perkara-perkara yang boleh dirancang kan untuk Daerah Sabak yang kita lihat pada ketika ini agak terkebelakang selain daripada agensi dan jabatannya, juga operasi dan kehidupan penduduk di kawasan Sabak. Cuma kita perlu ambil masa, sebab untuk lengkapkan *planning* ini kalau ada nanti, kita akan isytiharkan dan kita umumkan dan kita bangunkan secara keseluruhan.

Sebab itu kalau saya sebut klusterisasi ini bukanlah kita nak bagikan anak emas atau anak tiri kepada siapa-siapa, tetapi kita membugar dan *unleash*. Ini ayat dia *unleash and unlock*. *Unlesh* dengan *unlock*. Benda yang selama ini *mabey* terkunci, kita bukakan. Sebagai contoh hab pendidikan, sebelum ini kita tak nampak walaupun sudah ada. Dia terkunci dia mati, *work in silo* tetapi kita bangunkan dan bukakan. Sebagai contoh di sabak bernam, mungkin orang tak lihat potensi-potensi *Ecotourism* nya sebelum ini. Kita letakkan dan menarik minat bidang *Aerospace*, bidang-bidang pelancongan khususnya untuk *Agriculture Tourism* dan beberapa bidang-bindang yang lain. Juga di dalam beberapa bidang yang telah dikenal pasti secara keseluruhan.

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

Satu buku yang telah dikemukakan, telah di siapkan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri, sekarang kita sedang *detail* kan beberapa benda perkara. *In shaa Allah* dia akan jadi satu garis panduan kita dan kita akan dapat kemukakan dalam belanjawan dalam bulan 3 nanti kita akan cuba membentang satu pelan yang menyeluruh untuk melihat klasifikasi ini dapat bergerak dan dibangunkan sebagai asas ekonomi negeri.

Ahli Dewan sekalian saya kira saya telah menjawab beberapa persoalan-persoalan dibangkitkan kalau boleh saya surut balik..Belanjawan ini, adalah satu belanjawan yang mana kita ingin melompat kita ingin bergerak dengan pantas ke hadapan dan sebab itu kita mengetengahkan beberapa prinsip-prinsip dalam perbelanjaan infrastruktur dan juga masih mengekalkan *fiscal discipline* dengan memastikan rizab kedudukan kewangan dan formula ini akan memastikan Negeri Selangor sentiasa berada di ke hadapan bukan pada masa ini insyallah dalam tempoh 10-20 tahun yang akan datang.

Kedua aspek-aspek kebaikan dan sebagainya masih menjadi perhatian Kerajaan Negeri cuma fokusnya sedikit diperhatikan. Teguran-teguran Ahli Dewan berkenaan dengan beberapa pertukaran formula itu disebabkan kerana kita selalu mendapat kayu ukur dan kayu-kayu ukur itu baru kita dapat selepas kita dapat akses kepada Kerajaan Persekutuan.

Ketiga beberapa perkara-perkara *specific* yang dibangkitkan(batuk) seperti klasritasi, BKK dan sebagainya saya telah jawab secara keseluruhan dan terakhir sedikit Yang Berhormat saya lupa saya juga dibekalkan tentang teguran murid berkenaan dengan masjid dan surau kita memandang serius dan pihak Kerajaan Negeri akan bergerak mengikut undang-undang dan akta sedia ada serta peraturan yang sedia ada. Kalau ada perkara-perkara yang ditimbulkan itu, atau pun mana-mana penceramah yang tidak bertauliah penceramah dan memberi kuliah di Negeri Selangor siapa pun kita akan ambil tindakan. Sebab itu, mesyuarat yang melibatkan Dewan di Raja mesyuarat melibatkan Majlis Agama Islam kita bertindak mengikut peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan. Jadi kalau ada sebarang kesalahan yang dilakukan kita akan ambil tindakan malahan laporan Pengerusi Majlis Agama Islam Negeri sendiri memberi tahu pada saya bila dia pergi solat, dia pergi ke beberapa masjid yang masih lagi menimbulkan ceramah-ceramah berbentuk politik selalu mengutarakan, menuduh parti-parti tertentu, menuduh orang lain tak Islam dan sebagainya tindakan terus diambil atas arahan oleh Pengerusi Majlis Agama Islam bukan 1 dah 2 masjid kita ambil tindakan semacam itu.

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER :** Ya Batang Kali...

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Terima kasih Yang Berhormat Speaker...adakah kerajaan ada rancangan supaya hal-hal seperti ini, pihak JAIS misalnya boleh membuka er..apa ini..*WhatsApp* supaya aduan seperti ini boleh kita hantar gambar segera bila kita duduk dalam masjid, surau misalnya ada ceramah-ceramah yang menghentam Pakatan Harapan so kita boleh *WhatsApp* terus ke jabatan yang berkenaan supaya ianya menjadi suatu..ya..kita boleh terus *WhatsApp* cepat benda ini so terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Ahli Yang Berhormat sekalian, prinsipnya bukan hentam mana-mana parti. Prinsipnya ialah menimbulkan keresahan dengan ceramah-ceramah yang tidak berpatutan. Keluar daripada konteks adap dan ilmu Islam,

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

itu konteksnya ya..secara besar. Baik dia *attack* parti lain pun..parti lawan kita pun..tapi kalau konteksnya dengan tidak berhemah, menggunakan sentimen, menggunakan perkara-perkara yang tidak wajar itu juga kita akan ambil tindakan. Apatah lagi bila menyerang kerajaan dengan perkara-perkara yang tidak wajar, toh mahan, fitnah saya dengar banyak..saya dengar...malahan kadang-kadang masa saya datang sengaja saya datang solat Jumaat kadang-kadang di mana-mana saya tak bagi tau masa itu penceramah cukup kuat saya saja sembahyang biar dia nampak lepas itu dia diam berhentinya. Nak kata takut tuhan sebab saya takut juga..kadang-kadang pelik itu.

Yang Berhormat sekalian, sebab itu saya sebutkan barangkali kita akan ambil tindakan tegas termasuk menggunakan teknologi kalau boleh nanti sistem *cctv* kita pun akan sampai ke masjid-masjid untuk kita melihat dan mendengar secara keseluruhan termasuk memantau mereka yang tidak bertauliah.

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI :** Mohon laluan

**TUAN SPEAKER :** Ya, Taman Medan..ya.

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI :** Saya juga ingin menyambung apa yang disebut oleh Yang Berhormat Batang Kali, sebab saya ada dengar kisah ya..seorang penceramah bekas calon Parlimen Tanjung Karang ya yang secara terbuka mengkritik Kerajaan Negeri depan Menteri Besar di Masjid Al-l'tisam, Taman TTDI Jaya. Jadi, saya rasa perkara itu ada berlaku mungkin Yang Amat Berhormat ada pada waktu itu. Bekas ahli..calon Parlimen Tanjung Karang.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Saya kritik ni.. kritik ni saya dah banyak kali ulang kritik ni tak kritik dekat masjid dia kritik dekat *Facebook* tak kritik kat *Facebook* dia kritik dekat Twiter tak kritik kat Twiter dia bisik-bisik di belakang *WhatsApp* tak ada masalah nak kritik-kritik tapi asas ilmu, asal adap dan sebagainya itu kita titik beratkan. Saya bukannya masalah dengan kritik saya orang yang sangat terbuka dengan kritik tetapi cara-cara dan kaedah. Apatah lagi asas terhadap kritikan yang dibuat kalau asasnya itu fitnah dan sebagainya kita harus ambil tindakan dan sebab itu, arahan saya kepada Jabatan Agama Islam kita tak nak ada perkara-perkara ini berlaku dan elok dikeluarkan daripada ruangan ibadah masjid yang sepatutnya menjadi tempat kepada masyarakat serta komuniti berkumpulan. *Last* soalanla pasal masjid ini..

**TUAN SPEAKER :** Yang terakhir untuk soalan Masjid.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar..Cuma tadi ni soalan berkaitan ceramah, hentam, tibai, saya tak hentam, tak tibai, tapi kita nak gunakan kemudahan masjid tapi pihak pengurusan masjid tak benarkan macam saya sebutla saya tanya kepada Yang Berhormat Morib ritu hari saya kata kita ni wakil rakyat yang dipilih sah..kita ni wakil rakyat sah tapi kita tidak dibenarkan oleh pengurusan masjid..jadi nak tanya la pandangan..pandangan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar..ni macam mana ini yang kita ni wakil rakyat nak menggunakan kemudahan masjid tak dibenarkan oleh pihak pengurusan masjid. Saya kira ini tidak adil la..Saya kira ini tidak adil...sebab apa..kita sekarang ini kerajaan Pakatan Harapan sangat telus..kalau pembangkang nak gunakan dewan ya silakan..pembangkang nak gunakan balai raya ya..silakan..tapi kita wakil rakyat kerajaan ini tak dibenarkan untuk menggunakan

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

kemudahan masjid. Hati ini tidak luka kaki patah tapi hati tidak Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih. Sila kemukakan setakat ini, saya sendiri tiada masalah..setakat inilah..yang lain-lain saya tak pasti tapi kalau ada yang tidak membenarkan kita akan ini kan..tetapi (batuk) nasihat saya kepada semua Ahli Dewan..semua..termasuk diri saya elak-elakkan lah kita cuba untuk bercakap, berbicara di luar bidang kita..kang nanti jadi masalah ya..jadi kalau kita nak sampaikan sumbangan dan sebagainya masih digalakkan diteruskan gunakan lah kompaun yang telah ditetapkan tapi elakkan lah mengganggu waktu solat dan sebagainya dan sebagainya. Ini..ini kita akan buatkan saya sedang bincang dengan Pengarah JAIS supaya kita dapat memurnikan perkara-perkara dan hal-hal ini supaya tidak berlanjutan dan berterusan berlaku termasuk meneliti semula berapa banyak yang bermasalah. Kita ada senarai dan melihat mereka-mereka yang berjawatan dalam berpolitik memegang fungsi di dalam masjid dan surau di Negeri Selangor. Terima kasih.

Jadi saya berharap, agar dengan penggulungan ini kita dapat maju ke hadapan, kita dapat meneruskan usaha-usaha pembangunan yang ada di dalam Negeri Selangor termasuk pelan-pelan dan jangka panjang dan pelan-pelan yang berterusan yang kita sedang rangka dan seterusnya menjayakan usaha negeri ke arah negeri pintar 2025 dan mendukung wawasan kemakmuran bersama. Terima kasih, Yang Berhormat Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Yang Amat Berhormat Sungai Tua..Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan ini cadangan di hadapan Dewan ialah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibaca kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya..Ya...Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila katakan tidak..Dipersetujui..

**SETIAUSAHA DEWAN :** Bacaan kali yang kedua. Rang Undang-undang ini, bernama suatu Enakmen bagi Menggunakan Sejumlah Wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk Perkhidmatan bagi Tahun 2020 dan bagi Memperuntukkan Jumlah Wang itu untuk Perkhidmatan bagi Tahun itu.

**Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ialah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibacakan kali kedua sekarang. Sorry..sorry..sorry..Tuan Speaker saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa Perbekalan di bawah Peraturan Tetap 66(3) untuk menimbang Rang Undang-undang ini fasal demi fasal.

**TUAN SPEAKER :** Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa Perbekalan. Bentara silakan..

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B1 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan RM112juta 974ribu 409 ringgit.

**TUAN SPEAKER :** Ya..Hulu Kelang..

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Saya duduk ya..Tuan Pengerusi saya ingin membangkitkan dalam Butiran Program 50, 500, 5ribu, vot B01 Muka Surat 50

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

Kod Objek sebagai 2900 yang berkaitan dengan Kerajaan Tempatan. Saya lanjut..saya akan..

**TUAN SPEAKER :**            50 ya..ok..

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :**            50-51...Saya menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan Kerajaan Tempatan Hal Ehwal Islam Peradaban Melayu dan Warisan Bangunan Desa dan Kampung Tradisi.

Pertamanya berkaitan dengan Kerajaan Tempatan. Ada peruntukan dasar sedia ada RM100ribu, saya mencadangkan dimulakan dengan membuat kajian tentang *landscaping* mencantikkan, mengindahkan kawasan-kawasan kerajaan, bangunan-bangunan kerajaan dengan bunga-bunga warna-warni yang telah ditimbulkan soalannya kepada EXCO pagi tadi.

Saya berharap bahawa, ada satu kejayaan yang perlu kita raikan. Kejayaan yang telah dicapai oleh sebuah syarikat bumiputera di Semenyih. Mereka telah mendapat kontrak pada awalnya pada tahun 89 untuk mengadakan *landscaping* di Negeri Selangor sempena dengan cogan yang diketuai pada masa itu oleh Perdana Menteri Malaysia yang hari ini merupakan Perdana Menteri Malaysia juga dan dalam rangka itu, telah mendapat pujian dan telah terkenal menjadikan satu tarikan dunia hinggakan pada hari ini syarikat itu mendapat kontrak untuk mengadakan *landscaping* di *Palm Island,Dubai* satu hasil pendapatan yang berjuta ringgit.

Apa yang saya ingin tekankan di sini adalah tentang potensi *landscaping* bunga warna-warni ini sebagai satu industri baru yang akan berkembang sebagai satu industri besar dunia bernilai RM17billion setahun. Di mana kalau kita dapat menjadikan Selangor hub utama dengan sokongan peringkat awal daripada kajian daripada..Kerajaan Tempatan, PBT ini maka dia akan membawakan satu hasil yang penting iaitu penanaman bunga-bunga bagi menghasilkan biji benih bunga-bunga warna-warni untuk bekalan seluruh dunia kerana industri ini masih lagi dibolot oleh *Holand*, Belanda, Britain, Jepun, Amerika. Itulah antara negara-negara yang membolot hasil daripada bunga-bunga *tampered* bunga-bunga tropika untuk dijadikan bunga-bunga *tampered* dan mereka tidak membenarkan bunga-bunga ini, dihasilkan untuk pembungan. Tetapi sekiranya kita mengadakan *research* yang teliti dan kita boleh buktikan kita boleh menghasilkan dan mengawal pasarananya maka saya yakin dia akan menjadikan Selangor sebagai hub utama penghasilan penanaman bunga-bunga bagi melahirkan biji benih bunga-bunga warna-warni untuk bekalan seluruh dunia. Di pasaran dunia yang besar itu akan.

Saya boleh membantu pihak-pihak yang bertanggungjawab di peringkat EXCO yang berkaitan, Kerajaan Tempatan iaitu portfolio yang berkaitan dengan Jawatankuasa Tetap yang berkaitan. Kedua yang ingin saya sentuhkan adalah, tentang Pembangunan Kampung Baru Peradaban Melayu dan Warisan. Saya menganggap bahawa Melayu mempunyai satu warisan yang penting. Iaitu kejujuran, bertanggung jawapan sebagaimana yang telah saya sentuhkan dalam ucapan saya dasar saya dalam perbahasan dasar saya iaitu tentang peristiwa 13 Mei. Pada tahun ini, kita menyambut dengan sedih peristiwa 13 Mei dan ada apa yang ditunjukkan oleh aktiviti yang kita sokong iaitu *Freedom Festival* mengatakan bahawa ada kajian yang dilakukan sebagai dokumentari filem yang menyatakan bahawa adanya *mess grave* iaitu berlaku pembunuhan, kematian, mangsa

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

yang besar bilangannya yang diletakkan di satu kawasan yang terpencil di kawasan semak samun yang hampir-hampir dijadikan sebagai kawasan parking oleh orang yang tidak tahu kerana di situ terdapat kubur-kubur orang yang dinyatakan sebagai sumbangan tanah perkuburan dari Kerajaan Malaysia bagi mereka yang telah menjadi mangsa pada perusuhan kaum 13 Mei. Kita adalah bangsa yang berwibawa, kita adalah bangsa yang bertanggungjawab, kita tidak boleh membenarkan sejarah memburu kita. Kita tidak boleh membenarkan mana-mana rakyat Malaysia, Cina ataupun India, Melayu ataupun sebagainya menjadi mangsa perkara ini. Saya sendiri mempunyai abang sepupu yang telah terkorban mati di rumah sendiri kerana terkena peluru sesat, dikatakan sebagai suatu operasi memastikan bahawa tidak ada orang yang melanggar perintah berkurng *curfew* dan bagaimana dia boleh dibunuh sedangkan dia ada di rumah. Kerana ini adalah tindakan yang tidak bertanggungjawab daripada Pihak Berkuasa yang mengadakan penguatkuasaan tentang perintah berkurng.

Jadi saya percaya bahawa beliau telah dikebumikan di Gombak, satu tanah perkuburan di Gombak seramai 7 orang mangsa yang sama yang terbunuh kerana terkena tembakan yang dilakukan oleh penguatkuasaan sedangkan mereka berada di dalam rumah. Ini membawa kepiluan yang sangat luar biasa kepada ibu bapa mereka. Mereka berdendam dengan kerajaan ini. Mereka sakit hati, mereka geram kenapa kerajaan tidak mengambil satu tindakan dan bagi *mess grave* yang berada di Sungai Buloh apa yang berlaku adalah satu mereka membuat pengakuan, tak ramai yang berani membuat pengakuan, yang membuat pengakuan ini kerana adanya satu seorang warganegara Malaysia yang menjadikan dokumentari filem ini diproses di Macau, di Hong Kong kemudian diproses dalam industri filem festival. Jadi dalam cerita itu sangat sedih nak menghayati bagaimana dia kehilangan 5 orang anaknya. 5 orang anak, lima-lima kehilangan dan rumah mereka dibakar dan tanda-tanah rusuhan kaum 13 Mei. Jadi kita tidak mahu menjadi satu bangsa yang tidak menegakkan keadilan. Kalau lah kejadian Abatit di Afrika Selatan dapat mengubat hati rakyat dengan diadakannya sebuah Suruhanjaya Keadilan dan rekonsulasi, maka keadilan diberikan kepada semua. Mereka yang melakukan jenayah pembunuhan berdasarkan kulit hitam, kulit putih, maka sama ada mereka kulit hitam menganiayai kulit putih ataupun kulit putih menganiayai kulit hitam, dibunuh dan diseksa dan sebagainya dia melakukan keadilan. Ada yang memaafkan dan ada yang menuntut keadilan ditegakkan, hingga Nelson Mandela, Presiden yang sangat disayangi oleh mangsa Afrika Selatan hingga mereka mengatakan baru-baru ini dalam final ragbi. *World Cup Rugby* mengatakan sekiranya Britain menang, *Red England* Menang dia setakat mahu memastikan bahawa kualiti permainan ragbinya setanding dan konsisten sebagaimana dia telah mengalahkan *All Black* dan *semi final*. Tetapi bagi Afrika Selatan mengatakan, berikanlah kami peluang kemenangan kerana kemenangan ini akan bererti kami dapat menyatupadukan rakyat Afrika Selatan buat kali kedua dan kali pertama ketika Mandela hidup orang kulit hitam tidak mahu masuk pasukan ragbi *spring box* Afrika Selatan, tetapi mereka juara dan akhirnya Mandela memujuk-memujuk dalam tempoh itu Kapten Afrika Selatan yang menang Piala Dunia baru-baru ini adalah orang berkulit hitam.

Jadi itulah besarnya wawasan mereka, mereka nak menyatupadukan rakyat, mereka menyatakan bahawa kami mahu menjadikan satu bangsa yang tidak mahu mengabaikan menutup kesalahan kami tetapi kami membincangkan kesalahan kami mengadili bersama-sama kami dan memaafkan antara satu sama lain. Saya percaya orang-orang Melayu Kampung Baru, saya nak orang Kampung Baru saya menyaksikan peristiwa 13 Mei dengan mata kepala saya sendiri, saya lihat bagaimana orang Melayu gila pada masa itu, Melayu

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

yang gila yang membunuh orang-orang Cina, sahabat-sahabat saya dan bapa saya adalah tauke kantin pada masa itu yang Chow Kit Road ini tempat kita berniaga tempat kita berinteraksi tidak ada masalah Cina, Melayu tetapi apabila berlaku masalah politik, perkara yang telah dilakukan oleh mereka-mereka, orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Jadi saya ingin menyeru bahawa keadilan ini kita bawa, kita mahu membangunkan bangsa Malaysia, usia saya 62 tahun, saya lahir tahun 57 ketika berusia 12 tahun saya menyaksikan 13 Mei, saya adalah mangsa, keluarga saya menjadi mangsa dan saya tidak mahu orang-orang Cina menutup hak mereka, yang menjadi mangsa pada 13 Mei itu mereka menjadi mangsa ditembak oleh tentera, ditembak oleh polis dengan sewenang-wenangnya kerana mereka adalah orang Melayu dan kita tidak mahu mengatakan bahawa orang-orang Cina merasakan bahawa mereka tidak diadili, kalau nak diadili adalah filem daripada Hong Kong baru-baru ini mereka berani, dengan itu saya menyeru Tuan Pengurus agar pihak Kerajaan Negeri Selangor memulakan satu langkah untuk mewujudkan satu bentuk platform keadilan yang mungkin sama macam Afrika iaitu satu Suruhanjaya boleh dikembangkan ke *federal* dan kita yang bertanggungjawab dalam konteks iaitu memastikan Suruhanjaya ini ataupun satu badan ini membuat kajian-kajian yang membolehkan bahawa kita membebaskan dosa-dosa kita agar tidak ada orang Melayu yang mengatakan hah nasib baik ada 13 Mei. Kalau tidak habis Selangor ini dikawal ini oleh di control oleh Cina. Kita tidak mahu perkara itu dan kita tidak mahu orang Cina mengatakan mereka buli kita, mereka bunuh kita, kita tidak boleh buat apa kerana mereka ..

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat pendekkan masa ya.

**Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB :** Dengan itu saya menyeru agar kerajaan mengambil langkah ini dan langkah ini akan memberikan kewibawaan dan kekuatan kepada kita untuk masa-masa yang akan datang. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya hanya ada 1 perkara yang nak saya bangkit di bawah Vot B01, Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri iaitu muka surat 50, Kod Objek 29000, perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain yang diberi dan hospitaliti iaitu di bawah Jawatankuasa Tetap. Pada 1 November semasa ucapan belanjawan Selangor 2020 oleh Dato' Menteri Besar satu jawatankuasa tetap baru telah diumumkan iaitu Jawatankuasa Hal Ehwal Orang Asli sepatutnya kalau satu jawatankuasa baru diwujudkan, maka mereka ataupun jawatankuasa tersebut harus atau sepatutnya dapat jumlah seperti STANDCO-STANDCO yang lain. Jadi soalan saya untuk Kerajaan Negeri adalah di mana Jawatankuasa Hal Ehwal Orang Asli. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Bukit Lanjan. Saya persilakan Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Pengurus Jawatankuasa saya merujuk ke muka surat 54, B01, Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri. Butiran program 556000, Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, Kod Objek, perkhidmatan dan perbekalan 20000 ini berkenaan dengan perbelanjaan untuk Seksyen PBT. Saya ingin membawa satu isu khusus berkenaan dengan Ahli Majlis kerana biasanya SPBT akan menguruskan urusan pelantikan Ahli Majlis dan memandangkan Ahli

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

Majlis yang akan yang sedang berkhidmat sekarang akan tamat tempoh perkhidmatan mereka pada 31 Disember tahun 2020 dan sudah pastinya urusan penilaian prestasi dan pelantikan Ahli Majlis yang baru akan bermula pada tahun depan, akhir tahun depan juga. Jadi saya memohon supaya SPBT menggariskan ataupun menjalankan kerja-kerja pemantauan terhadap prestasi Ahli-ahli Majlis itu yang pertama. Yang kedua sebenarnya berkaitan dengan cadangan kuota wanita Ahli Majlis Wanita semalam saya juga ingin memberi sedikit pandangan dan ulasan sebenarnya saya rasa kerana pelantikan Ahli Majlis adalah kuasa Pihak Berkuasa Negeri. Parti-Parti politik pemerintah hanya memberi cadangan ataupun reference ataupun cadangan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk dilantik dan saya memohon sekiranya pernah dijadikan sebagai dasar dalam kerajaan, dasar Kerajaan Negeri untuk menetapkan 30% Ahli Majlis untuk kaum wanita saya mohon supaya ia nya dipulihkan, ditetapkan semula dan dilaksanakan pelantikan yang akan datang. Sekiranya ada mana-mana parti politik yang tidak dapat memenuhi syarat itu, saya rasa kekosongan itu masih boleh dikekalkan sehingga terdapat calon wanita yang bersesuaian. Jadi itu cadangan saya. Sekian.

**TUAN SPEAKER :** Pelabuhan Kelang.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya mukasurat nombor 50. Butiran program aktiviti 505000, pentadbiran dan kewangan, kod objek 28000, penyelenggaraan dan pembaikan kecil dibeli bersama dengan kod objek 29000, perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain yang dibeli dan hospitaliti. Penyelenggaraan ini RM6,770,246.40 dan perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain yang dibeli dan hospitaliti RM20,402,113.80 dan saya ingin menyentuh tentang penyelenggaraan dan pembaikan kecil yang dibeli ini saya berharap pihak Kerajaan Negeri Selangor semasa kita datang ke Bangunan SUK ini jalan nak masuk ini, jambatan itu saya ingat dekat Pelabuhan Klang je yang sambungan ini bermasalah. Tengok-tengok dekat Pejabat SUK pun kita punya absorber terhentak tayar, terhentak dan saya rasa macam tak selamat pula sebab sambungan 2 jambatan ini penyambung itu macam ada sesuatu yang tidak kena seperti di kawasan jambatan-jambatan di Pelabuhan Klang jadi saya rasa pintu masuk itu cuba tengok baliklah bangunan tersebut, ini jambatan tersebut adakah ia nya benar-benar selamat untuk kita dan seterusnya untuk Jawatankuasa Tetap Pelancongan saya memohon supaya pada tahun hadapan untuk dilihat semula kawasan Pekan Pelabuhan Klang supaya ada jawatankuasa memikirkan bagaimana untuk membantu Pekan Pelabuhan Klang ini sebagai sebuah pelabuhan yang ke-12 terbesar di dunia tetapi di Pekan Pelabuhan Klang rupanya sangat menyedihkan, tidak ceria, landskapnya sangat menghampukan dan kalau orang datang ke Pelabuhan Klang ini, mana nak selfie kat Pekan dia ini. Tak ada. Ini kalau kita pergi ke kawasan di daerah-daerah pedalaman di Sabah puan seperti di Tenom, di Sandakan pun ada *I love Sandakan, I love Tenom*. Tetapi di Pelabuhan Klang tak ada. *I love Pelabuhan Klang* pun tak ada, dekat mana kita nak ambil gambar untuk tinggalkan kenangan bahawa kita dah sampai ke Pekan Pelabuhan Klang dan saya harap perlu difikirkan bagaimanakah cara yang terbaik untuk pihak Kerajaan Negeri bersama-sama dengan pihak Kementerian Pelancongan, Kementerian Pengangkutan bagaimana untuk mengindahkan Pekan Pelabuhan Klang dan seterusnya mengaktifkan aktiviti ekonomi di kawasan tersebut. Kita ada masalah di Pekan Pelabuhan Klang iaitu jambatan Jalan Kem yang merentasi Pekan Pelabuhan Klang. Ini juga antara punca dan penyebab bagaimana kawasan Pelabuhan Klang ini tertinggal jauh dengan bandar-bandar yang ada berdekatan dengan Pelabuhan Klang seperti Bandar Bukit Tinggi dan juga Bandar Baru Klang ya di Bukit Raja dan semuanya dah berpindah keluar ke

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

kawasan-kawasan ini. Jadi, saya harap kita kena tengok balik bagaimana nak memulihkan Pekan Pelabuhan Klang. Jadi saya mohon Kerajaan Negeri untuk segera melihat perkembangan bagaimana untuk membantu merancakkan ekonomi di Pekan Pelabuhan Klang. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dewan perlu bersidang semula. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan jam 1.00 tengah hari dengan ini saya menangguhkan dewan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

**(DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 1.00 PETANG)**

**(DEWAN DISAMBUNG SEMULA)**

**(TUAN TIMBALAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dewan disambung semula. Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa Perbekalan. Silakan, Subang Jaya.

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE :** Terima kasih Puan Pengerusi. Subang Jaya nak bangkitkan berkenaan muka surat 50, kod objek 21000, 22000, 23000, 24000.

Seterusnya mukasurat 51, Kod Objek 44000. Muka surat seterusnya mukasurat 52, kod objek 47000. Untuk butiran program aktiviti Bahagian Pengurusan Sumber Manusia iaitu kod 552000, kod objek 21000.

Muka surat seterusnya mukasurat 53, buitran program 553000, Bahagian Pengurusan Maklumat, kod objek 21000, 24000. Butiran aktiviti Seksyen Mikro dan Penswastaan 554000, kod objek 21000.

Seterusnya muka surat 54.....

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Tuan Timbalan Speaker, sepatutnya Subang Jaya menyebut kod objek kemudian akan teruskan kepada perbahasan kemudian baru pergi ke kod objek yang lain. Tidak bercampur aduk. Kalau tidak dia mengelirukan.

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE :** Saya membangkitkan beberapa kod objek itu sebagai contoh. Sebab saya nampak satu *pattern* secara menyeluruh dalam semua bahagian di mana untuk perbelanjaan contohnya untuk kita ambil mukasurat 50 sebagai contoh, 20000 perbelanjaan perjalanan dan sara hidup, 22000 pengangkutan dan barang-barang, 23000 perhubungan dan utiliti, 24000 sewaan. Ini merupakan perbelanjaan tetap di mana ia merupakan perbelanjaan yang kita perlu belanja tetapi saya lihat disini untuk dasar sediada bahawa dari tahun 2009 hingga 2020 untuk semua Kod Objek yang saya sebut tadi terdapat penurunan yang sangat ketara. So saya setuju dengan penjimatan cuma saya nak tanya samada penjimatan itu realistik, satu. Kedua bagaimana penjimatan itu boleh dicapai sebab kita masih boleh melakukan penjimatan yang ketara ini

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

dengan mengekalkan kualiti, maka saya rasa semua Ahli-Ahli Dewan dalam Dewan ini juga nak belajar. Itu sahaja. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih, Subang Jaya.

**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT :** Saya nak bangkitkan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Rawang.

**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT :** Terima kasih kepada Pengurus. Beberapa perkara yang saya nak mempersoalkan adalah berkenaan dengan muka surat 195, kod objek adalah PK404008.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Belum sampai ke situ Rawang, sila duduk.

**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT :** Oh, ok. Maafkan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Jadi saya menjemput pada pihak Kerajaan untuk memberikan penjelasan. Silakan.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Kerajaan Tempatan. Ya, pagi tadi Yang Berhormat Hulu Kelang ada sentuh tentang perkara-perkara di mukasurat 50. Sebenarnya mukasurat 50 adalah bagi peruntukan mengurus STANDCO bukan peruntukan pembangunan. Bagi peruntukan mengurus Stanco lebih kepada penyediaan khusus dan lain-lain belanja pengurusan STANDCO. Tetapi pandangan dan cadangan daripada Yang Berhormat Hulu Kelang, kami ambil maklum dan akan teliti cadangan dan pandangan daripada Yang Berhormat Hulu Kelang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Bandar Baru Klang

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Ya, Puan Timbalan Speaker. Berkenaan dengan pertanyaan daripada Subang Jaya berkenaan dengan penurunan perbelanjaan, pada dasarnya kita menurunkan perbelanjaan sebanyak 4%. Itu secara keseluruhan. Semua jabatan dikehendaki kemukakan cadangan-cadangannya. Itu adalah selepas kajian. Maka mungkin ada penurunan disini lebih tinggi tapi ada tempat yang tidak ada penurunan mungkin ada pertambahan. Tapi pada dasarnya *aggregate sum* 4% secara keseluruhannya. Jadi ini mungkin tidak ada perkara-perkara yang boleh dikurangkan lebih daripada 4% tetapi purata 4%. Jadi kebetulan butir-butiran yang dikemukakan itu memerlukan penurunan yang lebih mendadak. Tapi secara purata adalah 4%. Untuk isu-isu lain yang dibawa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat lain, Kerajaan Negeri mengambil maklum dan akan mengambil tindakan susulan untuk mengkaji pertanyaan yang dikemukakan. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih, Bandar Baru Klang. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Jadual B1 iaitu wang sejumlah RM112,974,409.00 untuk kepala B1 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata 'Ya'.

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**DEWAN :** Ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata 'Tidak'. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B2 Pelbagai Perkhidmatan RM73,938,760.00.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Pelabuhan Klang.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Terima kasih Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker. Muka surat 60, butiran aktiviti 505000 Pentadbiran dan Kewangan, kod objek 42000 iaitu jenis perbelanjaan untuk Lembaga Urus Air Selangor pada tahun 2019 peruntukan adalah sebanyak RM4,492,000.00 tetapi pada tahun 2020, Lembaga Urus Air Selangor tiada peruntukan.

Begini juga dengan Rantai Mesra Sdn Bhd. peruntukan 2019 adalah sebanyak RM489,250.00 tetapi untuk tahun 2020 tiada. Saya ingin bertanya kenapakah peruntukan untuk Lembaga Urus Air Selangor ini tiada untuk tahun 2020 sedangkan ada banyak perkara-perkara ataupun isu yang perlu diselesaikan oleh pihak Lembaga Urus Air Selangor terutama sekali berkaitan dengan sungai-sungai, pengkalan, jeti yang perlu mendapat perhatian daripada pihak Lembaga Urus Air Selangor. Sekian, terima kasih Puan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih, Pelabuhan Klang. Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Puan Timbalan Pengurus, terima kasih. Saya ingin membawa ke muka surat 60. Butiran program 55000, kod objek 42000 yang melibatkan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor (PPAS) di mana saya juga terlibat sebagai Ahli Lembaganya. Saya ingin menjelaskan disini bahawa program pemerkasaan tokoh-tokoh Selangor perlu dibuat kerana kita telah mempunyai dalam sejarah Selangor beberapa orang tokoh besar. Walaupun dari segi politiknya boleh kita ketepikan. Buat masa ini kita tumpukan dalam bidang-bidang berkaitan sastera, bahasa, ilmiah, agama contohnya Sultan Alauddin seorang tokoh, Sultan di Selangor tetapi dalam masa yang sama, seorang penulis kitab yang terkenal pada masanya. Jadi kita boleh kumpulkan bahan-bahan ini dan mengemukakan kategori perpustakaan yang menyenaraikan nama-nama besar tokoh-tokoh di Selangor. Dan dalam bidang itu, kita boleh mengemukakan juga dari segi pemimpin-pemimpin masyarakat orang asli, orang asal. Sejarahnya di Selangor sangat mendalam sebenarnya. Mereka juga ada sebahagian terlibat dalam perjuangan untuk mendapat kemerdekaan walaupun tidak setaraf dengan apa yang berlaku di Sarawak dari segi perjuangan mereka tetapi mereka mempunyai kebolehan dalam berkomunikasi dengan masyarakat melayu dan masyarakat cina pada masa itu untuk membawa isu kemerdekaan. Pada hari ini pun ada perkara tersebut. Jadi saya ingin mencadangkan agar Lembaga Perpustakaan ini kita perkasakan dengan bahan-bahan asal. Menampilkan tokoh-tokoh ulama, tokoh-tokoh perjuangan, tokoh-tokoh pelbagai bangsa terutamanya orang asal, orang asli di Negeri Selangor.

Kemudian saya ingin membawa isu kedua tentang PADAT. Perbadanan Adat Melayu Warisan Negeri Selangor (PADAT) di mana saya tak nampak, kalau saya silap tolol betulkan. Aspek budaya atau pun amalan teater. Pada masa dahulu, Batu Tiga ketika itu

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

pernah menjadi EXCO membawa isu ini. Saya sokong kerana teater ini adalah satu pembudayaan yang luhur. Teater berlainan dengan satu *movie* atau pun filem yang ada kelebihan masing-masing. Bila kita bercakap tentang teater, ia merupakan budaya yang seni dalam jiwa manusia dan kesannya sangat penting. Saya ambil contoh di Singapura, dia ada bangunan lama yang bersejarah yang dijadikan sebagai satu medan untuk mempamerkan, memberi ruang bagi tokoh-tokoh teater, anak-anak muda remaja, belia dan pelbagai kaum melakonkan teater *live*. Tak banyak satu *weekend*, mungkin satu hujung minggu mungkin dua, tiga slot yang dilakonkan. Tapi pagi itu ada teater tertentu, petang teater tertentu dan malam teater tertentu. Yang datang, mungkin 10 ke 15 orang tetapi kesannya, impaknya sangat menarik. Jadi saya fikirkan bahawa budaya teater ini adalah budaya yang dikatakan oleh masyarakat bahawa orang yang budayanya mendengar muzik rock atau pun metal adalah satu tahap yang rendah berbanding dengan mereka yang sedia dengan budaya teater. Jadi saya ingin mencadangkan bahawa di Selangor kita ada anak kepada seorang tokoh teater yang besar seangkatan dengan Tan Sri P. Ramlee iaitu Salleh Ghani, Namane Keno dengan Keno Production. Dia lebih mendapat tempat di negeri luar Selangor iaitu di Pahang di Johor di melawat tempat tetapi tidak kesampaian apabila dia nak bawa satu epik besar tentang Legaligo. Satu pementasan tentang epik yang lebih besar daripada Mambrata tetapi tidak berjaya kerana tidak mendapat sokongan. Jadi saya harap perkara ini diambil kira. Teater ini merupakan satu seni budaya yang sangat mendalam dan akan mempamerkan kebolehan kita sebagai satu masyarakat yang berbudaya. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih, Hulu Kelang. Silakan Sungai Kandis.

**Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI :** Terima kasih, Timbalan Yang Berhormat Speaker. Perkara butiran.... Pengurus Dewan, maafkan saya. Butiran program 50500, kod objek 42000 Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor.

Hari ini kita melihat Perpustakaan Negeri Selangor ini antara perpustakaan yang sudah berubah wajahnya ceria, selesa dan pengunjungnya ramai. Tetapi yang saya ingin kemukakan disini ialah kurangnya buku-buku terjemahan atau pun usaha-usaha terjemahan yang dilakukan oleh Perbadanan Perpustakaan untuk pemindahan ilmu samada berbentuk teknologi, bentuk budaya dan sebagainya kerana tamadun silam zaman kerajaan Baghdad, zaman kerajaan di Andalus, mereka ini membangun tamadun mereka dengan ilmu dan ilmu ini diperolehi daripada mana-mana sumber. Daripada barat, terjemahan daripada Greek dan usaha ini menghasilkan ramai ilmuwan-ilmuwan dan intelektual dan akhirnya mereka apabila berlakunya pemindahan ilmu mereka berjaya menghasilkan ilmu yang baru. Justeru itu, saya melihat perlunya perpustakaan ini, ada peruntukan yang lebih untuk menggalakkan penerbitan buku-buku murah, terbitan buku-buku yang boleh dibeli oleh masyarakat yang berpendapatan rendah. Sebab kalau kita pergi kedai buku hari ini kebanyakannya buku-buku yang ada hanyalah buku untuk peperiksaan, untuk buku kerja. Kalau adapun mungkin buku-buku novel yang hanya bercerita tentang dunia emosi tetapi buku-buku yang boleh mengangkat martabat bangsa,buku yang boleh mencetuskan pemikiran kurang. Dan juga buku-buku yang berkaitan dengan pemahaman budaya dan hubungan etnik antara kita hanya ada di universiti tetapi di kalangan masyarakat tidak berlaku. Jadi kalau dapat perpustakaan dapat mengambil langkah ke depan dengan memperbanyakkan buku-buku dan bahan bacaan ini supaya anak-anak kita tidak lagi hanya membaca media sosial, menghabiskan masa

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

berbual di media sosial. Sibuknya mereka ini mengalahkan Perdana Menteri. Di mana-mana mereka memegang telefon, macam mereka ni mengurus sebuah syarikat ataupun mengurus, macam wakil rakyatlah. Jadi kita nak supaya ini generasi yang kita nak tinggalkan ini disebut sebagai generasi pewaris. Yang Imam Ghazali kata kalau kita nak melihat wajah negara kita 20 tahun atau 50 tahun akan datang, lihatlah generasi mudanya hari ini. Kalau generasi mudanya generasi yang cintakan ilmu, akhlaknya baik, kepimpinannya, integritinya bagus. Kita yakin bila kita meninggal nanti kita mewariskan satu generasi pewaris yang terbaik. Tetapi kalau berlaku sebaliknya, generasi yang tak mahu memikirkan soal yang berat-berat, soal ekonomi, soal pendidikan, soal yang memeningkan kepala mereka. Jadi dunia mereka ini hanya dunia hiburan dunia, dunia yang santai, menghabiskan masa di media sosial. Apa akan jadi dengan masa depan negara ini? Justeru itu antara langkahnya ialah dengan pemindahan ilmu, kalau kita lihat di negara seberang Indonesia, setiap minggu, setiap hari ada saja buku-buku terjemahan baru diterbitkan untuk tatapan pembaca dan agak kurang di negara kita. Justeru itu saya kira Selangor sebagai sebuah negeri maju wajar mengambil langkah ini supaya bukan kita sahaja di kalangan pemimpin, ahli politik yang membincangkan hal ini tetapi rakyat juga dapat merasakan cara berfikirnya, budaya hidupnya sesuai dengan negeri maju yang telah kita pun nikmati dan rata-rata bila saya tanya kepada rakyat Negeri Selangor, "bilakah Negeri Selangor mencapai negeri maju?", tidak ramai yang mampu menjawab. Dan mungkin juga di dalam Dewan ini pun ada yang tak perasan bahawa kita sudah berada di negeri maju. Justeru itu selain daripada kita membincangkan soal pembangunan, material dalam masa yang sama pembangunan ilmu juga harus diberikan perhatian yang lebih. Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Sungai Kandis. Seterusnya Dusun Tuan.

**Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF :** Kenyit mata sikit dapat. Merujuk kepada muka surat 60 Kod Objek 42000. Kalau dilihat di situ untuk Tourism Selangor Sdn Bhd. Kita melihat ada penurunan peruntukan ketika tahun 2019 berbanding dengan 2020 sedangkan dalam ucapan dasar telah dinyatakan bahawa kita sedang mempersiapkan Selangor untuk Tahun Melawat Selangor 2021. Jadi minta kerajaan mungkin boleh jelaskan kenapa berlaku penurun peruntukan sedangkan sepatutnya dipertingkatkan lagi bagi kerana untuk mempersiapkan Selangor bagi tahun 2021.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Dusun Tua, seterusnya Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih Timbalan Pengerusi. Saya ingin pergi ke VOT P021, butiran program 505000 Pentadbiran dan Kewangan, Kod Objek 42000. Tentang dua perkara, dua jenis perbelanjaan iaitu perbelanjaan untuk Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) dan juga Rantaian Mesra Sdn Bhd (RMSB). Peruntukan untuk RMSB pada tahun 2019 adalah RM489,000.00 tetapi untuk tahun depan tidak ada peruntukan dibekalkan. Sementara peruntukan untuk YAWAS pada tahun 2019 adalah RM3.2 juta dan ianya dipertingkatkan, dinaikkan ke RM3.6 juta. Jadi soalan pertama saya ialah adakah ini termasuk operasi dan juga aktiviti yang diuruskan oleh RMSB akan diserap ke dalam YAWAS. Sekiranya saya rasa tidak ada masalah tetapi kalau bukan maka saya perlu penjelasan daripada pihak eksekutif. Yang kedua berkenaan dengan YAWAS juga berkenaan dengan Laporan Audit yang disediakan kepada yang dibekalkan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri dan juga memorandum disediakan oleh Pejabat Eksekutif berkenaan dengan teguran-teguran yang ada di sini terhadap aktiviti YAWAS. Di mana

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

saya ingin memetik muka surat ke 78 amalan tadbir urus korporat yang mana semakan audit mendapati YAWAS tidak mengamalkan sepenuhnya amalan terbaik tadbir urus korporat di bawah elemen Prosedur Operasi Standard (SOP) berdasarkan penemuan-penemuan yang tertera di dalam memorandum ini. Dan saya ingin bertanya ini adalah audit yang dilakukan untuk tahun 2017, 2018. Tahun ini adalah tahun 2019 dan nampaknya hampir dah habis. Saya ingin bertanya kepada pihak eksekutif apakah hasil-hasil pelaksanaan ini. Saya bertanya ini kerana kalau saya, setelah meneliti untuk Ahli Yang Berhormat sekalian, teguran-teguran yang dikemukakan oleh audit sebenarnya agak berat bagi saya kerana isu-isu seperti *standard operating procedure*, tentang perolehan, dasar perolehan, tentang urus tadbir korporat dan sebagainya. Sepatutnya isu-isu seperti ini adalah *basic* untuk mana-mana syarikat. Tetapi ianya telah pun di audit dan ditegur oleh audit dan saya memohon supaya pihak Kerajaan Negeri Selangor membekalkan satu jawapan yang terperinci, terkini tentang apakah hasil pelaksanaan ataupun ulasan yang telah pun dikemukakan sama ada oleh audit ataupun oleh YAWAS itu sendiri. Saya lihat kerana YAWAS nampaknya akan mengurus lebih banyak lagi program-program kebajikan yang akan dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Selangor selepas penajaran dan perlu ada satu pasukan pengurusan yang lebih profesional untuk mengurusnya. Sekian.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Banting, seterusnya Yang Berhormat Meru.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOHTAR :** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Speaker. Saya nak menyentuh berkaitan pentadbiran dan kewangan berurusan Perbadanan Adat Melayu Warisan Negeri Selangor (PADAT) yang jumlah lebih kurang dalam RM9 juta peruntukan. Jadi saya nak menyentuh dan juga memberi cadangan berkaitan dengan seni persilatan yang kebanyakannya kita pada ketika ini dah mula melupakannya. Saya rasa mungkin kita boleh cadangkan Selangor menjadi pusat ataupun *centre* kepada Seni Persilatan Melayu ataupun seni pertahanan diri bangsa-bangsa lain. Macam silambam mungkin juga kung fu yang boleh kita letakan di satu tempat. Dan Meru sendiri menawarkan untuk jadi projek pilot ini yang mana kita mungkin boleh menggabungkan mereka, menyatukan mereka ini. Kalau kita lihat contoh persilatan seni, banyak jenis silat ini. Dan kalau ikut pengalaman saya sendiri turun ke program-program, persilatan ini ahlinya ramai. Dan kebanyakannya ahlinya adalah terdiri daripada anak-anak muda, generasi-generasi muda. Dan ini peluang kita untuk menyediakan aktiviti yang bermanfaat kepada mereka disamping mengekalkan budaya dan tradisi yang ada di dalam negara kita dan juga boleh menyediakan juga aktiviti-aktiviti yang bermanfaat kepada anak muda kita dengan aktiviti-aktiviti yang boleh memupuk ukhuwah dan silaturahim sesama mereka. Sebab kalau kita lihat pada hari ini, generasi muda ini dia banyak menghabiskan masa dia dalam media sosial dan mereka berhubung pun melalui media sosial dan tak ada lagi berhubung sesama kita macam mana berhadapan dan sebagainya. Ini mungkin boleh dijadikan sebagai salah satu permulaan yang baik untuk kita mengembalikan balik generasi muda kita dengan aktiviti bermasyarakat. Dan kita sendiri sedia maklum semua seni pertahanan diri ini tak kira Cina Melayu India, dia menekankan soal disiplin dan di sini juga peluang yang boleh kita garapkan terapkan kepada generasi muda kita untuk mereka lebih berakhlak dan bermoral bukan sahaja mereka pakar dalam bidang teknologi tetapi juga mereka masih mengekalkan tradisi dan budaya kita yang cukup murni itu. Dan yang kedua saya nak menyentuh berkaitan Communication Corporation Sdn Bhd. Kalau kita lihat hari ini banyak kita menghabiskan perbelanjaan ini mungkin dari segi media cetak, akhbar macam Selangorkini dan sebagainya dan kalau kita lihat pada ketika ini generasi kita

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

kurang dah membaca *paper* ni akhirnya *paper* itu, surat khabar tu jadi tempat apa nama lapik ataupun bungkus nasi lemak. Dia tak baca pun. Kadang-kadang kita pun tengok gambar kita ada tak dalam tu, takda dia pun tak baca. Jadi benda ini kita takut tak sampai matlamat sedangkan tujuan kita buat benda itu untuk menyampaikan maklumat kerajaan kepada rakyat dan ada setengah-setengahnya, ini mungkin untuk makluman tempat yang biasa kita edarkan *paper* ini masjid dan surau, masjid la khususnya. Ada masjid ini sorok balik macam, dia sorok balik *paper* itu macam tak nak rakyat tahu perkembangan kerajaan negeri. Tapi mungkin kita boleh buat perbelanjaan lebih kepada media sosial untuk kita pastikan maklumat daripada Kerajaan Negeri ini dapat sampai kepada sasaran dan juga mungkin kita boleh menawarkan hadiah dan sebagainya kepada mereka mungkin ada apa-apa sapa yang

**DEWAN :** *Top fan, top fan..*

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOHKTAR :** tukang sebarkan ke yang terbanyak dan sebagainya, sebagai galakkan untuk rakyat menyebarkan bersama maklumat Kerajaan Negeri. Lebih-lebih lagi dalam keadaan zaman fitnah pada hari ini. Ramai netizen di luar ini lebih suka menerima berita fitnah daripada berita sebenar. Jadi mungkin sebagai satu cadangan untuk kita salurkan perbelanjaan kita situ. Dan mungkin saya nak bertanya juga tentang INVEST Selangor Berhad tentang pelaburan khusus di mungkin di Meru itu sendiri. Kalau tengok bajetnya tak berapa besar sangat pun jadi mungkin saya nak cadangkan bajet berkaitan dengan *investment* ni lebih kita memfokuskan untuk menarik pelabur-pelabur menggunakan teknologi moden yang terkini untuk mengurangkan pergantungan kita kepada tenaga asing, tenaga warga asing. Sebab warga asing ini sendiri menjadi permasalahan kita dan kita tak nafikan pada ketika ini bagaimana rakyat negara kita kurang berminat untuk kerja di apa nama sebagai operator dan sebagainya. Yang ini juga menjadi permasalahan pihak pengusaha-pengusaha apabila ada dikalangan sebahagian besar rakyat kita dia bekerja sekadar 2, 3 bulan berhenti 2, 3 bulan berhenti dan mereka lebih suka untuk mengambil pekerja asing. Yang kalau mereka ambil kosnya lebih rendah dan juga mereka akan bertahan lama bekerja . Itu yang menyebabkan kebanjiran warga asing itu banyak di tempat kita. Dan mungkin juga kita boleh menggunakan peruntukan ini untuk mengkaji dan juga menarik pelabur-pelabur untuk menggantikan tenaga kerja warga asing ini kepada mesin-mesin ataupun peralatan teknologi moden, robot untuk menggantikan tenaga warga asing ini untuk kita bukan sahaja nak mengurangkan tenaga kerja warga asing dalam negara kita tetapi nak memberi peluang juga kepada warga tempatan yang masih orang kata tidak mendapat pekerjaan khususnya golongan-golongan siswazah. Dan kalau kita lihat sebenarnya golongan siswazah ini lebih susah untuk mencari kerja daripada golongan yang berpendidikan rendah. Sebab apa mereka ini bersaing. Tapi bila kita menawarkan kepada peluang-peluang seperti ini membuka ruang lagi pekerjaan untuk mereka. Itu sebagai cadangan dan juga untuk pertimbangan pihak kerajaan. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Meru. Saya menjemput pihak Kerajaan untuk memberikan penjelasan. Silakan Sungai Tua.

**Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Terima kasih atas seluruh Ahli Dewan yang begitu prihatin terhadap perkara-perkara dibangkitkan dan suka saya mengingatkan dalam bab B ini kebanyakan daripada peruntukan-peruntukan yang disediakan adalah untuk Operasi dan Pengurusan. Operasi dan Pengurusan, sebahagian perkara-perkara yang

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

kalau boleh saya sebutkan disentuh tadi melibatkan program dan peruntukan-peruntukan itu di dalam Pembangunan ataupun P01 dan sebagainya. Namun begitu saya nak jawab untuk RMSB, Rantaian Mesra Sdn Bhd dan juga YAWAS. Ya, keputusan Kerajaan Negeri untuk mencantumkan kedua-dua unit ini menjadi satu entiti. Sebelum ini YAWAS berfungsi untuk mengawal data dan RMSB menjadi operasi. Dan sekarang operasi dan data dikumpulkan menjadi satu dengan sebab itulah RMSB tidak ada peruntukannya pada tahun ini dan kita telah menyerapkan sebahagian besar daripada pegawai-pegawai kita ke dalam YAWAS sebagai satu operasi dan sebab itu ada peningkatan daripada segi peruntukan untuk operasi YAWAS pada tahun 2020. Berkennaan dengan laporan audit yang dibangkitkan oleh Banting, kita sedia mengambil maklum dan kita telah mula memperbaiki dan menyelesaikan beberapa *standard operating procedure* terutamanya untuk penyampaian penyerahan dan beberapa urusan yang dibabitkan dan sebahagian yang ditimbulkan itu adalah berkaitan dengan penyimpanan serta perekodan terhadap program *back to school* sebenarnya melibatkan beg-beg sekolah yang diserahkan kepada mereka-mereka yang berdaftar YAWAS dan masuk sekolah untuk tahun satu.

Untuk tahun 2020, kita sedang menyelaraskan kembali *back to school* yang sebelum ini ada di bawah tadbir kerajaan negeri kemudian kita serapkan dalam program KISS dan turut diselenggarakan oleh MBI. Tapi untuk tahun 2020, arahan terbaru kita adalah untuk menyelaraskan di bawah MBI dan YAWAS supaya tidak berlaku pertentangan ataupun *redundancy* dengan izin ataupun *overlapping* kepada penerima-penerima dalam program-program *back to school* yang akan kita laksanakan pada akhir bulan sebelas dan juga bulan dua belas.

Untuk yang keduanya, berkenaan dengan LUAS ya, peruntukan LUAS ini kita tidak berikan kepada mereka kerana LUAS sekarang sudah mampu untuk berdiri di atas kaki sendiri untuk membaiayai peruntukan operasi mereka sebahagiannya kerana LUAS memperolehi hasil daripada caj *abstraksi* air yang telah saya sebutkan dalam jawapan Dewan yang lepas. Di mana air-air yang di caj sama ada untuk jana kuasa elektrik, sama ada untuk air bersih, sama ada untuk pelan-pelan untuk perkilangan semuanya dikenakan caj-caj tertentu yang dibayar kepada LUAS dan ia boleh digunakan sebagai sebahagian daripada operasi LUAS jadi kita tidak perlu risau terhadap operasi LUAS tetapi untuk P, untuk program, projek dan pembangunan semuanya boleh berjalan dan diuruskan di sana.

Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, berkenaan dengan perpustakaan dan penterjemahan dan program-program buku dan sebagainya ia memang diteruskan di bawah pihak Kerajaan Negeri sebab dari tahun ke tahun kita mempunyai program di bawah Institut Inisiatif Buku Darul Ehsan ataupun IILDE, sebenarnya IILDE ini diletakkan di bawah Perpustakaan Awam Negeri Selangor dan di Perpustakaan itu kita telah terjemahkan lebih 27 buku. Dan antara buku-buku yang sangat popular adalah buku-buku Al-Ghazali, antaranya adalah buku Al-Munkidz Minaddolal dan buku berkenaan dengan Islamic Jurisprudence yang telah kita terjemahkan dan banyak buku yang melibatkan karya dalaman ataupun dalam negara mahupun karya luar negara yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu sama ada yang bertapak di Eropah seperti buku Voltaire ataupun Rene Descartes ataupun buku-buku yang berprinsip yang memberikan pendedahan tentang Islam seperti buku-buku Al-Ghazali ataupun buku yang memberikan ulasan tentang Ibu Sina dan sebagainya.

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

Jadi seterusnya berkenaan dengan Tourism Selangor ya ini adalah sebahagian kesan daripada dasar 4% pengurangan kos operasi namun kos operasi itu adalah penjimatan-penjimatan dalam operasi mereka yang tidak memberi kesan kepada peruntukan untuk program mereka sebagaimana saya sebut kita peruntukan 9.7 juta untuk Tourism dan ia adalah untuk projek-projek dan program-program untuk mempromosikan aset-aset pelancongan yang ada di negeri Selangor dan sebagainya.

Dan untuk PADAT juga ia ada kaitan dengan hal tersebut dan mungkin kita boleh minta supaya PADAT mengambil maklum dan mengambil bahagian dalam urusan pengelolaan, bidang kebudayaan dan penterjemahan kebudayaan di Negeri Selangor.

Untuk kalau boleh saya rekodkan, PADAT membuat kajian yang cukup intensif terhadap beberapa aspek-aspek Selangor antaranya kajian tentang Telipok dan Kelingkan dan kita telah terbitkan tiga buah buku dan memang ia sepatutnya menjadi imej negeri Selangor yang kita teruskan yang boleh diterjemahkan dan kejap lagi ataupun dalam masa beberapa ketika kita akan terbitkan buku tersebut sebagai pengetahuan negeri Selangor dan kalau orang tanya apakah negeri Selangor tidak ada imej? Kita ada imej, semalam ketika pelancaran, Pelancaran Selangor Modus Fiction, kita telah kemukakan Bunga Tanjung dan juga Telipok dan Kelingkan. Telipok terutamanya sebagai imej warisan Negeri Selangor yang ingin kita ketengahkan dalam dunia Model Fashion ataupun Fesyen Santun yang kita akan laksanakan pada 3 hari bulan Disember nanti. Pertama kali kerajaan negeri anjur fesyen show yang akan dihadiri oleh ramai pereka-pereka fesyen terkenal. Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Pengerusi.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Bandar Baru Klang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Pengerusi, saya ingin menjawab yang dibangkitkan oleh Meru tadi berkenaan dengan Invest Selangor. Ya, kalau kita melihat pada peruntukan untuk pengurusan bagi Invest Selangor iaitu hanya 5 juta 860 ribu, itu untuk pengurusan. Sekiranya Yang Berhormat Meru merujuk kepada muka surat 195 di bawah peruntukan pembangunan ada diperuntukkan 30 juta untuk maksud perindustrian dan pelaburan dan sudah tentunya dia akan diuruskan oleh Invest Selangor di mana seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar semasa menyampaikan ucapan Bajet. 11 juta adalah untuk Selangor International Business Summit dan 19 juta adalah untuk misi pelaburan dan juga aktiviti-aktiviti libat urus ataupun *engagement* yang dijalankan oleh pihak Invest Selangor dan juga Jawatankuasa Tetap saya, jadi saya setuju bahawa berkenaan dengan pekerja ya kita sedang berusaha untuk melatih pekerja yang berkemahiran tinggi untuk Selangor untuk mengurangkan kebergantungan kita kepada warga asing sebagai pekerja dan untuk itu, sebab itu dalam seluruh strategi kita, kita ada Pelan Induk Industri Selangor. Saya kira Selangor Hub adalah hanya satu negeri sahaja di Malaysia yang ada Pelan Induk ini di mana kita memberikan penumpuan kepada 5 kluster yang telah pun kita sebut ulang beberapa kali di sini dan salah satunya adalah Aero Space juga seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, kita telah pun mengenal pasti untuk mengesan sekeping tanah seluas 2,000 ekar untuk pembangunan industri Aero Space di kawasan Sepang dan juga kita juga sebenarnya di ulang dua tiga kali oleh Dato' Menteri Besar, kita juga kenal pasti sebuah tapak industri seluas 660 ekar untuk khusus, khusus untuk industri elektronik dan elektrikal dan apabila kita melihat kepada industri elektrik, elektronik ini kita tidak melihat kepada peringkat

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

pemasangan, itu adalah di peringkat di mana teknologi itu rendah. Kita melihat kepada *fabrication*, kita melihat kepada tahap yang lebih tinggi lagi dan oleh itu Invest Selangor telah pun dalam dua tiga tahun ini telah berusaha melakukan libat urus ataupun *engagement* dengan agensi-agensi yang berkecimpung dalam latihan ataupun khusus latihan untuk anak muda kita termasuk.....*Selangor Human Resource, Development Centre* di mana kita melatih pekerja-pekerja supaya mereka memperolehi kemahiran yang tinggi, oleh itu usaha kita bekerjasama dengan GE yang melatih baru-baru ini 40 pekerja yang muda, anak muda kita lepasan Diploma untuk mereka berkecimpung dalam MRO di mana pendapatan mereka tinggi kerana mereka melibatkan kerja yang berkemahiran tinggi. Hah itu antara usaha-usahanya.

Dan juga, Invest Selangor juga ada *engagement* dengan GMI, German Malaysia Institut, yang juga merupakan pusat latihan yang berteknologi tinggi dan juga kita ada baru-baru ini juga berhubung dengan Banting Politeknik. Politeknik yang dimiliki oleh Kementerian Pendidikan, kita juga ada hubungan yang rapat dengan mereka untuk merancang bagaimana kita melatih lebih ramai lagi pekerja muda kita untuk menjadi pekerja yang mempunyai kemahiran yang tinggi jadi itulah usaha-usaha yang kita lakukan. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Bandar Baru Klang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Jadual B. 2 – iaitu wang sejumlah RM73,938,760.00 (Tujuh Puluh Tiga Juta Sembilan Ratus Tiga Puluh Lapan Ribu Tujuh Ratus Enam Puluh Ringgit) untuk Kepala B. 2 Pelbagai Perkhidmatan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA.

**DEWAN :** Ya

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK.

Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B. 3 – Dewan Negeri Selangor, RM31,839,149.30 (Tiga Puluh Satu Juta Lapan Ratus Tiga Puluh Sembilan Ribu Satu Ratus Empat Puluh Sembilan Ringgit dan Tiga Puluh Sen).

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Ya. Banting.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Terima kasih Puan Speaker. Saya merujuk kepada muka surat 62 Butiran Program 505000 Kod Objek 32000 Bangunan dan Pembaikan Bangunan. Saya ada soalan ringkas untuk Kerajaan Negeri iaitu adakah Kerajaan Negeri akan ada cadangan atau pun ada rancangan untuk membangunkan satu Annex yang baru kepada bangunan sebelah memandangkan permohonan ini sebenarnya ada satu USUL yang telah diluluskan di Dewan ini tujuh lapan tahun yang lalu jadi adakah Kerajaan Negeri ada rancangan untuk meneruskan projek tersebut di mana ADUN-ADUN semua kalau bangunan ini didirikan akan ada pejabat sendiri, ada akses OKU dan sebagainya dan kalau Kerajaan Negeri tidak ada hasrat untuk membangunkan ataupun

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

menambah bangunan baru ini bolehkah ADUN-ADUN ataupun Pejabat Dewan ini mengambil beberapa ruang di sebelah bangunan SUK supaya kita dapat menempatkan ADUN-ADUN dan sebagainya.

Perkara kedua, saya ingin bangkit juga secara ringkas adalah butiran program 506000 Kod objek 29000 Perkhidmatan Iktisas dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli dan Hospitaliti. Dua isu yang sangat ringkas. Satu adalah, oleh kerana Kerajaan Negeri telah tidak setuju dengan cadangan daripada Jawatankuasa Pengurusan Dewan untuk ada satu pemandu untuk setiap ADUN maka saya ingin cadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk melihat pindaan kepada Enakmen yang ada kaitan dengan urusan ADUN-ADUN di sini supaya jumlah elaun pemandu ADUN boleh ditambah daripada RM1,200.00 kepada satu elaun yang memuaskan.

Perkara kedua, saya ingin bangkitkan adalah tentang keistimewaan mantan ADUN-ADUN di Negeri Selangor iaitu ada kita, kita dimaklumkan bahawa ada satu Pekeliling baru daripada Kementerian Kesihatan di mana semua mantan ADUN-ADUN Negeri Selangor sekarang mulai tahun depan mereka tidak akan dapat perkhidmatan, maksud saya adalah mereka terpaksa bayar untuk perkhidmatan kesihatan mereka di hospital kerajaan sebelum mereka diberi apa bukan rawatan *claim back*, boleh claim jadi saya ingin cadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk melihat perkara ini kerana sebenarnya mantan ADUN-ADUN di Negeri Selangor adalah di bawah Enakmen bukan di bawah Kementerian Kesihatan dan saya harap Kerajaan Negeri tidak membenarkan perkara ini berlaku kerana kebanyakan mantan ADUN-ADUN kita bukan hidup secara mewah juga jadi saya harap semua di dalam Dewan yang mulia ini boleh menyokong khasnya mantan ADUN-ADUN kita.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Ya. Banting.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Bukit Lanjan. Sila kan Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih diucapkan kepada Tuan Timbalan Penggerusi, saya ingin pergi ke Butiran Program 506000 Pengurusan Dewan Negeri. Berkenaan dengan dua perkara tapi bersangkut paut iaitu berkenaan dengan Pemberian Keluar Negeri 43000 dan juga Perkhidmatan Iktisas dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli dan Hospitaliti 29000 ini berkenaan dengan persidangan dan juga latihan dan juga program-program yang dihadiri oleh Ahli Dewan ke di pentas antarabangsa.

Yang pertama adalah berkenaan dengan CPC, Dewan Negeri Selangor merupakan Anggota kepada *Commonwealth Parliamentary Associations*. Baru-baru ini, Puan Timbalan Speaker dengan saya dan rakan-rakan yang lain telah pun pulang daripada Kampala. Saya kira itu adalah satu pengalaman yang cukup baik bagi seorang yang telah pun menyertai Sidang CPC sebanyak dua kali dan juga latihan yang dibekalkan oleh CPA pada tahun 2012 saya rasa itu adalah satu program yang bukan sahaja saya tahu bahawa ada setengah kerajaan ataupun Dewan menganggap bukan kita menganggap ini sebagai sesuatu yang kurang memberi manfaat dan membazirkan wang dan perbelanjaan tetapi bagi saya ia adalah satu perkara yang sangat penting satu pentas yang cukup penting untuk kita menimba ilmu, mempertingkatkan pengetahuan kita dan juga membina *networking* antara kita sesama kita dengan rakan-rakan daripada rakan-rakan *Commonwealth* yang lain.

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

Sebagai satu contoh, saya kita telah pun apa ni, sekiranya kita bersiap sedia kita boleh menimba banyak ilmu jadi saya berharap peruntukan yang lebih dapat dibekalkan untuk program-program ini dan seterusnya adalah berkaitan dengan saya difahamkan kerajaan Negeri Selangor telah pun menghantar wakil untuk menghadiri kursus-kursus yang dianjurkan oleh *International Centre of Parliamentary Studies of Affairs* dan saya berharap lebih banyak juga peruntukan diperuntukkan untuk program ini kerana bukan sahaja untuk ADUN tetapi juga untuk staf kita, Setiausaha Dewan, penyelidik dan sebagainya satu usaha supaya bukan sahaja ADUN tetapi malahan semua anggota Dewan Negeri Selangor ini termasuk staf, setiausaha mereka boleh mengembangkan ilmu dan juga pengetahuan mereka dari segi *legal drafting*, dari segi penyediaan urusan Dewan, dari segi penyelidikan, dari segi segala isu yang berkaitan dengan Dewan Negeri Selangor.

Ini sejajar dengan hasrat kita untuk memperkasakan Dewan Negeri Selangor dan menjadikan Dewan Negeri ini sebagai satu Dewan yang terunggul di Malaysia, bukan sahaja unggul sesama Dewan Negeri tetapi lebih baik lagi daripada Dewan Rakyat dan Dewan Negara, kalau boleh dan saya berharap cadangan-cadangan ini dapat dipertimbangkan kerana peruntukan hanya setakat 24 juta ringgit untuk Pengurusan Dewan Negeri Selangor saya rasa wajar lah 24 juta ringgit yang wajar dipertingkatkan untuk masa-masa yang akan datang dan sekiranya ada keperluan untuk perbelanjaan tambahan saya mohon perkara ini boleh juga dilihat untuk tahun 2020. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Banting.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Dipersilakan Seri Setia.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Terima kasih Puan Pengerusi, saya ke Vot B 03, muka surat 63 butiran 506000 di bawah Kod Objek 20000, saya nak mohon kerjasama atau pun saya nak mohon rayuanlah kalau boleh saya cadangkan supaya kerusi-kerusi dalam ni kita tukar lah. Sakit. Duduk pun sakit dah. Dah lama sangat. Saya dimaklumkan bahawa kerusi ini melebihi daripada sepuluh (10) tahun ke atas sebelum 2008 saya rasa dah duduk dah. EXCO-EXCO depan saya yang mana senior saya rasa dah lama duduk kerusi ini dan kita ambil contoh kalau kata Bukit Gasing mungkin dia duduk nampak sedap tetapi keadaannya nipis tapi kalau Kampung Tunku, saya rasa hilang pandangan begitu juga dengan Balakong.

Jadi biarlah saya cadangkan kalau kita dapat satu kerusi yang lebih elok, lebih sesuai dengan keadaannya dan kerusi kalau kita duduk, saya, saya yakin rakan-rakan Yang Berhormat semua saya yakin rakan-rakan Yang Berhormat semua kalau duduk dah tentu akan licin dan juga sakit pinggung di hah sebab terlalu nipis. Jadi saya harap supaya dapat ditukar kerusi ini dengan lebih baik lagi. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Seri Setia.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Dipersila kan Kampung Tunku.

**Y.B. PUAN LIM YI WEI :** Terima kasih Puan Pengerusi, hanya nak minta pencerahan mengenai Butiran Program 50000 Pentadbiran dan Kewangan, Kod Objek 35000 Harta Modal Harta Modal Yang Lain saya nampak di kolumn *one off* dengan izin ada peningkatan yang agak tinggi antara tahun 2019 dengan tahun 2020. Mungkin itu ialah

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

kerusi yang diminta oleh Yang Berhormat Seri Setia tapi saya ingin minta pencerahan kepada kenaikan itu dan juga sorry saya ke belakang sedikit 29000 Perkhidmatan Iktisas dan Perkhidmatan Lain di Bawah Dasar Baru amaun dia pada tahun 2019, RM30,000 sahaja tapi 2020 sudah menaik sampai 1 juta lebih jadi mohon pencerahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Hulu Klang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih Puan Timbalan Pengurus, saya muka surat yang 63, Kot 506000 yang berkaitan Kod Objek sebagai Jenis Perbelanjaan Emolument 10000 ya, khususnya yang berkaitan dengan Bayaran Imbuhan Tahunan dan Bantuan Kewangan, saya merasakan bahawa antara dokumen yang paling berat sekali adalah kita punya dua buku ni. Berat. Kalau kerusi dengan ini pun kita boleh bantai kerusi, kerusi boleh pecah. Jadi kalau kita nak ganti yang lebih moden kita mesti ada satu yang online, kita online dapat cepat tengok, lepas tu kalau kita boleh selamatkan kan alam sekitar kita tak payah *publish* buku ni lah. Kalau nak *publish* pun *publish* jangan yang *heavy metal friendly* yang saya rasa dia punya *printing* bukan yang kilat ni, yang kilat ni *very hazarders to implement* saya rasa.

Saya mencadangkan kalau tahun depan *improve* dengan online, mudah, friendly kita tekan apa pun *page* dia satu fail semua *appears* dan kita boleh *refer* dengan cepat dan saya pun kagum kenapa buku ini dikeluarkan, saya menyangkakan bahawa di antara dokumen yang paling kurang di *refer* oleh Ahli Dewan. Saya *refer* sekali dua tentang perjawatan, staf berapa kita banding-bandingkan untuk kita tahu ke mana hala tuju kewangan kita jadi jika kita boleh jimatkan wang ini dia adalah satu yang paling baik dan dia akan menjimatkan tenaga kita, sakit pinggang kita angkat beg berat.

Kedua, saya ingin menyentuh tentang Kod Objek 21000 hingga 29000, rasanya 29000 Perkhidmatan Iktisas dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli Dan Hospitaliti. Ini berkenaan dengan bagi saya adalah peruntukan yang ada yang boleh digunakan untuk membuatkan penyediaan bagi menampilkan tokoh-tokoh Dewan. Dewan Selangor mempunyai keistimewaannya sendiri. Keistimewaan rekodnya adalah seorang yang pernah menjadi pembangkang, pernah menjadi kerajaan. Dilantik menjadi seorang Speaker, namanya dulu Sungai Pinang jadi dah Bandar Baru Klang kemudian menjadi EXCO dan apa yang dia majukan adalah yang berkaitan dengan pemodenan, pendemonstrasian Dewan banyak telah dibuat dan kemudian kita ada tokoh kedua, iaitu wanita pertama menjadi Speaker Dewan Undangan atau Dewan Negeri di Malaysia sekarang menjadi Ahli Parlimen Segambut dan seorang lagi kalau nak katakan tokoh adalah seorang yang telah diiktiraf, telah menulis lebih daripada 60 buah buku kecil dan besar seorang yang memegang rekod menulis dan menerbitkan 12 buah buku ketika dalam tahanan penjara dan seorang yang dikatakan membawa pemikiran, pemikiran Islam yang dibawa oleh tokoh-tokoh besar negara Arab dan India, Timurnuri dan Albana dalam Bahasa Malaysia dan seorang yang memindahkan ilmu-ilmu Agama dalam Bahasa Arab ke Bahasa Malaysia. Dan dia dikenali di Indonesia sebagai Pak Abu ataupun Abu Arwah.

Dan hari ini ada satu buku telah ditulis, yang takut saya nak dengar, dia tajuknya adalah Abu Arwah Lagenda Tanpa Sorotan, jadi orang itu boleh dikaji siapa Abu Arwah itu dan saya mencadangkan dimulakan kajian ini dengan tiga (3) tokoh ini dan kemudian kita boleh tambah tokoh-tokoh lain jadi saya mencadangkan bahawa jangan rugikan negara, Negeri Selangor dengan kehebatan Ahli-ahli Yang Berhormat yang hebat-hebat. Ada EXCO dan

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

sebagaimana kalau kita nak tulis sejarahnya tapi ini adalah satu yang ingin cadangkan sebagai warisan kepada tradisi yang akan dikenalkan oleh Dewan Negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Hulu Klang.

**Y.B. TUAN MOHD. SANY BIN HAMZAN :** Taman Templer.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Semenyih.

**Y.B. TUAN MOHD. SANY BIN HAMZAN :** Semenyih duduk dulu lah. Bagi Templer dulu.

**Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HAJI HANAFI :** Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Saya ingin menyentuh perkara 505000 iaitu Kod Objek 10000 iaitu mengenai Emolumen untuk makluman Yang Berhormat dalam sidang Dewan yang mulia ini di mana telah di bangkitkan oleh Bukit Lanjan tadi saya juga ingin membincangkan lagi bahawa eluan pemandu sebanyak RM1,500.00 bukan RM1,200.00 ya RM1,500.00 saya rasa buat sekarang masa ini dengan taraf hidup yang begitu nilai RM1,500.00 tu dengan kerja yang tidak tentu masa saya rasa perlu lah pertimbangan yang sewajarnya. Seperti mana semalam yang saya bahaskan iaitu kita minta dinaikkan ke RM3,000.00. Itu permintaan pada sayalah untuk sokongan semualah. Terima kasih. (Tepuk meja)

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Semenyih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sila kan Taman Templer.

**Y.B. TUAN MOHD. SANY BIN HAMZAN :** Terima kasih Pengurus. Butiran Program 50 ribu eh mana pulak 50 ribu. (Ketawa). 505000 Kod Objek 32000 sekejap vot 62 bangunan dan pemberian bangunan tadi Yang Berhormat daripada Bukit Lanjan ada menyentuh soal berkaitan dengan pembinaan bangunan Dewan Undangan Negeri yang baru. Ini kalau andai kata berjaya kita usahakan, Alhamdulillah lah. Merupakan satu kejayaan lah kepada kita untuk membina satu bangunan Dewan Undangan Negeri yang baru cuma kalau andai kata pembinaannya masih lagi memakan masa yang mungkin agak lama dan kita akan masih lagi menggunakan bangunan ini saya nak mencadangkan kepada pihak Kerajaan Negeri supaya di Bangunan Dewan Undangan Negeri ini dibina satu bilik solat ataupun surau kecil lah bagi memudahkan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ketuk meja) untuk menunaikan ibadat solat. Terutamanya kepada mereka yang OKU seperti Hulu Klang sementara dan juga untuk Taman Templer, itu yang pertama.

Kemudian yang keduanya pula, saya ingin mencadangkan supaya dibina satu bilik rehat untuk Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri ni sebab kita ADUN ni kita bersidang daripada pukul 10.00 pagi kadang-kadang sampai jam 6.00 petang ni, kita tak ada bilik rehat. Kita memerlukan jugalah mungkin satu bilik rehat untuk Ahli Dewan Undangan Negeri lelaki dan juga wanita.

Kemudian yang terakhirnya, saya ingin menyampaikan hasrat daripada pegawai dan juga kakitangan di Dewan Undangan Negeri ini semasa persidangan ni kalau kita perhatikan kita lihat waktu pagi kita datang ada pegawai-pegawai yang menunggu kita. Kita naik

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

tangga yang tinggi tu kemudian ada pegawai-pegawai kiri kanan kita lah macam saya, saya jalan aje dia orang yang akan buka kan pintu tu. Satu keistimewaan lah OKUS macam saya ni. Cuma kita perhati tak kebajikan mereka ini? Mereka yang duduk daripada pagi sampai ke petang ni.

Bila kita duduk dekat situ saya tengok, saya adalah sekali pegawai saya datang untuk tandatangan cek, tandatangan cek jangan main-main tanda tangan cek tapi cukup juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar sabda kena keluar yang itu kan. Bila saya duduk dekat situ, suasannya panas, suasannya panas, saya kata tak ada kipas ke? Tak ada kipas Yang Berhormat minta tolong lah bawa benda ni dia kata (Ketawa). Tak ada kipas kasihan kita, ini kebajikan kepada pegawai dan juga kakitangan kita yang duduk di luar tu. Mereka duduk daripada 10.00 pagi sampai lah 6.00 petang. Tak ada kipas. Kita dalam ni sampai ada ADUN yang kata bawa jaket lah, bawa kain lah, tolong perlakukan aircond lah mereka di luar tu yang bertugas kita tak jaga kebajikan mereka. Jadi kita hendak supaya pihak Kerajaan Negeri besok kalau boleh, tak boleh pasang aircond kita bagi kipas kepada mereka. Yang lain setuju? (setuju). Alhamdulillah. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Templer. Okay. Silakan Subang Jaya.

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE :** Terima kasih Puan Pengurus. Saya nak menambah kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kampung Tunku. Dan dengan ini nak rujuk kepada Butiran Program Aktiviti, muka surat 62 ya Butiran Program Aktiviti 505000 Kod Objek 15000 iaitu faedah-faedah kewangan yang lain di bawah kolumn Dasar Baru terdapat juga penambahan 462,000 untuk tahun 2020 so saya minta sedikit pencerahan berkenaan perkara itu.

Tambah lagi saya juga di sini terdapat permintaan untuk memperjuangkan isu berkenaan Pejabat Speaker. Saya difahamkan bahawa peruntukan Pejabat Speaker adalah bawah pejabat peruntukan Pejabat Dewan Negeri Selangor secara keseluruhan tetapi selaras dengan *separation of powers* atau dengan izin pengasingan kuasa saya rasa bahawa kita perlu satu bajet berasingan untuk Pejabat Speaker dan sama sekali juga saya rasa bajet R & D juga perlu dipertingkatkan. Sekarang saya difahamkan bahawa RM200,00.00 yang diperuntukkan, “researchers” yang kita minta bantuan juga sekarang, membantu ADUN-ADUN lain untuk membuat “research so” saya rasa kalau boleh kita juga perlu pertingkatkan peruntukan R&D. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Subang Jaya. Kota Damansara

**Y.B. TUAN MOHD SHATIRI BIN MANSOR :** Terima kasih yang Y.B. Timbalan Speaker, saya merujuk kepada Vot B03, 505000, kod objek 32000 – Bangunan dan Pembaikan Bangunan Dewan. Yang Berhormat sekalian, saya selalu tengok skrin itu, kadang-kadang dia bergoyang, tidak tahu, tetapi nampak kurang elok sebab satu “*dull*” warna dia, dan juga saya rasa belakang itu angin tolak, jadi saya rasa elok kita baiki lebih “*presentable*” nampak gaya. Jadi saya harap Yang Berhormat fikirkan perkara itu yang lebih baik sikit. LED ke apa, “*more presentable*” lah, dalam hal perkara ini lah. Terima kasih.

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Kota Damansara. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita jemput pihak kerajaan untuk memberikan penjelasan. Dipersilakan. Dipersilakan Sungai Tua.

**Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Terima kasih Ahli-Ahli Dewan sekalian yang membangkitkan beberapa isu tentang pengurusan Dewan.

Pertama saya hendak memberikan maklum balas kepada Banting, berkenaan dengan persidangan ke luar negara OS 43000, dalam aktiviti 55000 dan peruntukan untuk menghadiri “*Commonwealth Parliamentary Association*” atau pun CPA disediakan di bawah Perbendaharaan Negeri Selangor, Penjawat Dewan Negeri Selangor akan memohon apabila diperlukan dan kod 43000 tersebut, adalah peruntukan RM50,000.00 adalah untuk yuran tahunan CPC yang perlu kita bayar.

Sementara itu dibangkitkan tadi, ialah bagaimana kita perlu ada keperluan untuk menghadiri program-program latihan dan kursus yang mampu untuk menambah nilai kemampuan Ahli-Ahli Dewan. Namun malangnya, CPA- “*Commonwealth Parliamentary Association*” tidak lagi menganjurkan program-program seperti itu sebab kos yang tinggi, sebaliknya “course course” itu sekarang ini dianjurkan oleh pihak “private” atau pun mereka yang berkepentingan. Jadi kita harus nilai daripada sudut ya . Baru-baru ini kita menghantar empat (4) orang dan peserta daripada Malaysia enam (6) orang kalau tidak silap saya, seluruh dunia, ada enam (6) orang, empat (4) yang datang itu semua daripada Selangor. Empat (4) daripada enam (6) itu semua dari Selangor. Menunjukkan bahawa ia dianjurkan oleh pihak-pihak tersebut. Jadi saya berpandangan, Jawatankuasa Pengurusan Dewan terutamanya, boleh memikirkan untuk menganjurkan kursus-kursus itu di negara kita ataupun di tempat kita sendiri. Dan melalui itu juga, kita boleh jemput negeri-negeri lain atau parlimen kalau mereka ingin sertai. Kalau dirasakan perlu untuk menambah program-program itu, daripada kita menghadiri program mereka yang telah diuruskan, mungkin ada “charge” “fee” yang tertentu, saya anggap, lebih baik kita anjurkan di sini dan kita memang ada beberapa program untuk kursus penambahbaikan latihan dan sebagainya, kita boleh gunakan kursus-kursus tersebut untuk dianjurkan untuk Ahli-Ahli Dewan kita, mahupun saya percaya kalau kita buka kepada Dewan-Dewan Negeri lain, ia akan membuka peluang untuk Dewan-Dewan Negeri lain menambah nilai kemampuan mereka.

Untuk Kampung Tunku, dibangkitkan tadi tentang apakah RM250,000.00 dan ini secara tidak langsung menjawab Taman Templer, sebab RM250,000.00 yang kita gunakan ini adalah untuk menaik taraf keselamatan dewan kita, termasuk pengimbas-pengimbas yang kita akan “upgrade” dan juga menaiktaraf penyamanan udara. Jadi kita boleh menyelesaikan masalah kipas dan sebagainya yang disebut lagi termasuk pembaikan cokmar dan pembelian dua (2) buah rak kaca untuk jubah Speaker dan Timbalan Speaker.

Seterusnya, tadi dikaitkan tentang pekerja atau pegawai kita yang ada di Dewan, yang bertugas sebagai pemandu, setakat ini, kita harus mengikut kepada, kita mengikut peraturan-peraturan yang diguna pakai oleh penjawat-penjawat awam Negeri Selangor termasuklah pesara dan secara keseluruhannya, kita masih mengekalkan RM1,500.00, namun saya telah menyebutkan janji saya untuk menilai kembali dan kita sedang menilai dan kalau perlunya nanti kita akan umumkan sebarang perubahan terhadap peningkatan gaji apabila kita umumkan kelak.

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

Untuk pertambahan bangunan, setakat ini belum ada lagi, belum ada lagi inisiatif itu, walaupun pelan dan perancangan ada sebelum ini dan insyaAllah kita akan cuba “accommodate” kalau ada keperluan termasuk cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Templer, bilik-bilik tertentu, ruang rehat dan sebagainya yang setakat ini kita ada dua (2) bangunan, yang keseluruhan Dewan ini, iaitu Bangunan Dewan Negeri ini dan juga ANNEX. Dan di ANNEX itu lah pusat pentadbiran Dewan ini beroperasi dan Pejabat Speaker di sana. Dan juga tempat makan dan sebagainya diuruskan di sana. Mungkin juga ruang legar boleh diurus semula atau disusun semula ikut kreativiti dan kemampuan. Kalau ada keperluan kita boleh uruskan mengikut keperluan.

Mengenai keperluan-keperluan yang saya rasa perlu ditambah nilai, ialah keperluan-keperluan untuk Orang Kurang Upaya yang mungkin melibatkan sebahagian pengunjung Dewan ini ataupun peserta-peserta dalam Dewan ini atau Ahli-Ahli dan Anggota Dewan yang saya rasa kita boleh lihat untuk mempermudah kan, dan saya rasa ini satu keperluan yang perlu kita ambil peduli di masa akan hadapan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, untuk saya juga baru dimaklumkan tadi, memang kita sedang menguruskan penambah baikkan untuk Orang Kurang Upaya di dalam Dewan Negeri dan InsyaAllah dalam sesi yang akan datang ataupun pertengahan sesi nanti dalam bulan enam (Jun) kita akan dapat lihat perubahan untuk kemudahan Orang Kurang Upaya ini.

Saya rasa itu setakat ini, kalau ada apa-apa lagi. Tidak ada ya.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Ada dua (2) perkara yang telah saya bangkitkan, satu (1) adalah pindaan kepada enakmen tentang elauan pemandu dan keduanya adalah agak penting adalah tentang “accessibility” mantan ADUN-ADUN kepada hospital awam.

**Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Terima kasih, saya terlupa, mengenai elauan pemandu tadi memang saya akan sedang, kita sedang uruskan kita sedang nilai semula dan kita sedang lihat, setakat ini belum ada peruntukannya lagi. Kalau ada keperluan kita akan buat pada sesi pertengahan sidang akan datang, sama ada hendak pertambahan itu perlu atau tidak. Tapi kena sokonglah, kerana ia akan melibatkan bajet tambahan ya.

Dan keduanya berkenaan dengan enakmen kesihatan kepada Ahli-Ahli Dewan Negeri dan bekas Ahli-Ahli Dewan, enakmen itu malangnya tidak mengikat kepada kementerian dan sebab itu mereka mengeluarkan pekeliling sedemikian rupa. Apa yang mungkin kita boleh fikirkan ialah “guarantee letter” atau “GL” yang boleh dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Negeri terhadap seluruh Ahli-Ahli Dewan kita untuk mereka mendapatkan rawatan di pusat-pusat rawatan tertentu dan “GL” itu akan kemudiannya dibayar terus oleh pihak Kerajaan Negeri terhadap tuntutan-tuntutan kegunaan mereka berbanding penggunaan mereka. Itu kita akan usahakan. Kita akan keluarkan “guarantee letter” daripada pihak Kerajaan Negeri untuk bayaran-bayaran dan segala kos yang melibatkan Ahli-Ahli Dewan dan bekas-bekas Ahli Dewan untuk kegunaan atau perkhidmatan kesihatan di hospital-hospital kerajaan terutamanya. Terima kasih.

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB:** “Point” saya tadi minta diulas. “Point” saya nyatakan tentang tokoh-tokoh dalam Dewan yang perlu diangkat.

**Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Itu, kita sedia ambil maklum, penerbitan, hasil daripada Dewan ini, saya rasa memang patut dikeluarkan. Namun begitu, saya juga telah bangkitkan tentang buku ini, kita telah keluarkan versi cakera keras, “cd”, cakera padat, cakera padat, kita telah keluarkan, itu untuk mengelakkan beban membawa perkara ini. Tapi tidak apa kita sudah ada kemudahan seperti ini. Saya rasa “next round” kita akan pastikan selain daripada buku ini secara fizikal dikeluarkan, saya rasa masih perlu, sebab pada masa-masa tertentu kita perlu merujuk dan sebagainya tapi kita boleh kurangkan jumlahnya, dan kita boleh teruskan masukkan di dalam alat kita atau “gadget” yang sedia ada ini yang boleh digunakan atau dikemas kini di masa hadapan. Ataupun lepas ini kita keluarkan “thumb drive, no longer cd” dah tidak ada CD dah sekarang. “Cloud” kalau perlu “Clouds Data” dan sebagainya boleh bukan tidak boleh. Kita boleh aturkan tapi saya rasa keperluan untuk kita terbitkan buku seperti ini masih perlu.

Mengenai kerusi ini, nanti kejap, sebabnya kita kena hayatilah semangat cintai kerusi masing-masing, sebab masa pilihan raya kita berebut kerusi, tapi bila sudah dapat kerusi kita hendak buang kerusi itu. Pelik.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kampung Tunku

**Y.B. PUAN LIM YI WEI :** Ya, terima kasih tuan pengurus, saya rasa, Dato' Menteri Besar tertinggal pertanyaan saya tentang butiran program 505000, Kod Objek 29000. Apakah kegunaan atau memberi pencerahan di bawah kolumn dasar baru, mengapa ada kenaikan dari 2019 ke tahun 2020.

**Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** 29 ini melibatkan elaun ADUN, termasuk sebahagiannya adalah elaun menghadiri mesyuarat yang kita pertingkatkan dari RM75.00 kepada RM350.00, hasil daripada perjuangan speaker sebelum ini yang minta kita naikkan elaun-elaun mesyuarat di kalangan Ahli Dewan Negeri, jadi kita naikkan elaun ini untuk memberikan motivasi kepada Ahli Dewan Negeri menghadiri mesyuarat-mesyuarat yang telah dipanggil. Terima kasih.

Maafkan saya, termasuk satu lagi, tambahan kepada kerani-kerani kawasan yang sebelum ini kita menyerap sebahagian daripada pegawai-pegawai PTRS yang kita masukkan kepada kerani-kerani kawasan supaya meningkatkan kepada empat (4) orang, kepada kerani-kerani yang terbabit. Sebab itu ada peningkatan dari segi daripada tahun 2019 kepada RM1.5 juta yang dibangkitkan tadi. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Sungai Tua. Ahli-Ahli Yang Berhormat Jadual B3, iaitu wang sejumlah RM31,839,149.30 untuk kepala B3 Dewan Negeri Selangor menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju sila kata ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak.

Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B4, Perbendaharaan Negeri, RM48, 705,866.70

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Tiada komen daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Jadual B4, Wang sejumlah RM48,705, 866.70 untuk kepala B4 Perbendaharaan Negeri Dewan Selangor menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju sila kata ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak.

Dipesetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B6, Caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri, RM1 billion 133 juta.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Jadual B6, Caruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri, RM1billion, 133 juta. “sorry sorry”

Jadual B6, iaitu wang sejumlah RM1billion, 133 juta untuk kepala B6 untuk Kumpulan Caruman Wang Pembangunan Negeri menjadi sebahagian daripada jadual.

Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju sila kata ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak.

**Y.B. MOHD SANY BIN HAMZAH:** Sekejap pengerusi, macam tak sama maklumat yang ada pada kami ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Jadual B6, Setiausaha sila perbetulkan.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B. 6 – Caruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri, RM1,108,000,000.00 (Satu Bilion Satu Ratus Lapan Juta Ringgit).

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat, Jadual B. 6 – iaitu wang sejumlah RM1,108,000,000.00 (Satu Bilion Satu Ratus Lapan Juta) untuk Kepala B. 6 Caruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA.

**DEWAN :** Ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B. 7 – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor, RM1,434,982.90 (Satu Juta Empat Ratus Tiga Puluh Empat Ribu Sembilan Ratus Lapan Puluh Dua Ringgit Dan Sembilan Puluh Sen).

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat, Jadual B. 7 – iaitu wang sejumlah RM1,434,982.90 (Satu Juta Empat Ratus Tiga Puluh Empat Ribu Sembilan Ratus Lapan Puluh Dua Ringgit Dan Sembilan Puluh Sen) untuk Kepala B. 7 Caruman Kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor menjadi sebahagian daripada Jadual.

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA.

**DEWAN :** Ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B. 8 – Jabatan Pertanian, RM21,492,312.50 (Dua Puluh Satu Juta Empat Ratus Sembilan Puluh Dua Ribu Tiga Ratus Dua Belas Ringgit Dan Lima Puluh Sen).

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat, Jadual B. 8 – iaitu wang sejumlah RM21,492,312.50 (Dua Puluh Satu Juta Empat Ratus Sembilan Puluh Dua Ribu Tiga Ratus Dua Belas Dan Lima Puluh Sen) untuk Kepala B. 8 Jabatan Pertanian menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA.

**DEWAN :** Ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI :** Pengerusi lupa cakap ringgit tadi. Pengerusi terus sebut sen. Dua Puluh Satu Juta Empat Ratus Sembilan Puluh Dua Ribu Tiga Ratus Dua Belas Ringgit Dan Lima Puluh Sen. Pengerusi sebut sen terus .

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B. 9 – Pejabat Tanah dan Galian, RM24,755,035.80 (Dua Puluh Empat Juta Tujuh Ratus Lima Puluh Lima Ribu Tiga Puluh Lima Ringgit Dan Lapan Puluh Sen).

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat, Jadual B. 9 – iaitu wang sejumlah RM24,755,035.80 (Dua Puluh Empat Juta Tujuh Ratus Lima Puluh Lima Ribu Tiga Puluh Lima Ringgit Dan Lapan Puluh Sen) untuk Kepala B. 9 Pejabat Tanah dan Galian menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA.

**DEWAN :** Ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B. 10 – Jabatan Perhutanan, RM24,498,850.10 (Dua Puluh Empat Juta Tujuh Ratus Lima Puluh Lima Ribu Tiga Puluh Lima Ringgit Dan Lapan Puluh Sen).

**7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat, Jadual B. 10.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Yang Berhormat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ok. Silakan Pelabuhan Klang.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Terima kasih Yang Berhormat. Butiran program aktiviti 505000 Pentadbiran dan kewangan jenis perbelanjaan 11000 Gaji dan Upahan cuma saya nak minta Jabatan Perhutanan Negeri Selangor ini agar lebih efektif lagi melalui tindakan penguatkuasaan terutama sekali penebangan-penebangan kayu-kayu bakau di dalam kawasan-kawasan persisiran pantai bukan hanya di kawasan Pelabuhan Klang tetapi kalau kita tengok banyak kawasan-kawasan paya bakau di negeri Selangor ni banyak kejadian mencuri, menebang kayu bakau secara haram seperti di DUN Sementa juga dan ini mengakibatkan masalah tebatan banjir di pesisiran pantai dan dalam masa yang sama juga saya mohon pihak penguat kuasa Jabatan Perhutanan Negeri Selangor ini supaya meningkatkan lagi operasi pada setiap masa terutama sekali bukan hanya penebangan kayu-kayu bakau ni tetapi kawasan-kawasan kayu bakau kalau kita tengok apa yang berlaku di Sungai Petani, Kedah dan sekarang ini berlaku juga di kawasan-kawasan di daerah Klang yang berdekatan dengan tepi laut ini di mana Kawasan-kawasan paya bakau ini juga dijadikan tempat pembuangan sampah sisa haram terutama sekali sisa-sisa plastik yang tidak boleh di kitar semula dan dia semakin banyak berlaku dan saya berharap pihak penguat kuasa Jabatan Perhutanan Negeri Selangor sama ada kurang atau tidak cukup atau berlebihan itu perlu difikirkan tetapi perlu diberikan perhatian kawasan-kawasan paya bakau persisiran pantai ni. Terima kasih Yang Berhormat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Pelabuhan Klang. Silakan Taman Medan.

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI :** Saya nak merujuk kepada butiran bernombor 560000, pada Kod 13000 Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan. Yang ini saya mungkin mohon penjelasan daripada pihak kerajaan negeri jika dapat memaklumkan tentang apa dimaksudkan tentang Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Taman Medan. Saya jemput pihak kerajaan memberikan penjelasan. Silakan Kajang.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Terima kasih. Soalan yang ditimbulkan oleh sahabat saya iaitu Pelabuhan Klang tentang hutan kayu bakau sebenarnya kita tidak benarkan untuk orang individu ataupun syarikat untuk menebang pokok bakau di sekitar di bawah Hutan Simpan Kekal. So, Hutan simpan, hutan bakau ni bukan setakat terletak di Hutan Simpan Kekal tapi dia bukan setakat, bukan hanya di bawah selia Jabatan Hutan Negeri Selangor kebanyakannya hutan bakau tu di tepi pantai tu di bawah PBT. Di bawah Pejabat Tanah, so kita sebagai Jabatan Perhutanan Negeri Selangor kita hanya kawal selia hutan bakau yang di bawah yang di zon kan sebagai rizabkan sebagai Hutan Simpan Kekal. So, saya tak pasti adakah kawasan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu terletak di Hutan Simpan Kekal. So, kena bezakan. So, kebanyakannya hutan, kebanyakannya pokok kayu bakau ni di bawah kawal selia PBT, PBT bukan di bawah Hutan Simpan Kekal melainkan kawasan itu dikhaskan, dizonkan, digazetkan sebagai Hutan Simpan Kekal.

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan negeri Selangor, PBT ataupun melalui Jabatan Perhutanan kita setiap tahun, setiap tahun kita menanam pokok kayu bakau, di mana dua tahun yang lepas kita bersama dengan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor untuk menanam pokok besar-besaran di sebelah Sabak Bernam dan usaha akan diteruskan pada setiap tahun. Memastikan keluasan hutan bakau ini diperbanyak kerana hutan bakau ini boleh untuk membantu kita untuk mencegah hakisan daripada pantai, sebab itu lah usaha yang sedang dijalankan di mana untuk baru-baru ini kita baru melancarkan satu pusat pelancongan di bawah Selangor Maritim Gateway, iaitu dalam Sungai Klang ada satu kawasan *reserve* untuk pusat pelancongan untuk hutan bakau. Hah Hutan Bakau dan kita akan di mana peruntukan telah pun diperuntukkan dan kita harap dalam dua tiga tahun ini kita boleh di mana dia menjadi satu tempat tarikan pelancong yang datang untuk meninjau hutan bakau yang kita usahakan di Sungai Klang. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Soalan Tambahan. Mohon pencerahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Pelabuhan Klang.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Terima kasih Yang Berhormat EXCO Alam Sekitar berkenaan dengan tindakan penguatkuasaan. Tadi dimaklumkan bahawa pihak Jabatan Perhutanan hanya bertanggungjawab terhadap Hutan Simpan Kekal paya bakau sahaja dan adalah tugas dan tanggungjawab PBT dan juga Pejabat Daerah untuk memantau kayu-kayu bakau ini. Saya setuju tetapi kadang-kadang saya tengok memang ada terkena dengan kawasan-kawasan Hutan Simpan Paya Bakau ini dan kalau kita tengok dari tepi, dari darat, dari laut memang cantik tetapi kalau kita menggunakan dron tengok dari atas, tengah-tengah tu memang dah tak nampak dah, mereka melakukan aktiviti-aktiviti ni pada waktu malam, di tebang pada waktu malam dan di keluarkan kayu-kayu bakau ini pada waktu malam dan sebab itu saya mohon pihak Jabatan Perhutanan untuk tengok kawasan-kawasan Hutan Simpan Kekal. Saya ada kawasan Hutan Simpan Kekal yang memang telah diceroboh pun dan saya hargai usaha kerajaan negeri Selangor bersama dengan pihak-pihak NGO yang memang banyak mengusahakan untuk menanam semula pokok-pokok bakau ini bagi menahan hakisan pantai tepi laut ni tetapi dalam masa yang sama dia tanam tapi dalam masa yang sama tebang pokok-pokok dah nak tanam, nak besar ni dia bukan nya hari ni tanam esok dah besar. Ia mengambil masa lima ke sepuluh tahun baru pokok tu besar dan kita tengok apa lagi kesan penebangan kayu-kayu bakau ini di mana pembiakan ikan pun menjadi masalah di mana anak-anak ikan pun tak boleh nak membiak sebab tempat hutan paya bakau ini adalah tempat untuk pembiakan anak-anak ikan juga tetapi sekarang ni dah banyak yang tercemar, dah banyak yang kena tebang dan kita pun sedia maklum kajian menunjukkan lima tahun, 10 tahun, 20 tahun lagi akan datang kemungkinan Pelabuhan Klang ni kalau kita tak buat sesuatu dia kata apa? Akan tenggelam ya. (Ketawa).

Jadi inilah langkah-langkah awal yang perlu kita ambil, bagaimana cara kita nak mungkin Jabatan Perhutanan kena buat kempen yang lebih hebat lagi lah untuk sama-sama masyarakat menanamkan semangat cintakan pokok kayu bakau dan apa kelebihan kayu bakau ini kepada manusia.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Terima kasih cadangan daripada Yang Berhormat Pelabuhan Klang. Jabatan Perhutanan Negeri Selangor sentiasa pantau dan juga

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

memastikan tempat-tempat yang sering diceroboh oleh yang mana yang, yang apa *illegal* di mana mereka kita ada kakitangan renjer untuk memantau, so, kita harap juga di mana PBT memainkan peranan juga. PBT dan juga Pejabat Tanah memainkan peranan untuk memantau kerana kebanyakannya seperti yang tadi saya kata kebanyakannya pokok bakau ini bukan terletak di Hutan Simpan Kekal so di buat di bawah selia, kawal selia oleh Jabatan Hutan Negeri Selangor. So, untuk menjawab Yang Berhormat Taman Medan Sumbangan Berkawan Untuk Kakitangan adalah untuk Bayaran KWSP Kakitangan Kontrak. So, saya harap maklum jawapan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Kajang. Ahli-ahli Yang Berhormat, Jadual B. 10. – iaitu wang sejumlah RM24,498,850.10 (Dua Puluh Empat Juta Tujuh Ratus Lima Puluh Lima Ribu Tiga Puluh Lima Ringgit Dan Lapan Puluh Sen) untuk Kepala B. 10 Jabatan Perhutanan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA.

**DEWAN :** Ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B. 11 – Pejabat Mufti, RM3,536,194.00 (Tiga Juta Lima Ratus Tiga Puluh Enam Ribu Satu Ratus Sembilan Puluh Empat Ringgit).

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Hulu Klang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih Timbalan Pengurus. Saya ingin membawa tajuk yang berkaitan dengan Mufti dan Institusi Mufti ia merupakan satu Institusi yang sangat penting dalam masyarakat Malaysia beragama Islam dan berbagai-bagi kaum di mana Institusi ini membolehkan berlakunya interaksi pemikiran dan kefahaman dan sifat-sifat yang berbentuk moderate, sederhana, yang wasatiah, yang tidak menyalahi apa yang dikehendaki oleh Ahli Sunnah. Walau bagaimanapun saya akhir-akhir ini saya rasa begitu tertekan dan rasa macam bersalah kerana setiap kali kalau hari Jumaat kita dengar khutbah di antara doa-doa yang biasa disebut adalah tidak, umat Islam Malaysia tidak terjebak dengan ajaran sesat. Ajaran yang keliru seperti macam-macam tapi yang penting adalah disebut Syiah.

Syiah ini saya adalah ahli sunni yang hakiki, Mahzab Ahli Sunnah Wal Jemaah, Imam Syafie dan mempunyai keterbukaan dalam memahami maqasid syariah dan pegangan saya adalah untuk bersama-sama dengan majoriti umat Islam yang membuat fatwa melalui ijтиhad, menegakkan kebenaran dan keadilan.

Walau bagaimanapun apabila isu ini ditimbulkan kita menjadi sebuah negara walaupun dibacakan di Hulu Klang ke, di Sijangkang ke, tentang doa agar tidak jadi Syiah ni tapi kesannya besar. Kesannya, saya pernah menghadiri satu seminar *round table discussion* di UM di hadiri oleh beberapa orang tokoh pemikir termasuklah pelajar PhD dari Iran dan merasakan dia terkejut dan terkilan bagaimana dia datang ke Malaysia, negara jiran, negara kawan yang seislam tetapi mengajar mendoakan agar jangan menjadi sesat macam Syiah. Dia berasa salah dan dia rasa macam dia tidak terima di Malaysia dan tetapi jika

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

kita dengar satu pandangan daripada seorang tokoh profesor University Of London, Proffesor Ziad Zadar seorang keturunan India Pakistan yang lahir di England dan menjadi warganegara England, Great Britain dan dia menekankan bahawa sekiranya isu ini diketengahkan maka kita akan melihat tradisi Islam itu tinggal separuh sahaja. Sebahagian besar tokoh besar seperti Ibnu Sina, Nurush dan pemikir-pemikir yang beraliran macam Al-Gazhali haluannya adalah ke situ dan pertemuan di antara Syiah dan Sunni ini adalah dalam tarekat yang suci dan betul yang dibawa Ibnu Arabi. Jadi konsep itu telah difahami sehingga pada kemuncak keruntuhan Khalifah Uthmaniyyah di mana apabila perpecahan itu makin meruncing menuju kepada kerugian Umat Islam maka seorang tokoh telah lahir telah dibesarkan dan mengadakan hubungan yang mesra dan intim dengan kedua-dua blok Syiah dan Sunni. Kalau di Iran namanya adalah Jamaluddin Hasad Abadi kalau di dunia sunni dinamakan Jamaluddin Al Afghani. Dia bukan sahaja kedua-dua Syiah dan Sunni dia seorang *freemason* yang tujuannya untuk memahami bagaimana hendak menyatukan Umat Islam. Akhirnya dia berjaya hampir-hampir untuk menyatukan dan akhirnya apa yang berlaku Dunia Islam berlaku peperangan pertama dan kedua masih dilihat Umat Islam tidak dipanggil puak Sunni dan Syiah. Apa yang ingin saya tekankan di sini pendekatan kita dalam membawa pada takliq pendekatan merapatkan dua-dua blok ini sepatutnya menggunakan kaedah (Bahasa Arab) iaitu menutup pintu-pintu yang membawa kepada kemudaratan dan (Bahasa Arab) membuka ruang-ruang yang boleh menyatukan kita. Pendekatan itu tidak dilakukan oleh Umat Islam hari ini. Saya menyeru dan mengharapkan Jabatan Mufti, Tokoh-tokoh Agama, Majlis Islam Selangor dan JAIS mendalami perkara ini dan melihat dari segi perspektif global. Melihat perspektif yang lebih luas jangan terlalu makro, makro itu memang kita hendak *defend* untuk mempertahankan akidah Umat Islam, kita fokus isu syiah ini iaitu isu akidah tetapi tidak dia adalah isu politik. Sejak permulaannya adalah khilaf politik dan kemudian doktrinkan yang berkaitan dengan iktikad. Apabila itu diperbesarkan jadi kaedah ulama adalah untuk menekankan satu (Bahasa Arab) yang tidak perlu melebarkan ruang (Bahasa Arab). Saya menyeru agar Pejabat Mufti menimbang perkara ini melihat agar Malaysia ini kita tidak lihat sebagai negara yang *very pressive* pada *minority opinion* dan tidak begitu terbuka dengan kebebasan agama dan saya seru agar perkara ini kita *review*. Saya rasa lebih baik doa-doa itu kita jadikan "Ya Allah ya tuhanku Ya Allah Ya tuhan kami jadikan rakan-rakan kami, saudara saudari kami berlain akidah dan yang cenderung pada ajaran yang tidak betul kembali ke pangkal jalan. *Its better* dari kita *attack*. Saya melihat itu satu pendekatan yang lebih lunak dalam konteks inklusiviti Islam untuk mengajar Islam bersama-sama dengan masyarakat dan itu tujuan Islam untuk melebarkan kasih sayang, rahmat kepada sekalian alam bukan untuk menjadikan kerumitan dan persengketaan hubungan di antara kita. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Hulu Kelang. Silakan Sijangkang

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN AHMAD HAIRI :** Terima kasih Tuan Penggerusi. Saya merujuk kepada muka surat 88 butiran 505000 kod Objek 27000 Bekalan dan Bahan-bahan lain. Pejabat Mufti sebahagian tugasnya adalah untuk membuat fatwa-fatwa yang mana saya kira pada hari ini cukup banyak fatwa-fatwa yang telah diwartakan di bawah Pejabat Mufti. Saya merasakan bahawa Kod ini adalah untuk membekalkan bahan-bahan sebahagia promosi, cetakan-cetakan untuk sebagai wawaran kepada masyarakat. Walaupun mungkin pada hari ini bahan-bahan sebesarnya berbentuk cetakan ataupun *hardcopy* dan kita tidak nafikan dengan kecanggihan IT pada hari ini sebaran tentang ataupun promosi tentang di bawah Pejabat Mufti ada juga dibuat dalam bentuk perkembangan melalui media terkini. Pun begitu saya lihat ada penurunan pada

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

jumlah peruntukan walaupun ini adalah sebahagian daripada pendekatan mengurangkan kos pengurusan tetapi saya lihat supaya jumlah yang sepatutnya difikirkan lebih baik sebagai satu bentuk promosi untuk ditambahkan sebagai bahan edaran kepada masyarakat kerana sebahagian kadang-kadang kita lihat banyak fatwa sebahagian besar masyarakat juga tidak mengambil maklum bahawa itu adalah sudah menjadi sebahagian daripada fatwa di Pejabat Mufti. Sebagai contoh apabila pendekatan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia melarang merokok di kawasan restoran yang di mana ini juga telah difatwakan di Negeri Selangor merokok adalah difatwakan haram tetapi ada masyarakat yang terkejut bila ada fatwa-fatwa seperti ini sebab itu saya merasakan peruntukan-peruntukan untuk bekalan dan bahan-bahan promosi terutamanya harus ditingkatkan. Terima Kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Sijangkang. Silakan Taman Medan.

**Y.B. TUAN SHAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI :** Terima kasih Puan Timbalan Pengurus. Saya begitu tertarik dengan cadangan untuk Jabatan Mufti Negeri Selangor. Cuma saya melihat bahawa proses pemerkasaan Jabatan Mufti Selangor ini sesuatu yang boleh diteruskan kerana saya sendiri pernah mendapat khidmat di Jabatan Mufti Selangor dalam penentuan arah kiblat di pejabat saya dan saya amat berpuas hati. Cuma saya rasa apa yang ada dalam senarai-senarai yang akan dikemukakan atau di peruntukan kepada Jabatan Mufti Negeri Selangor suatu yang boleh dimanfaatkan dengan lebih luas seperti menambah baik dan juga menambah kualiti segala bentuk *facility* milik Jabatan Mufti Negeri Selangor dan seperti Balai Cerap dan juga perbelanjaan untuk membiayai segala bentuk aktiviti yang menjadi tanggungjawab Jabatan Mufti Negeri Selangor yang seperti mana yang saya lihat masih boleh lagi dipertingkatkan lagi dan begitu juga tentang bagaimana Jabatan Mufti juga boleh menambah baik dan maklumat-maklumat yang disalurkan melalui umpamanya media-media termasuklah media sosial , termasuk juga laman sesawang Mufti Selangor yang mana boleh dipertingkatkan lagi yang saya fikir boleh menjadi satu daripada perkara yang di belanjakan dengan sebaik-baiknya bagi meningkatkan lagi imej Jabatan Mufti Negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Taman Medan. Dijemput pihak Kerajaan untuk memberi penjelasan. Silakan Sungai Tua.

**Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Terima kasih di atas beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh pihak khususnya dengan peranan Pejabat Mufti menjadi berperanan menjadi paksi dan rujukan penting kepada Umat Islam di dalam Negeri Selangor khususnya dalam beberapa bab seperti akidah pelaksanaan syariah dan sebagainya. Ahli Yang Berhormat sekalian kita mengambil maklum di atas kepelbagaian yang wujud dalam negeri dan negara kita. Namun sebagaimana yang sedia maklum kita ada beberapa warisan yang perlu kita pertahankan sebagai contoh akidah Ahli Sunah Wal Jamah dan berdepan dengan beberapa serangan-serangan terkini sebagai contoh akidah Syiah dan sebagainya yang telah menjelaskan sedikit sebanyak daripada segi hubungan dan juga keserasian serta keharmonian di dalam masyarakat. Walaupun secara asasnya kalau kita menyusur ke sejarah belakang secara jujurnya perkembangan masalah Syiah ini bermula dengan masalah politik tetapi lama kelamaan dia telah menjurus kepada isu akidah, isu-isu akidah yang menjurus tentang ketuhanan, tentang Ali, tentang Rasulullah S.A.W, tentang sahabat dan sebagainya. Justeru perkara itu diambil serius oleh Bahagian Perundungan Agama Dalam Negeri Kita dan Jabatan Mufti berulang kali menyebutkan

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

peranan-peranan dan fungsi-fungsi kita terutama mengingatkan masyarakat supaya tidak mendekatkan diri atau tercebur dalam perkara-perkara tersebut setelah kecuali untuk tujuan kajian dan sebagainya dan kalau kita tidak benar-benar sedia. Dalam beberapa muzakkarah saya bersama dengan Jawatankuasa Fatwa saya menyarankan agar diwujudkan silibus di masjid-masjid. Diwujudkan peraturan pendidikan di masjid-masjid di mana di sana akan mendidik masyarakat secara keseluruhannya mengelakkan mereka terjebak dan mudah terikut-ikut dengan budaya dan ajaran-ajaran yang dianggap songsang dan sesat dan sebab itu kita mengingatkan masyarakat berhari-hari selalu dalam masjid, dalam propaganda-propaganda, kelompok-kelompok ini mereka kadang-kadang begitu tajam, mereka kadang-kadang begitu halus dan sebahagian daripada tanggungjawab pihak Kerajaan memastikan akidah Umat Islam itu berada dalam akidah yang benar dan kita cuba untuk menyelaraskan. Malahan pihak Jabatan Agama Islam dan sebagainya turut mengadakan beberapa perbincangan, mengadakan beberapa program, penerbitan dan sebagainya itu pun masih ada lagi serapan-serapan perkara-perkara tersebut. Namun begitu saya akan cuba *high light* kan dan bawa perkara ini dan kita boleh bersikap jujur, kita boleh bersikap terbuka tetapi apa yang berlaku di timur tengah ketika ini memberi ingatan kepada kita bagaimana pertembungan-pertembungan itu yang kelihatannya hanya persoalan perbezaan agama, perbezaan fahaman, perbezaan anutan, perbezaan kefahaman tetapi menjadi satu masalah yang besar Syria, Yaman, Saudi dan menimbulkan perperangan yang saya rasa sangat menyediakan kepada Umat Islam pada hari ini. Jadi saranan daripada pihak Sijangkang dan juga daripada pihak Taman Medan tadi kita akan ambil maklum dan kita akan cuba sampaikan tidak lain tidak bukan untuk menyampaikan kepada Umat Islam supaya berada dalam landasan dan kedudukan benar di samping memelihara keperluan-keperluan mereka untuk mengamalkan keperluan-keperluan dan tanggungjawab mereka. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Sungai Tua. Ahli-ahli Yang Berhormat Jadual B11 iaitu Wang sejumlah RM3,536,194.00 untuk kepala B11 Pejabat Mufti menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya.

**DEWAN :** Ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Dipersetujui. Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk makluman kita perlu membacakan semula jadual B6 kerana ada sedikit ralat di situ. Jadi saya mohon Sungai Tua untuk memberikan penjelasan.

**Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian pengeluaran Wang Disatukan Negeri hendaklah dimasukkan dalam Rang Undang-undang Perbekalan untuk tujuan perbelanjaan selain daripada perbelanjaan dipertanggungkan. Oleh yang demikian peruntukan B06 yang kita akan luluskan ini dibentangkan dalam Rang Undang-undang Perbekalan 2020 berjumlah RM1.133 bilion, (satu ribu satu ratus tiga puluh tiga juta) adalah untuk merangkumi anggaran perbelanjaan Kerajaan tahun 2020 oleh Kerajaan Negeri yang akan menggunakan sumber berikut. Ini wang untuk pembangunan, sangat penting. Yang pertama pindahan dari Akaun Hasil Disatukan kepada Kumpulan Pembangunan ataupun Hutan Negeri Selangor iaitu berjumlah RM1.108 bilion ataupun (satu ribu satu ratus 8 juta Ringgit Malaysia). Yang kedua pemberian berdasarkan tahap pembangunan ekonomi infrastruktur dan carta rakyat

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

ataupun dipanggil tahap adalah RM15 juta, ini adalah pemberian Persekutuan dan yang ketiga Kumpulan Wang Pinjaman Disatukan sebanyak RM10 juta. Jadi kalau melihat dalam bukunya ia seperti tidak *tally* tapi sebenarnya kita perlu mengumpulkan ataupun *accumulate* kesemuanya ini menjadi angka yang disebut RM1.133, RM1,133.00 juta. Manakala bagi peruntukan VOT B06 Caruman Wang Pembangunan Hutan Negeri Selangor berjumlah RM1.108 juta atau bilion yang dianggarkan dalam Buku Belanjawan 2020 merupakan amaun pindaan dari Akaun Hasil Disatukan kepada Wang Pembangunan Hutan iaitu salah satu sumber perbelanjaan pembangunan Negeri. Ini penting sebab dalam Belanjawan Negeri kita letak RM1.133 bilion dan ia adalah hasil daripada tiga komponen yang saya sebutkan tadi. Tahap 15 juta akaun pinjaman yang disatukan 10 juta dan selebihnya 1.108 billion ataupun 1,108 juta. Terima kasih.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B6 – Caruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri RM1,133,000,000.00.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Jadual B6 iaitu sejumlah RM1,133,000,000.00 untuk kepala B6 – Caruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ‘Ya’, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata ‘Tidak’. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B12 – Jabatan Kerja Raya RM120,779,645.90.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Saya ingin merujuk pada muka surat 93, 513, butiran aktiviti 513000 – Pembinaan Dan Penyelenggaraan Jalan Raya Dan Jambatan, kod objek 26000 – Bekalan Mentah Dan Bahan-Bahan Untuk Penyelenggaraan, 27000 – Bekalan Dan Bahan-Bahan Lain, 28000 – Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli.

Yang Berhormat sekalian, saya melihat jumlah peruntukan yang diberikan kepada pihak Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor ni macam sedikit sahaja dan tahun lepas dahlah kurang pun tak cukup. Tahun ini dikurangkan lagi. Saya tak tahu boleh cukup ke tak cukup sedangkan penyelenggaraan jalan-jalan negeri di dalam Negeri Selangor ini perlu diberikan perhatian yang lebih sebab kalau kita tengok memang banyak masalah jalan raya dan juga masalah infrastruktur yang sering dibangkitkan oleh masyarakat ataupun rakyat di Negeri Selangor. Dan, apabila saya tengok tahun lepas yang kurang ni pun tak cukup, tahun ni dia makin kuang lagi. Aduh! Apakah kita boleh menyelenggara dan membaiki jalan-jalan Negeri Selangor? Di kesempatan ini juga saya hendak mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kerajaan Persekutuan kerana telah memperuntukkan sebanyak RM50 juta untuk pembaikan dan penyelenggaraan jalan-jalan raya di kawasan Pelabuhan Klang. Cuma, saya hendak bagi tahu, ni bila sebut Pelabuhan Klang ni semua tengok saya sorang. Pelabuhan Klang ni sebenarnya ada tiga DUN. DUN Pelabuhan Klang, DUN Pandamaran termasuklah DUN Selat Klang juga dan jalan-jalan yang ada di kawasan Pelabuhan Klang ni besar. Dan, kalau tengok dia sebenarnya tak sesuai jadi DUN. Dia sepatutnya dah jadi Parlimen dah so... (gelak), *InsyaAllah* akan datang kita kena naik taraf DUN Pelabuhan Klang ni menjadi Parlimen dan DUN Pandamaran dan DUN Selat Klang ni bawah Parlimen Pelabuhan Klang. Itu cadangan (gelak). OK, dan saya ingin mengambil perhatian Dewan Yang Mulia ini, saya yakin kerja-kerja yang akan dilaksanakan pada tahun hadapan adalah untuk memastikan jalan-jalan tersebut akan dibaiki dan

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

diselenggarakan dengan baik dengan menggunakan peruntukan yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, saya berharap pihak Jabatan Kerja Negeri...Jabatan Kerja Raya ataupun JKR Negeri Selangor juga perlu mengambil perhatian tentang isu ini di mana apabila Kerajaan Persekutuan hendak melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan ini mesti dia melalui Kerajaan Negeri melalui JKR Negeri dan saya harap pihak JKR Negeri juga perlu memantau dan kalau boleh kali ni RM50 juta yang diperuntukkan tu janganlah guna lagi teknologi lama. Sebab jalan-jalan yang ada di sekitar Pelabuhan Klang ini kali terakhir diselenggara dan diturap dan dibaiki adalah pada tahun 2015 dan ada yang jalan-jalan tu 2013, 2012 dan seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat EXCO Infrastruktur semalam bahawa jalan-jalan persekutuan ini tidak mempunyai peruntukan jalan penyelenggaraan tahunan iaitu seperti MARRIS yang sekarang ini digunakan untuk jalan-jalan negeri, jalan-jalan perbandaran, jalan daerah dan juga jalan-jalan pertanian. Tu jalan-jalan persekutuan ni tidak ada. Jadi, pastikan apabila peruntukan sebanyak RM50 juta ini turun untuk digunakan membaiki jalan-jalan ni pastikan kualitinya, teknologi yang diguna, kaedah yang diguna itu adalah kaedah-kaedah yang terkini. Kita semua sedia maklum kawasan Pelabuhan Klang ini aliran trafiknya sangat-sangat pesat, sangat-sangat sibuk dan kebanyakan kenderaan yang menggunakan jalan-jalan di kawasan Pelabuhan Klang ini seperti di Persiaran Raja Muda Musa, di Jalan Kampung Pendamar, Jalan Pelabuhan Utara, Jalan Pelabuhan Barat ini semuanya dipelopori oleh kenderaan-kenderaan berat. Sebab itu jalan-jalannya selalu cepat rosak dan selalu perlu diperbaiki dan selalu berlubang dan perlu ditampal dengan segera. Sebab tu kalau boleh dan saya dimaklumkan oleh Yang Berhormat EXCO Pandan Indah bahawa dah ada teknologi terkini yang kalau kita buat, kita baiki jalan tu boleh tahan lama. Dan, ambillah peluang peruntukan RM50 juta ini untuk kita cuba laksanakan kaedah yang lebih baik supaya kalau boleh lagi 10 tahun kita tak payah bising lagi pasal jalan-jalan di kawasan Pelabuhan Klang ini.

Seterusnya, saya ingin pergi ke muka surat 94, 519000 – Kejuruteraan Mekanikal iaitu kod objek 26000 – Bekalan Mentah Dan Bahan-Bahan Untuk Penyelenggaraan, 2700 – Bekalan Dan Bahan-Bahan Lain, 26...28000 – Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli. Saya yakin bila sebut kejuruteraan mekanikal ni mesti isu-isu yang berkaitan dengan peralatan teknikal seperti lampu-lampu jalan ya, elektrikal sebab selalu apabila kita mengadu masalah pembaikan lampu-lampu jalan ataupun lampu-lampu awam di bawah penyelenggaraan JKR, pihak JKR Daerah akan mengatakan bahawa ini semua adalah tanggungjawab di bawah kejuruteraan elektrik JKR Negeri Selangor. Dan, kalau saya tengok jumlah peruntukan yang disediakan juga memang tidak mencukupi dan seperti yang semua sedia maklum memang banyak jalan-jalan di dalam Negeri Selangor ini terutama di kawasan-kawasan macam Pelabuhan Klang ini, kawasan Meru, kawasan Sementa, banyak jalan-jalan tiang lampunya ada tetapi lampunya tak menyala. Dan, bila kita tengok di tiang lampu tersebut, lambangnya lambang JKR. Dan, memang masalahlah dan saya harap sangat isu ini dapat diselesaikan dan kita sedia maklum bahawa antara masalah yang menyelubungi pihak JKR ialah masalah vandalisme di mana tiang-tiang lampu ini dirosakkan, kabel-kabelnya dicuri oleh pihak-pihak ataupun individu-individu yang tidak bertanggungjawab. Jadi, sudah sampai masanya pihak JKR, kejuruteraan mekanikal ataupun kejuruteraan elektrik ataupun mana-mana pegawai ataupun jurutera yang bertanggungjawab yang kena membaiki dan menyelenggara lampu-lampu jalan ini kena memikirkan satu inovasi yang lain daripada yang lain di kawasan-kawasan *hotspot*, di mana kawasan-kawasan lampu yang wayar atau kabelnya selalu dicuri. Saya harap pihak JKR mungkin boleh belajar dengan pihak Majlis Perbandaran Klang kerana Jurutera ataupun

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

Jabatan Kejuruteraan Majlis Perbandaran Klang sekarang sedang melakukan inovasi tiang-tiang lampu yang sebelum ini kepunyaan milik Majlis Perbandaran Klang sebelum ni selalu dirosakkan juga kabel-kabelnya dicuri tetapi selepas menggunakan kaedah inovasi terkini, saya lihat kurang sekarang ini aduan tentang masalah lampu-lampu awam ataupun lampu-lampu jalan milik Majlis Perbandaran Klang. Yang tak selesai sekarang ni adalah milik Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor. Saya ambil contoh dua jambatan baru sahaja dinyalakan pada tahun ini. Satu pada bulan April dan satu lagi pada bulan Ogos. Tetapi sekarang apa jadi? Dah tak menyala semula. Dan, apabila kita tengok di lapangan ataupun di tapak, tengok-tengok wayarnya semua telah pun dipotong dan dicuri. Dan, kenapa JKR masih lagi nak meneruskan kaedah yang lama sedangkan dah banyak dah kaedah-kaedah terkini menggunakan inovasi yang dicipta oleh jabatan-jabatan kejuruteraan di kawasan-kawasan lain. Saya ambil contoh sekarang ni kalau kita *google*...

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Minta penjelasan.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Alat pencegah kecurian kabel jalan lampu yang dibuat oleh Majlis Perbandaran Seberang Prai, saya *print*. Sekarang ni adapun benda ni. Dah dibuat pun di Majlis Perbandaran Seberang Prai dan saya tengok peratusan laporan yang ditunjukkan sudah kurang kecurian berlaku selepas inovasi dilaksanakan di kawasan MPSP. Jadi, mungkin pihak JKR sudah sampai masanya kena belajar dah dengan jabatan-jabatan yang telah melaksanakan inovasi bagi mengatasi masalah ni.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Minta penjelasan.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Kalau tidak Kerajaan Negeri kena sentiasa menyediakan duit...

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Minta penjelasan.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Yang banyak setiap tahun menyelesaikan isu yang sama yang sepatutnya duit tersebut kita boleh gunakan untuk berbelanja di tempat yang lain. Ya, persilakan Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Saya amat bersetuju dengan cadangan dan juga hujah daripada Yang Berhormat Pelabuhan Klang tetapi cuma satu perkara saja iaitu sekiranya kita membuat perbandingan penyelenggaraan ataupun inovasi tu nampaknya PBT mempunyai kebebasan yang lebih besar dan juga autonomi yang lebih besar dari segi itu dan kalau kita semak dengan JKR, kadangkala apa yang mereka lakukan ialah ianya dikontrakkan kepada kontraktor-kontraktor tertentu. Contohnya Road Care dan kadangkala JKR Daerah dan juga JKR Negeri tidak ada kuasa untuk menentukan kerana ianya telah pun dikontrakkan secara pakej oleh KKR kepada syarikat-syarikat ataupun kontraktor-kontraktor itu dan kerana itu kekangan itu banyak, lebih banyak daripada situ dan mereka JKR walaupun ambil maklum ia tidak dapat bergerak. Jadi, apakah...saya mengambil...saya bercadang juga kepada Yang Berhormat supaya teguran-teguran yang dilontarkan oleh Yang Berhormat itu JKR dan juga apa ni...sama ada JKR Selangor, JKR Daerah dan juga KKR perlu merombak semula cara dia. Cara pelaksanaan dia.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Terima kasih Yang Berhormat Banting. Saya sangat-sangat bersetuju dengan Yang Berhormat Banting. Saya ambil

## **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

contohlah baru-baru ini, dalam bulan ini juga sebenarnya telah ada satu kerja-kerja membaik pulih jalan dengan menggunakan kaedah CIPR di ST180, Seksyen 3 dan 4.5, Jalan Pelabuhan Utara/Pelabuhan Klang. Jalan ni tak panjang pun, 1 kilometer. Jalan ni memang mempunyai masalah yang banyak di mana jalannya selalu rosak kalau menggunakan kaedah biasa sebab itu JKR Daerah Klang mencadangkan supaya kaedah CIPR ini digunakan di mana *pavement* yang lama tu dikorek semula dan digaul semula dengan simen kemudian ditar ataupun diturap semula menggunakan *pavement* yang lama dan kemudian diletakkan mungkin CW20. Maknanya tar yang lebih tahan lama sebab jalan ini merupakan jalan yang orang kata jalan yang sangat, aliran trafiknya sangat tinggi di mana kajian menunjukkan hampir 60,000 kenderaan menggunakan jalan ini. Dan, yang menjalankan kerja-kerja ini adalah Road Care bukannya JKR dan sebab itu tapi apabila kita nak berurusan, saya dah bagi tau jalan ni, jalan ni sangat sibuk. Saya dah maklumkan pihak JKR apabila nak melaksanakan sekurang-kurangnya kena bagi notis selama seminggu apakah langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil dan makluman perlu disebarluaskan kepada pengguna-pengguna jalan raya tersebut. Dalam mesyuarat setuju. Tetapi apabila kerja hendak dilaksanakan, esok nak laksanakan hari ni baru bagi tahu. Dah kelam-kabut semua orang sebab jalan tersebut ada lampu isyarat yang perlu ditutup dan kerja-kerja perlu dilaksanakan dan dalam masa yang sama laluan tersebut sangat-sangat sibuk dan macam mana nak laksanakan dan saya dah bagi tahu dah jelaskan antara sebab saya membuat aduan ini daripada tahun 2016...

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Mohon mencelah.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Kita nak selesaikan jalan ini...

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Port Klang.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Adalah kerana...sekejap, sekejap Kuang. Sikit je lagi kang terlupa...2016 bahawa jalan ini mestilah dibuat dengan baik sebab itu menggunakan kaedah CIPR. Tapi apa hasilnya? Semalam bila saya tengok apabila mereka tidak mahu mendengar nasihat. Walaupun saya ni bukanlah orang teknikal tapi berdasarkan kepada pengalaman saya nak bagi tahu ada kawasan di situ *hotspot* kalau anda teruskan juga cara yang lama...duduk ya?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Klang.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Sekali kau suruh duduk (gelak).

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** OK. Pelabuhan Klang sila duduk. Pelabuhan Klang sila duduk. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan perlu bersidang semula.

(Dewan senyap).

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan pukul 4.30 petang. Dengan ini saya menangguhkan Dewan sehingga esok iaitu 9.30 pagi. Dewan ditangguhkan.

**7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**(DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 4.30 PETANG)**